

Bil. 21

**Selasa
18 April 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA - Penggunaan Bahasa Melayu Semasa Perbahasan	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
USUL-USUL:	
MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1): Isu Pencemaran Air Busuk Ammonia di Sungai Semenyih - <i>Y.B. Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)</i>	(Halaman 18&90)
RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006-2010)	(Halaman 19)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) – MIC

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) -MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) – MCA

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang terhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO

21. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN

61. Yang Berhormat Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) -MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

101. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepl

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 18 April 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**Penggunaan Bahasa Melayu Semasa Perbahasan**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada satu perkara yang hendak saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dari suatu masa ke suatu masa, saya akan membuat beberapa pesanan, saya berharap akan mendapat kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat mengenainya. Pada pagi ini saya merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu khususnya di Dewan ini dan amnya di luar.

Saya dapati kebelakangan ini, dalam beberapa ucapan diselang selitkan dengan bahasa Inggeris. Bukan sahaja ini tidak sedap didengar, tetapi lebih serius lagi ianya adalah akan mencemarkan bahasa itu. Saya faham banyak daripada kita berpengetahuan lebih daripada satu bahasa, ada yang berpengetahuan tiga bahasa, ada yang empat bahasa.

Oleh itu, kita sering dapati apabila seseorang sedemikian berucap dalam bahasa Melayu kadangkala apabila ia sukar untuk menerangkan buah fikirannya dalam bahasa Melayu, dia melompat ke bahasa Inggeris dan selepas itu melompat balik ke bahasa Melayu. Kadangkala walaupun ia boleh terus mencetuskan sesuatu buah fikiran dalam bahasa Melayu, ia beralih ke bahasa Inggeris di pertengahan jalan secara automatik ataupun berbuat demikian dengan tujuan untuk menegaskan atau menjelaskan lagi apa yang dimaksudkannya pada pendapat dia.

Sebenarnya apa yang terjadi ialah melompat dari satu bahasa ke satu bahasa hanya menggambarkan kekurangan dirinya dalam bahasa tersebut termasuklah bahasanya sendiri, apatah lagi dalam bahasa Inggeris. Ia juga mencerminkan kurang yakin dirinya kepada bahasa Melayu untuk memberi gambaran kepada sesuatu daya pemikiran. Ia juga beranggapan dengan menggunakan bahasa Inggeris ini termasuk kadangkala saya sendiri, ia beranggapan dengan menggunakan bahasa Inggeris, bahasa itu boleh memberi penerangan lebih baik lagi kepada daya pemikirannya daripada menggunakan bahasa Melayu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bahasa Melayu merupakan suatu bahasa tertulis yang berurusan. Saya anggap lebih daripada 1,500 tahun mungkin lebih tua dari itu dan mungkin lebih tua dari bahasa Inggeris sendiri. Sebagai bahasa yang dituturkan ianya lebih tua dari itu, Lebih dari 500 tahun dahulu, sebuah buku bernama *Sejarah Melayu* telah tertulis di Johor. Ini, Yang Berhormat Sri Gading bersetuju ini. Sastera agung ini yang menjadi perintis kepada sastera Melayu yang menulis mengenai sejarah dan peristiwa dalam masyarakat serta memberi gambaran yang jelas kepada segala buah fikiran pada masa itu tanpa menggunakan walau sepetah bahasa Inggeris pun.

Saya cuma menyatakan di sini bahawa bahasa Melayu adalah lengkap. Saya tidak menyatakan bahasa lain tidak boleh digunakan. Rujukan kepada sesuatu perkara dalam bahasa Inggeris umpamanya boleh dibuat diikuti dengan memberi maksud kepadanya dalam bahasa Melayu. Rujukan bolehlah dibuat umpamanya kepada perkara-perkara yang difikirkan suatu bahan rujukan seperti kata-kata pujangga dan sebagainya.

Sebahagian besar daripada perkataan-perkataan dalam bahasa Inggeris yang saya dengar digunakan di Dewan ini adalah perkataan-perkataan yang ada perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu. Yang penting ialah bahawa apa yang dituturkan dalam Dewan ini difahami oleh sasaran kita di dalam mahupun di luar Dewan. Jika bahasa dicampuradukkan, saya percaya lebih daripada 90% penghuni ataupun pendengar di luar bandar tidak akan memahaminya.

Jika sasaran tidak sampai, kuranglah faedahnya kita memperkatakan sesuatu sama ada dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan. Jika keadaan ini berterusan iaitu mencampuradukkan bahasa di peringkat ini dan tidak dibendung, bahasa Melayu akan tercemar dan kewibawaannya akan tergugat.

Dengan suasana serba global sekarang, keaslian bahasa sentiasa terancam. Sebarang usaha untuk menyesuaikannya dengan suasana ini, penggunaan bahasa lain mestilah diselaraskan oleh badan yang berwajib berbuat demikian. Sekian, terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin mengalu-alukan penuntut dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Durah, Seremban ke Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*] Soalan saya nombor satu.

1. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) adakah kempen-kempen Nilai Murni yang dijalankan oleh kementerian berhasil; dan
- (b) apakah pengukur keberkesanan kempen-kempen tersebut.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan ini sekalipun ia telah dijawab beberapa kali dalam segmen jawapan-jawapan yang terdahulu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas prinsip dan penyampaian Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi demi menjadikan Bahasa Kebangsaan yakni bahasa Melayu sebagai bahasa yang jitu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat,

- (a) Sukacita dinyatakan bahawa Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 Januari tahun 2005. Setelah setahun pelancarannya, kempen ini mendapat reaksi yang positif melalui maklum balas orang ramai.

Hampir semua negeri telah pun mengadakan majlis pelancaran, begitu juga di peringkat kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan komuniti yang menuju kepada cara hidup yang lebih berbudi. Di samping itu, kegiatan-kegiatan ceramah, taklimat, pertandingan dan gotong-royong, kenduri kampung serta diselitkan dengan program-program merakyatkan seni amat menggalakkan.

- (b) Selepas tempoh enam bulan pelaksanaan kempen, kementerian atau KeKKWa pendeknya telah menjalankan kaji selidik melalui temu bual telefon ke atas 2,002 orang responden daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya bawa Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Hasil daripada kaji selidik tersebut, sebanyak 64% daripada rakyat Malaysia sedar tentang kempen ini melalui media elektronik.

Tuan Yang di-Pertua: Biar habis dahulu.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Selepas setahun pelaksanaan kempen, satu lagi kaji selidik melalui temu bual telah diadakan bagi mengetahui keberkesanan kempen. Hasil temu bual ke atas 4,800 responden di seluruh negara mendapati sebanyak 78% menyatakan kempen ini berkesan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya bawa Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua? Peraturan Mesyuarat 23(1)(c) yang boleh mengelirukan. Macam tadi Jelebu menyebut tentang KeKKWa.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, apabila merujuk kepada seseorang anggota pentadbiran, Ahli itu wajarlah menyebut sama ada Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya hendak sebut tadi, tetapi tidak sempat lagi sudah dipotong oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri Ahli Yang Berhormat bagi Jelebu tentang KeKKWa sedangkan Tuan Yang di-Pertua telah membuat *ruling*, dengan izin membuat peraturan bahawa mestilah bahasa Melayu baru sebentar tadi dan penggunaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang lebih jelas lagi. Apakah ini diibaratkan telah melanggar arahan yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada melanggar ya? Tidak melanggar Yang Berhormat. Ini ialah perkataan pendeknya seperti UMNO begitu jugalah ya? Jadi, boleh digunakan tetapi, kalau mula-mulanya masih umum tidak faham lagi, bolehlah diberikan maknanya atau maksudnya itu. Jadi, boleh digunakan ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini atas apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Profesor Ali Shahbana seorang pakar bahasa Indonesia menegur rakyatnya menggunakan bahasa-bahasa pendek begini, menyebabkan hari ini di Indonesia, bahasa asli Indonesia itu sudah tidak difahami lagi kerana percantuman-percantuman yang dipendek-pendekkan.

Kalau KeKKWa itu pun nanti boleh digunakan, nanti ada kementerian yang dinamakan kementerian katak. Ini tidak akan menepati sebagaimana saranan mulia Tuan Yang di-Pertua tadi. Saya amat menyanjung tinggi dan menyokong kenyataan Tuan Yang di-Pertua sebenarnya, kenyataan seorang negarawan negara ini yang mendaulatkan bahasa Melayu. Satu tindakan yang amat mulia. Ini saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa pandangan Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Jerlun.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tahniah dan terima kasihlah di atas kempen yang bersungguh-sungguh yang telah dilancarkan oleh pihak Menteri dan juga pihak kementerian. Cumanya di sini setelah fasa kedua dilancarkan tentulah dalam penerangan tadi pencapaian ataupun indeks pencapaian yang telah kita dengar cuma masih ada lagi rungutan kes-kes yang terpencil seperti di kaunter sedikit sebanyak berlaku kekasaran. Adakah kementerian dalam fasa kedua ini mengambil kira kes-kes ini hendaklah dihabiskan atau hendak diperbetulkan secara serius. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jerlun. Penampilan pandangan tersebut memang menjadi satu tugas utama kepada kementerian ini dan di atas kesedaran bahawa kita tidak dapat menjadikan semua pihak berbudi bahasa, waima pun di dalam Dewan negeri ataupun di dewan-dewan legislatif. Kita berusaha terus menerus.

Berhubung di perenggan pertama ini, permohonan kami dari kementerian ialah supaya kita sebenar-benarnya memberi contoh yang baik sebagai pemimpin di atas apa yang kita sebutkan terhadap rakan atau terhadap mana-mana pihak tanpa prejudis atau prasangka dan tanpa apa-apa kandungan muslihat di belakangnya. Apabila ini dilihat oleh masyarakat umum, pelaksana di peringkat tertinggi, maka lebih mudah bagi rakyat jelata mengikutinya. Tentu sekali ini adalah impian ataupun perkara yang paling ideal. Mungkin kita tidak dapat mencapainya dalam tempoh singkat namun dalam jangka panjang perjuangan Wawasan 2020 itu akan dapat kita capai.

Tentang perkhidmatan di kaunter atau di meja-meja hadapan jabatan, kami ada khidmat di kementerian yang meminta maklum balas terus di telefon kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tentang apa-apa muslihat ataupun gaya perkhidmatan ataupun budi bahasa yang tiada di kaunter-kaunter tersebut. Kami akan membawanya kepada Ketua Setiausaha Negara. Sekiranya ia sabit dengan jabatan kerajaan atau dengan pihak-pihak lain yang berkaitan pula dengan segmen khidmat yang sebenarnya.

Ini berkaitan juga dengan soalan Yang Berhormat bagi Kota baharu kelmarin yang tidak sempat dijawab oleh rakan saya Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Wawasan. Justeru, sekali gus Tuan Yang di-Pertua, kami akan cuba menyemarakkan lagi Kempen Budi Bahasa walaupun kami dikritik dari segi-segi yang tertentu, kami tidak akan bosan menjalankan tugas ini. Dan, seterusnya menyatakan di kalangan orang Melayu yang telah ditemu bual, 77% faham tentang kempen ini tetapi sebaliknya di kalangan kaum Tionghoa, hanya 32% yang tahu. Jadi, sudah jelas kami akan pergi dan bertugas secara bertungkus-lumus ke bawah di landasan rakyat bawah agar bilangan dan had itu ditingkatkan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun kita mendengar tadi usaha yang bersungguh-sungguh dijalankan tetapi saya bimbang bahawa usaha itu semacam mencurah air di daun keladi. Sebagai contoh Yang Berhormat Menteri, teguran ikhlas saya, unsur yang paling berpengaruh dalam membentuk minda masyarakat ialah media. Selalu saya mengingatkan dan mengungkapkan bahawa filem-filem Melayu dan drama-drama Melayu kita tidak membantu sebenarnya dalam mempertingkatkan nilai-nilai murni ini.

Cuba lihat negara-negara maju, walaupun mereka maju tetapi nilai murni mereka terpelihara. Filem Korea dan filem Jepun, bagaimana bercakapnya seorang isteri kepada suami walaupun dalam konteks marah tetapi, cuba kita lihat dalam filem dan drama kita, ini tidak selesai, Yang Berhormat Menteri. Lihat filem dan drama-drama kita hari ini, cara isteri bercakap dengan suami. Ini tidak menggambarkan orang Melayu dan bangsa Malaysia yang sepatutnya kita berusaha ke arah itu. Saya bimbang kementerian semacam tidak ada kuasa ke atas media ini. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kubang Kerian. Secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut sebagai mencurah air ke pasir, mungkin kita tidak dapat terima hujah tersebut. Lantaran perubahan nilai kepada sesuatu masyarakat memakan masa yang lama. Kita sudah begitu ligat berlari dan mencari serta mendapatkan kemajuan dalam semua aspek tetapi bab atau fasal berkaitan dengan sahsiah dengan budaya dengan perangai dan dengan sifat-sifat terpuji, jarang dapat kita laksanakan dalam amalan ataupun latihan yang wujud.

Oleh itu, kita pergi semula menerusi sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah sampailah ke universiti, dan kerajaan telah memutuskan supaya kandungan budi bahasa ataupun ciri yang mengandungi bahan-bahan memuliakan sahsiah tadi dapat disematkan. Tinggal lagi mengenai drama yang dikatakan gelagat suami atau isteri berdialog kasar, saya faham maksud Yang Berhormat, cuma RTM telah menggariskan baru-baru ini bersama-sama dengan kementerian agar kandungan budi bahasa atau elemen amalan budi bahasa di dalam program-program mereka akan ditahapkan kepada sifat perangai yang positif. Marilah kita tunggu menjelang akhirnya bulan Disember dan kita lihat semula sama ada ini masih relevan dalam konteks kritikan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

2. **Dato' Chor Chee Heung [Alor Setar]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, pada tahun ini berapakah jumlah peruntukan yang akan diluluskan atau dicadangkan dalam RMK-9 bagi maksud membina/menaikkan taraf jalan-jalan, kampung (PJK) dan seluruh negara amnya dan Parlimen Alor Setar khususnya, memandangkan begitu banyak lagi jalan kampung yang masih bertanah merah.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Setar. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan siling peruntukan yang diluluskan untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan kampung di seluruh negara ialah sebanyak RM1 bilion. Bagi tahun 2006 pula peruntukan sebanyak RM300 juta telah diluluskan.

Daripada jumlah tersebut sebanyak RM20.64 juta telah diperuntukkan kepada negeri Kedah. Untuk kawasan Parlimen Alor Setar sebanyak RM650 ribu telah diluluskan. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan dan juga saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kementerian Yang Berhormat yang sentiasa berusaha dengan daya upaya menyumbang dari segi pembinaan jalan-jalan kampung di kawasan saya. Soalan tambahan saya ialah yang pertama, di luar bandar terdapat dua jenis jalan itu jalan kampung dan jalan luar bandar. Kedua-dua ini sentiasa mengelirukan kita semua, orang kampung, orang ramai, kadang-kadang wakil rakyat pun keliru. Oleh yang demikian, saya apakah perbezaan antara dua ini, mungkin ada syarat-syarat lain yang harus menepati sama ada ini adalah jalan kampung atau jalan luar bandar.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah kemungkinan projek-projek untuk menaik taraf dan membina jalan kampung selepas diluluskan oleh kementerian, bila sampai ke peringkat hendak mengimplementasikan ia kadangkala terlepas ataupun tidak buat. Satu misalan yang saya ingin beritahu ialah di kawasan saya terdapat sebatang jalan, di mana peruntukan yang diberikan ialah RM120 ribu. Tahun 2005 telah pun diluluskan tetapi malangnya sampai sekarang tidak buat apa lagi pun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Setar]: Sikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bertanya sama ada RM1 bilion untuk lima tahun ini munasabah atau tidak iaitu membina jalan dan menaik taraf jalan kampung di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Setar. Memangnya kita kadang-kadang mengakui ada peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan tetapi tidak sampai ke bawah. Ini tidak dinafikan oleh kementerian. Oleh sebab itu, mulai 31 Mac 2006 kementerian telah menghantar senarai program projek KKLW bagi tahun 2006 mengikut kawasan-kawasan Parlimen kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Ini Kementerian Luar Bandar, bantuan dalam bandar. Saya jaga kampung sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Dengan harapan senarai ini akan memberi panduan dan pandangan kepada Yang Berhormat sekalian untuk berurusan dengan pegawai SDO di setiap negeri atau pegawai kemajuan di tempat masing-masing. Ataupun kalau tidak berpuas hati bolehlah berjumpa dengan Menteri Besar ataupun Ketua-ketua Menteri, sebagai Ahli Parlimen boleh berbincang untuk menguruskan supaya tempat kita diselesaikan. Itu yang pertama.

Yang kedua, ada salah faham di antara jalan luar bandar dengan jalan kampung. Jalan luar bandar ini ialah jalan yang menghubungkan jalan besar untuk masuk ke sesebuah kampung. Ini dipanggil jalan luar bandar. Luasnya ialah di antara 22 kaki hingga 27 kaki dan kenderaan yang boleh masuk ke jalan ini beratnya 20 tan dan umur jangka panjangnya lebih kurang tujuh tahun. Jalan kampung pula ialah di antara 8 kaki hingga 14 kaki lebar, umur hayatnya dijangka tiga tahun dan kenderaan yang boleh masuk tidak lebih daripada 5 tan. Dengan cara ini mudah-mudahan kesempurnaan bagi orang-orang luar bandar dapat dijalankan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian di bawah pimpinan Dato', memang buat kerja sungguh dan ini terbukti tetapi saya berasa sedih kerana saya kira sebentar tadi bila Yang Berhormat kata 1 bilion untuk Rancangan Malaysia Kesembilan bahagi dengan lima, jadi setahun tidak sampai pun RM300 juta sedangkan rintihan rakyat di luar bandar untuk jalan kampung begitu banyak sekali, titisan air mata yang berkehendakkan jalan-jalan ini supaya di *upgrade* kan dan kalau kita hendak membandingkan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini rintihan, Tuan Yang di-Pertua. Rintihan.

Beberapa Ahli: Soalannya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sama-sama kawan pun marah... *[Ketawa]*.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian akan mengkaji semula dan memohon peruntukan tambahan untuk kita *upgrade* kan jalan-jalan luar bandar. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri biarlah peruntukan bandar dengan luar bandar ini seimbang. Kalau seringgit di bandar maka seringgitlah di luar bandar kerana kami juga ingin merasai menikmati kemerdekaan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, faham sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, faham, ye?

Tuan Yang di-Pertua: Faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hampir-hampir menangis mendengar rayuan daripada Jerai ni... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Selalu sangat menangis.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Namun demikian, kementerian ini tidak akan menangis kerana kami akan berusaha... *[Tepuk]* Supaya keperluan luar bandar itu dapat disempurnakan. Tentunya RM1 bilion bukanlah satu angka yang tepat dan tetap. Apabila ada kajian semula separuh penggal esok, insya-Allah, daripada rancangan dan juga cadangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, bolehlah diangkat untuk dipertimbangkan apa yang patut bagi Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Sekian, terima kasih.

3. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan rakyat yang layak mengundi tetapi belum mendaftar sebagai pengundi. Adakah kerajaan merangka cara yang lebih berkesan untuk mendaftarkan mereka sebagai pemilih untuk menjadikan proses pilihan raya benar-benar mencerminkan pilihan rakyat majoriti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod terkini yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara iaitu JPN sehingga 31 Disember 2005, terdapat seramai 14,514,116 orang warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun ke atas.

Dari jumlah tersebut seramai 10,236,096 orang telah mendaftar sebagai pemilih dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Baki yang layak mendaftar tetapi belum mendaftar sebagai pemilih ialah seramai 4,278,020 orang.

Sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa pendaftaran sebagai pemilih bukanlah sesuatu yang wajib di negara kita. Oleh itu menjadi tanggungjawab seseorang warga negara itu sendiri untuk mendaftar sebagai pemilih. Dalam hal ini kerajaan tidak boleh memaksa orang ramai untuk mendaftar. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia telah membuka peluang yang seluas-luasnya kepada orang ramai untuk mendaftar sebagai pemilih kerana urusan pendaftaran pemilih dibuat sepanjang tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah melaksanakan urusan pendaftaran pemilih melalui kaedah pendaftaran seperti yang berikut:

(a) Pendaftaran Statik

SPR membuka kaunter-kaunter pendaftaran di Ibu Pejabat SPR Putrajaya dan di semua pejabat pengarah pilihan raya negeri di seluruh negara, 14 negeri semuanya;

(b) Pasukan Bergerak SPR

Unit bergerak SPR yang membuat pendaftaran di kawasan perumahan, kilang-kilang, institusi pengajian tinggi awam, institusi pengajian tinggi swasta, pusat-pusat membeli belah dan tempat-tempat awam lain;

(c) Pejabat-pejabat Pos

Pendaftaran juga dilaksanakan melalui 650 pejabat pos berkomputer di seluruh negara;

(d) Wakil-wakil Jabatan dan Agensi

Pendaftaran pemilih melalui wakil-wakil jabatan yang dilantik oleh SPR di pejabat-pejabat daerah di seluruh negara; dan

(e) Wakil Parti-parti Politik di seluruh negara.

Kerajaan percaya sistem pendaftaran yang diamalkan sekarang ini iaitu pendaftaran secara statik dan bergerak yang dilaksanakan oleh SPR mampu untuk mendaftar seramai warga negara yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan ada usaha-usaha untuk menarik lebih ramai lagi pengundi-pengundi yang berkelayakan untuk mendaftar menjadi pengundi tetapi, usaha-usaha ini tidak diendahkan oleh kebanyakan orang ramai. Jadi, adakah kerajaan berusaha bersungguh-sungguh supaya membetulkan keadaan ini dan jangan biarkan *trend* ini bersandiwara sahaja dan sekiranya ia tidak boleh dijalani dengan berkesan, maka ini tidaklah menepati saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya ada *delivery system* yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tidaklah sandiwara macam DAP.

Apa yang kita buat semuanya ialah bersungguh-sungguh untuk memberikan peluang seluas-luasnya kepada mereka yang layak menjadi pengundi untuk mendaftar. Saya mintalah supaya Yang Berhormat Bagan cadanglah apa benda. Jangan cakap kosong sahaja. Kalau ini tak cukup...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Boleh saya buat beberapa cadangan, boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baru nak cadang! Maknanya dialah banyak sandiwara.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kalau tanya panjang-panjang Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, apa? Cakaplah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: ...Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cakap, cakaplah. Apa cakap kosong sahaja. Bagilah pandangan macam mana mahu bikin lagi. Kalau apa yang kerajaan buat tidak mencukupi bagi cadangan yang bernas. Jangan cakap macam orang bodoh, tak tahu. Cuma pandai kritik sahaja.

Kita mahu cadangan yang bernas. Bukan kita mahu kritikan yang sengaja bangkit, bersandiwara...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan. Adakah "bodoh" boleh diguna?..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sebentar tadi..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya cakap tentang soalan bukan awak. Saya cakap soalan bodoh, ya..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Soalan bodoh, yang cakap sekarang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan yang bercakap, ya. Okey.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ini jawapan bodoh, ini.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk-duduk Yang Berhormat. Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umum mengetahui bahawa rakyat boleh mendaftar untuk menjadi pengundi di mana-mana sahaja termasuk pejabat pos dan rakyat sekarang hidup dalam keadaan selesa di bawah Kerajaan Barisan Nasional, dalam erti kata lain rakyat tidak peduli untuk mengundi kerana mereka dalam keadaan selesa. Bukankah ini mencerminkan bahawa pilihan rakyat, mereka tidak kesah untuk mendaftar sebagai pengundi kerana mereka hidup dalam keadaan selesa dan bercanggah dengan pendapat Yang Berhormat Bagan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ini pandangan bernas, yang tadi itu bodoh... [Ketawa] Yang ini bernas. Jadi, memang betul, yang tadi bodoh. Ini memang betul. Pertama, kita tidak mahu memaksa. Cukuplah hari ini, Malaysia, orang kata banyak undang-undang. Kita tak boleh paksa kerana ada di kalangan orang yang merasakan sudah selesa sebab kalau kita lihat kepada apa yang berlaku di negara-negara lain apabila mereka tidak berpuas hati dengan kerajaan yang ada, maka mereka bersungguh-sungguh berusaha untuk mendaftarkan diri mereka apabila dia tahu pilihan raya sudah dekat kerana dia nak mengundi nak menjatuhkan kerajaan.

Jadi, macam hari ini orang semua selesa, orang seronok, tidak ada masalah. Sebab dia tahu dia duduk dalam keadaan yang selesa dan dia rasa tidak ada keperluan untuk dia hendak mendaftar sebab itu dia tidak daftar. Sebab itu saya kata pandangan Yang Berhormat Ledang memang cantik dan tidak bodoh macam Bagan tadilah.

4. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bilangan anak yatim mengikut jantina, pusat jagaan kerajaan dan NGO serta peruntukan kewangan kerajaan kepadanya. Apakah kriteria penubuhan rumah anak yatim, tatacara pengambilan anak angkat dan bilangan yang berjaya dijadikan anak angkat (*adopted*).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab memberi pemeliharaan dan perlindungan kepada semua kanak-kanak yang memerlukan termasuklah anak-anak yatim.

Bilangan kanak-kanak tersebut yang ada pada JKM adalah kanak-kanak yang dirujuk kepada jabatan untuk jagaan dan perlindungan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan anak-anak yatim yang di bawah jagaan pertubuhan sukarela kebajikan yang mendapat bantuan geran daripada jabatan.

Terdapat seramai 1,071 kanak-kanak yang memerlukan jagaan dan perlindungan yang ditempatkan di sembilan buah rumah kanak-kanak. Jumlah ini termasuklah anak-anak yatim, kanak-kanak mangsa deraan dan pengabaian. Selain dari itu seramai 244 kanak-kanak ditempatkan di laman buah rumah Tunas Harapan dengan kaedah penjagaan kanak-kanak secara sistem berkeluarga.

Di samping itu seramai 3,154 kanak-kanak ditempatkan di 79 pusat jagaan kanak-kanak di bawah kelolaan pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan dan yang mendapat geran tahunan. Kadar geran tahunan yang diberi sekian lama kepada kanak-kanak ialah sebanyak RM3.90 sen sahaja sehari untuk seorang. Hasil perjuangan JKM kadar geran ini telah dinaikkan - alhamdulillah, kepada RM8 sehari untuk seorang kanak-kanak mulai tahun 2004. Jumlah geran tahunan yang diberikan adalah sebanyak RM4,495,477 bagi tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kriteria penubuhan rumah anak yatim yang menerima geran tahun JKM ialah:

- (i) pertubuhan yang berdaftar;
- (ii) mendapat kelulusan dari pihak berkuasa tempatan; dan
- (iii) menepati peruntukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Tatacara pengambilan anak angkat adalah melalui Akta Pengangkatan 1952 dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, iaitu khas untuk orang bukan Islam yang dipohon melalui Mahkamah Seksyen atau Mahkamah Tinggi.

Manakala proses pengangkatan melalui Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 yang terpakai untuk orang Islam dan juga bukan Islam di buat melalui Jabatan Pendaftaran Negara.

Kedua-dua Akta ini adalah di bawah jagaan dan tanggungjawab Pentadbiran Jabatan Pendaftaran Negara. Pegawai JKM hanya berperanan sebagai penjaga di sisi undang-undang dengan izin, *Guardian ad Litem* mengikut Akta Pengangkatan dan juga sebagai pegawai pelindung di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan, di mana pegawai JKM mengendali seliaan dan menyediakan laporan untuk pertimbangan mahkamah dan Jabatan Pendaftaran Negara bagi kelulusan pengangkatan. Walau bagaimanapun, JKM mengendali juga penempatan anak pelihara atau anak angkat bagi kanak-kanak terdampar dan tidak dapat di kesan ibu bapa mereka. Pada tahun 2005, JKM telah meluluskan seramai 52 kanak-kanak kepada keluarga pelihara untuk dijadikan anak angkat. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Menteri. Kasihan, ramai anak-anak yatim yang tidak diangkat menjadi anak angkat kerana beribu-ribu anak yatim di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak pasangan mandul tidak ada anak ataupun kehilangan anak atas sebab-sebab tertentu dan mereka mencurahkan kasih sayang mereka itu kepada binatang manjaan. Oleh itu, persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah program-program pihak kementerian untuk menggalakkan pasangan-pasangan berkaitan untuk mengambil anak angkat dan apakah pemantauan dan pemerhatian susulan kepada anak angkat tentang kehidupan, tentang perkembangan dan pencapaian mereka dari segi keluarga angkat, dari segi emosi, kerohanian, kasih sayang, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila seorang kanak-kanak itu telah pun diangkat dengan secara rasmi, maka pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita tidak lagi membuat penyeliaan. Kecuali, ada laporan yang menyatakan adanya pengabaian ataupun penganiayaan, pembuangan ataupun pendedahan kanak-kanak itu kepada satu situasi yang berbahaya.

Apabila itu berlaku, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Kanak-kanak diberi tanggungjawab ataupun *authority*, dengan izin, untuk membawa atau mengadili mereka yang terbabit dan mengikut Akta Kanak-kanak ini, seksyen 31(a), sesiapa yang didapati salah boleh disabitkan dengan denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Saya hendak mengambil kesempatan di sini Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peringatan kepada semua mereka yang mendera atau mengabaikan ataupun membuang kanak-kanak, bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak akan bertolak ansur. Kita akan mengambil tindakan untuk menentukan perkara ini tidak berlaku dan Akta Kanak-kanak ini akan diguna dengan sepenuhnya.

Selain daripada itu, program-program yang dijalankan, sentiasa kita jalankan program untuk anak angkat ini terutama melalui LPPKN iaitu salah satu daripada jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain kementerian bertanggungjawab ke atas melindungi anak-anak yatim ini, kita tahu badan-badan NGO yang turut sama memainkan peranan seperti TV3 melalui programnya dan badan-badan amal yang lain.

Masalah soalan saya ialah, mereka berselindung di sebalik kutipan derma untuk tujuan anak-anak yatim tetapi tidak menyampaikan sedangkan kutipan telah dibuat berjuta-juta ringgit tetapi tidak sampai kepada rumah anak-anak yatim ini. Jadi, apakah kementerian ada pemantauan yang lebih tegas ke atas mereka yang mengambil kesempatan mengadakan malam amal, konsert dan sebagainya untuk tujuan bukan untuk anak-anak yatim atau badan amal yang sebenarnya tetapi untuk tujuan mereka sendiri. Jadi apakah tindakan daripada kementerian? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian tidak pun membuat apa-apa pemantauan dengan program-program yang dijalankan oleh TV3 ataupun mana-mana pihak yang lain tetapi, kalau ada desakan daripada rakyat jelata dan juga Ahli Parlimen, mungkin kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak jelas, ya. Maksud saya tadi, selain daripada media dan TV3 menjalankan usaha ini yang begitu baik, badan-badan lain yang mungkin mengambil kesempatan untuk tujuan anak yatim umpamanya, tetapi wang tersebut tidak disalurkan kepada anak-anak yatim untuk kepentingan sendiri..., anak-anak yatim ini. Berselindung di sebalik anak-anak yatim ini.

Tuan Yang di-Pertua: Seleweng ya.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita di Jabatan Kebajikan Masyarakat belum membuat lagi apa-apa pemantauan. Oleh kerana harapan kita ialah mereka yang menggunakan nama untuk anak yatim dan juga membuat kerja-kerja kebajikan. Kita berdoa bahawa mereka mempunyai nawaitu yang suci. Namun begitu, kalau ada kes-kes yang didapati mungkin adalah pecah amanah dan lain-lain, seharusnya pihak polis yang mengambil tindakan untuk pecah amanah dan juga beberapa peruntukan lain di bawah *Penal Code* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, adakah pemantauan dibuat?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Setakat ini, tidak ada pemantauan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan apa Yang Berhormat. Ada anak-anak yatim yang tidak layak dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada anak-anak yatim yang layak. Itu maksud saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tan Sri, bagi saya peluang satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Langkawi. Cukuplah Yang Berhormat. Banyak lagi soalan? Kemudian saya bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri hebat ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi kemudian. Langkawi, saya bagi kemudian, ya.

5. Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah benar Pulau Pisang yang menempatkan rumah api dan terletak di Selat Melaka di negeri Johor masih lagi dikendalikan oleh Kerajaan Singapura dan
- (b) jika benar, mengapakah berlakunya sedemikian, adakah selenggaraan dan operasi rumah api tersebut begitu canggih dan memerlukan kepakaran yang tidak terdapat di Malaysia.

Seorang Ahli: Sri Gading jangan masuk, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan ini. Ia terbahagi kepada (a) dan (b). Untuk jawapan,

- (a) Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa rumah api Pulau Pisang masih lagi dikendalikan oleh Kerajaan Singapura...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Bagi menjawab soalan,

- (b) Berdasarkan faktor sejarah penyelenggaraan dan operasi rumah api di Pulau Pisang telah bermula semenjak tahun 1900, setelah pemeteraian perjanjian atau dengan izin, *interior* di antara Sultan Johor dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat ataupun *Straits Settlement*, dengan izin. Di bawah perjanjian itu, Rumah Api Pulau Pisang adalah diletakkan di bawah bidang kuasa ibu pejabat Gabenor Negeri-Negeri Selat yang berpusat di Singapura. Setelah berakhirnya zaman pentadbiran British di Negeri-Negeri Selat, pentadbiran Rumah Api Pulau Pisang telah pun diambil alih oleh Kerajaan Singapura sehinggalah sekarang, seperti yang turut diperuntukkan oleh perjanjian yang sama.

Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan tadi. Saya sebagai rakyat Malaysia, amat memalukanlah terus teranglah. Takkanlah hendak jaga rumah api pun kita serah kepada orang lain, pada sayalah. Kalau tidak ada di Johor, orang Langkawi pun boleh pergi tengok rumah api ini. Pada saya, itulah sebabnya kadang-kadang itu, kita bincang masalah perkara-perkara seperti, kita bagi sedikit-sedikit. Sebab itulah, maka kita memberi walau sudah berpuluh tahun sudah merdeka. Bilakah agaknya hendak diserahkan balik ke Malaysia. Itu soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Enam bulan, setahun, 10 tahun, 20 tahun ataupun selama-lamanya? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana adalah faktor sejarah. Ia sebarang faktor sejarah yang mana tidak menimbulkan sebarang pertikaian sama ada oleh pihak rakyat kita ataupun negara jiran kita. Kita menganggapkan bahawasanya perlu dikekalkan.

Pada ketika ini, tidak ada sebarang cadangan oleh kerajaan kita untuk hendak mengubah sesuatu terutamanya apabila dia berkait dengan faktor sejarah yang mana kita juga perlu menghormati perjanjian yang telah dibuat oleh Almarhum Sultan Johor dahulu dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat, *Straits* tetapi, pandangan Yang Berhormat itu bolehlah saya ketengahkan tetapi pada setakat hari ini, tidak ada perubahanlah kepada status dari segi pengendalian rumah api di Tanjung Pisang itu. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pulau Pisang jelas di dalam perairan Malaysia. Oleh kerana sejarah, kita sanggup lagi menyerah pentadbiran Pulau Pisang, rumah api kepada Singapura. Di mana maruah kita Tuan Yang di-Pertua? Adakah Jabatan Laut tidak mempunyai pegawai yang cekap untuk mengendalikannya, dan kita beritahu Singapura, ini *territory* kita. Kita ada pegawai yang untuk menjaga rumah api ini untuk keselamatan. Bukan sahaja kapal Singapura tetapi kapal seluruh dunia dikendalikan oleh anak Malaysia dan kita halau dia dari Pulau Pisang. Setujukah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri tindakan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapannya adalah sama. Pandangan Yang Berhormat itu akan saya ketengahkan kepada kementerian. Terima kasih.

6. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada *Strategic Action Plan* di antara Malaysia dan negara China akan digubalkan untuk memupuk kerjasama dalam semua sektor di antara dua negara, jika ya. Beri bukti, jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Tuan Yang di-Pertua, semenjak terjalannya hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China (RRC) pada 31 Mei 1974 hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara terus meningkat dan berada pada tahap yang kukuh. Merangkumi pelbagai bidang hasil usaha dan kerjasama yang diambil oleh kedua-dua belah pihak.

Antara langkah-langkah strategik yang telah diambil dalam usaha meluas dan mengeratkan hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara termasuklah pertukaran lawatan di peringkat tinggi dari masa ke semasa dan penandatanganan perjanjian-perjanjian yang menggaris dan menetapkan skop dan hala tuju kerjasama antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bersama rangka kerjasama hubungan dua hala untuk masa depan dengan izin, *Joint Statement on the Framework for Future Bilateral Cooperation* yang ditandatangani pada 31 Mei 1999 dan kenyataan bersama ataupun dengan izin, *Joint Communiqué* yang dikeluarkan pada 15 Disember 2005, sempena lawatan rasmi Perdana Menteri RRC ke Malaysia mencerminkan komitmen dan kesungguhan Malaysia dengan kerjasama dan persetujuan RRC.

la mengambil langkah-langkah yang strategik untuk memupuk dan meluaskan lagi kerjasama antara kedua-dua negara. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan. Memandangkan ASEAN pada keseluruhannya juga mempunyai rancangan-rancangan bersama dengan RRC ini, apakah dengan sendirinya negara-negara dalam ASEAN ini menjalin hubungan rancangan tindakan strategik ini akan menimbulkan apa-apa masalah dan sekiranya ada halangan-halangan tertentu setakat ini apakah tindakan yang sudah diambil untuk menangani masalah yang timbul ini. Sekian.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong sekali lagi. Saya kira hubungan antara Republik Rakyat China dengan ASEAN sekarang ini semakin hampir dan semakin akrab dan semakin mantap sekali. Misalnya bagi merealisasikan kerjasama yang luas, kedua negara kita sendiri sekarang ini mengkaji dengan terperinci cadangan untuk mengadakan perjanjian kerjasama ekonomi ataupun kita panggil *economic partnership agreement*.

Di samping itu negara-negara ASEAN juga sedang berbincang dengan RRC untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas atau *free trade agreement*. Perjanjian ini diharapkan dapat digunakan sebagai mekanisme bagi menggalak dan meluaskan lagi kerjasama bukan sahaja antara Malaysia dan RRC tetapi juga untuk negara-negara asian keseluruhannya. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Memandangkan keakraban persahabatan antara Malaysia dengan China yang telah terjalin Malaysia merupakan negara pertama yang menjalinkan persahabatan ini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kenapakah dari segi hubungan perdagangan antara dua negara iaitu khususnya dalam sektor perbankan bolehkah pihak Malaysia dengan pihak China ini menubuhkan lebih banyak bank memandangkan ianya merupakan satu keperluan baik di Malaysia ataupun di negeri China dan kenapa ia tidak dapat direalisasikan dengan begitu banyak dan hanya ada satu *Bank of China* di Malaysia begitu juga memang terhad jumlah bank Malaysia di China.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Yang Berhormat Ayer Hitam, sebenarnya kalau dilihat secara hubungan dagang keseluruhannya antara Malaysia dan China adalah begitu baik dan kita adalah merupakan negara rakan dagang yang kedua besarnya di kalangan negara-negara selepas Singapura dengan Republik Rakyat China. Mengenai dengan soal penubuhan bank dan sebagainya, saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik dan yang akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan khususnya dalam bidang yang berkenaan. Terima kasih.

7. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah cadangan Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Benda Bersama (penyenggaraan dan pengurusan) akan dibentangkan di Dewan Rakyat memandangkan ia telah lewat disiapkan dan apakah halangan dan berapa kalikah lawatan sambil belajar dibuat keluar negara bagi maksud menyediakan draf rang undang-undang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (penyenggaraan dan pengurusan) ataupun RUUBHB sebenarnya telah siap dan disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Walau bagaimanapun, dengan adanya perubahan dalam keadaan sekarang seperti pengenalan *gathered community*, dengan izin, dalam cadangan pindaan Akta Hak Milik Strata yang akan datang dan juga penggantian CFO dengan CCC, maka Rang Undang-undang ini perlu dipinda untuk mengambil kira keadaan semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama ini perlu di bentang bersama sekali dengan pindaan hak milik strata kerana kedua-dua Rang Undang-undang ada kaitan antara satu sama lain. Kementerian ini sedang berusaha sedaya upaya untuk mempercepatkan penyelesaian Rang Undang-undang tersebut sebaik sahaja perkara-perkara berkaitan diselesaikan dengan seberapa awal yang boleh. Sehingga kini tidak ada lawatan sambil belajar ataupun keluar negara secara khusus dibuat bagi maksud penyediaan Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama ini kerana pandangan input daripada agensi-agensi terlibat dan para profesional tempatan telah pun mencukupi. Tidak perlu kita pergi tanya orang luar.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tanpa satu akta yang dimaksudkan ini adalah merupakan satu masalah yang besar bukan sahaja untuk pembeli-pembeli rumah tetapi juga bagi wakil-wakil rakyat khususnya kami di bandar raya ataupun bandar-bandar di seluruh negara kerana masalah blok bangunan kediaman sembilan tingkat tidak di selenggara dengan baik, perbalahan bersama pemaju dan pembeli dan sebagainya adalah merupakan masalah dari awal tahun ke hujung.

Saya rasa bukan merupakan alasan yang meyakinkan kerana ada perkembangan seperti kita *communiqué* dan sebagainya menjadikan atau menyebabkan kelambatan penggubalan Rang Undang-undang ini kerana dunia ini berubah setiap masa. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada pertengahan tahun 90 an pada abad yang lepas janji telah diberikan oleh bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa Rang Undang-undang akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat ini selewat-lewatnya pada hujung tahun 1996 atau awal 1997.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sudah sepuluh tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Menteri jawab.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya juga ingin tanya adakah kelambatan ini ataupun kementerian melengah-lengahkan tindakan, adakah disebabkan bukan sebab *either community* ataupun keperluan-keperluan yang terbaru, tetapi kerana rang undang-undang itu sebenarnya tiruan daripada Singapura dan sekarang sebab Yang Berhormat Menteri sudah bersetuju pada tahun 2006 bahawa rang undang-undang ini akan dibentangkan pada tahun 2004 tetapi pada tahun 2004, pihak Kerajaan Singapura menggubal undang-undang dengan menggantikan akta strata *management* untuk menggantikan *Building and Property Act*. Maka adakah ini sebab utama kerana itu....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Menteri faham Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Rang Undang-undang tidak dapat dibentangkan. Harap penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, setuju, setuju!

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Cheras telah membuat andaian yang tidak berasas. Kementerian saya tidak bergantung kepada Singapura dan lagi pun sebenarnya dalam tangan saya sekarang pun terdapat satu draf yang telah sedia pada tahun 2004, tetapi dalam draf Rang Undang-undang ini semua perkataan CFO itu masih ada di dalam dan selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan supaya CFO itu digantikan dengan satu sistem yang lebih baik supaya tidak ada birokrasi.

Jadi untuk menggantikan sistem CFO melibatkan banyak perkara teknikal. Dengan itu banyak perbincangan telah diadakan dan selepas itu terdapat enam undang-undang perlu dipinda untuk membolehkan penggantian CFO. Maka oleh sebab itu, draf ini tidak boleh dibentangkan dan pada tahun 2004. Saya sudah hendak bentang Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak dapat. Selepas itu, baru pada tahun 2005, Jabatan Peguam Negara memutuskan ini sudah selesai dan bolehlah dibawa masuk ke Kabinet tetapi *gathered community* pula satu konsep baru sedang digubal ataupun dimasukkan dalam Akta Strata *Title*.

Kedua-dua rang undang-undang ini sangat berkaitan dan saya telah menerangkan, maka tidak boleh kita secara tergesa-gesa tanpa mengambil kira gambaran keseluruhan. Saya telah beri penjelasan kepada semua kementerian yang terlibat dan telah sedaya upaya hendak mempercepatkan secepat mana yang boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kita menguruskan hal masalah rumah pangsa tiap-tiap hari. Kalau Ketereh tidak ada, itu ada rumah pangsa di Ketereh.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita gunakan CCC untuk menggantikan CFO ini bergantung pada etika dan tahap profesional yang tinggi bagi orang-orang profesional dan bolehkah Yang Berhormat terangkan sambil kita menunggu-undang diluluskan permasalahan yang timbul di rumah-rumah pangsa terutamanya kos sederhana dan kos rendah di seluruh negara.

Bagaimana kita dapat mengatasi masalah penyelenggaraan termasuk masalah penyelenggaraan lif-lif dan kita nampak ada kemalangan yang mewujudkan maut ke atas pengguna-pengguna lif-lif tersebut. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi jawapan yang tepat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini kerajaan cuba sedaya upaya secara pentadbiran sahaja untuk menyelesaikan masalah sebaik mana yang boleh dan cuba mendapatkan kerjasama pemaju yang terlibat dan juga wakil-wakil pembeli petak bangunan dan sebagainya. Akan tetapi oleh kerana undang-undang yang sedia ada itu masih tidak mencukupi maka dengan adanya rang undang-undang ini yang mana saya kata hendak secepat mungkin barulah kita dapat merangkum satu rang undang-undang yang boleh merangkumi semua jenis bangunan berbilang tingkat dan di bawah rang undang-undang ini akan diwujudkan badan kawal selia ataupun pesuruhjaya bangunan, *the Commissioner of Building*, dengan izin, untuk mengawal selia semua peringkat termasuk sebelum dan sesudah MC ataupun padang pengurusan iaitu ditubuhkan dan tidak ada cara yang lebih berkesan selagi undang-undang ini belum sedia wujud dan kementerian sama-sama juga dengan Yang Berhormat kita amat pandang serius tentang perkara ini dan ia memang mendesak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah untuk soal jawab.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak bolehkah? Nombor 9, ada masa sedikitkah Tuan Yang di-Pertua, minta izinlah.

Tuan Yang di-Pertua: Biar sahajalah. Sekian sahaja soal jawab pada pagi ini.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Pencemaran Air Busuk Ammonia Di Sungai Semenyih

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila.

11.05 pagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Dewan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Dewan ini memberi laluan kepada Yang Berhormat Teresa Kok Suh Sim, Ahli Parlimen kawasan Seputeh menangguhkan majlis mesyuarat untuk membawa satu usul yang berkenaan dengan kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan. Iaitu berkenaan dengan pencemaran air busuk ammonia di Sungai Semenyih yang telah menyebabkan bekalan air di Daerah Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling dan Sepang, di negeri Selangor terputus lebih daripada 12 jam pada 15 April. Pencemaran ini telah menjejaskan penggunaan air dan kehidupan lebih daripada dua juta orang penduduk di daerah yang terlibat.

Kandungan ammonia di Sungai Semenyih telah mencapai tahap berbahaya iaitu 4.8 miligram seliter berbanding dengan 1.5 miligram seliter pada tahap normal. Sehingga operasi loji rawatan air Semenyih yang menerima bekalan air dari Sungai tersebut terpaksa di hentikan. Pencemaran Sungai Semenyih adalah berpunca daripada air kotor, dari pusat pelupusan sampah Sungai Cembong, kepunyaan Majlis Perbandaran Kajang. Sisa sampah yang mengandungi ammonia di pusat pelupusan sampah terbabit melimpah memasuki sungai akibat benteng tanah yang menghalang sampah memasuki sungai runtuh ketika waktu hujan lebat.

Ia merupakan insiden kedua melibatkan loji air yang sama akibat pencemaran sisa sampah yang terdapat di tapak pelupusan sampah berkenaan. Pencemaran yang sama juga berlaku di Sungai Selangor pada dua bulan yang lepas apabila kandungan ammonia yang tinggi iaitu 9.2 miligram seliter terdapat di sungai tersebut menjadikan air dibekalkan kepada penduduk Lembah Klang berbau busuk pada dua bulan yang lepas.

Adalah penting bagi Dewan yang mulia ini untuk membahas isu yang melibatkan berjuta-juta nyawa di Lembah Klang ini kerana pencemaran sungai-sungai di Selangor telah menjadi semakin serius. Selain itu Dewan yang mulia ini juga harus membuat satu keputusan sama ada cadangan *incinerator* yang boleh mengeluarkan dioksin dibenarkan didirikan di Semenyih yang mana merupakan kawasan simpanan air yang penting bagi penduduk di Lembah Klang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Seputeh pada hari Isnin 17 April 2006. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat Seputeh sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara tertentu; yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai; dan ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu: bahawa perkara yang tertentu; kepentingan orang ramai: ini adalah kepentingan orang ramai; berkehendakkan disegerakan: perkara ini juga perlu disegerakan... *[Tepuk]*

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini, dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” *[17 April 2006]*

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Puchong untuk terus membahaskan ucapannya pada hari ini, ada 10 minit lagi.

11.09 pagi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan ini. Seperti yang telah saya sebutkan semalam Tuan Yang di-Pertua mengenai konsep PFI ini memang satu konsep pembiayaan kerajaan. Saya mengalukan pembiayaan ini kerana jumlah yang telah diperuntukkan sebanyak ialah RM20 bilion kerana kalau kita mengikut teori Kings, iaitu kesan pengganda ekonominya kalau kita memperuntukkan dan membelanjakan secara efektif maka kesan ekonomi adalah sangat besar terhadap negara kita.

Pada masa yang sama juga, saya ingin juga memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, konsep PFI ini, tujuan utama adalah untuk mempergiatkan lagi sektor-sektor ekonomi yang memberikan pulangan ataupun kadar pelaburan yang tinggi, supaya aktiviti ekonomi kita dapat dipertingkatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Pendek kata, kerajaan mesti melihat sektor-sektor yang boleh memberikan, orang kata, lebih produktif, melabur dalam PFI lebih produktif.

Maka di sini, saya ada beberapa cadangan supaya kerajaan melihat kembali satu jadual yang telah diguna dalam buku ini, bahawa saya rasa sedih sikit kerana dalam sektor ekonomi ini hanya diperuntukkan sebanyak 60.5% sahaja dan ini tidak sejajar dengan apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Maka, saya mencadangkan kepada EPU ataupun Kementerian Kewangan, supaya melihat kembali peruntukan-peruntukan di bawah PFI ini, dalam jadual ini di mana kita boleh mengubah sedikit daripada sektor sosial ataupun sektor keselamatan ataupun pentadbiran awam ini kepada ekonomi.

Saya kata demikian Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melakukan PFI ini dalam sektor, sebagai contoh semasa saya nyatakan bahawa dalam sektor pengangkutan. Dalam sektor pengangkutan, bukan sahaja kita boleh mengaktifkan sektor pembinaan, tetapi kalau kita mempunyai satu sistem penyambungan ataupun pengangkutan yang baik, ini juga akan menggalakkan lebih lagi pelaburan-pelaburan dari luar negara dan juga ini akan mengurangkan lagi *traveling time*, dengan izin, di antara satu tempat dengan lain. Ini termasuk di kawasan luar bandar. Kalau kita mementingkan sektor pertanian, kalau kita tidak ada *infrastructure* ataupun pasarana yang baik, yang efektif, yang berkesan, maka bagaimana kita boleh memasarkan hasil-hasil pertanian kita, ataupun hasil-hasil ternakan kita kepada pasaran-pasaran di dalam ataupun di luar negara. Ini sebagai contoh, dan juga sektor komunikasi sebagai contoh. Ini semua adalah sektor yang boleh menjana, bukan sahaja boleh menjana aktiviti ekonomi, tetapi pada masa yang sama juga, ini memberikan satu daya saing kepada negara kita secara keseluruhan.

Kalau kita memperuntukkan banyak, sebagai contoh di pentadbiran awam ini, RM2.515 bilion, ini bukan saya kata tidak bagus, tetapi kita boleh guna kaedah lain untuk memperuntukkan kepada pentadbiran awam, sebagai contoh. RM2.5 bilion itu boleh kita alihkan kepada sektor ekonomi dan ini ialah satu cadangan saya kepada kerajaan.

Cadangan yang kedua, saya ingin cadangkan kepada kerajaan ialah mengenai satu KPI ditubuhkan satu badan pemantauan. Kalau kita hendak menubuhkan KPI, ini sangat senang iaitu *Key Performance Indicator* kepada mana-mana pihak pun senang, tetapi kita mesti ada satu badan atau satu lembaga ataupun satu janakuasa bagaimana kita boleh memantau KPI ini. Kita tidak hendak ada lagi projek-projek gajah putih ataupun projek-projek yang telah dirancang, tetapi tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya.

Hari ini, kalau kita tengok, *headline* dalam *the New Straits Times*, Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita nyatakan satu projek penjara di Kuching. Sudah berapa tahun masih tidak boleh dibangunkan. Ini adalah contoh-contoh yang kita tidak mahu berlaku dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Cadangan yang ketiga, saya ingin cadangkan kepada pihak kerajaan ialah kerana KPI ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai. Sekarang banyak projek, atau banyak konsesi yang dikeluarkan tidak mengikut *structure cost* yang umum yang telah diketengahkan untuk satu perbandingan. Maka saya mencadangkan bahawa kita mesti adakan satu jadual ataupun satu rujukan perbandingan kos sektor awam atau dalam bahasa Inggeris kata ialah *public sector comparator*. Mana-mana kontrak ataupun mana konsesi kita hendak *diawarkan* ataupun diberikan, EPU ataupun Kementerian Kewangan, ataupun Kementerian Kerja Raya mesti ada satu *public sector comparator*. Iaitu mesti kita ada satu perbandingan kosnya supaya jangan *over run* ataupun *under quote*.

Maka ini, akan memberi implikasi yang serius kepada pengguna. Semalam saya sudah kata bagaimana dengan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut, Ketereh, bangun.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sekejap, sekejap, sekejap, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang Yang Berhormat kena gulung.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, okey. Kerana ini telah menjurus kepada satu konsep *value for money*, ataupun satu *cost benefit analysis* kepada semua konsesi. Ini sangat penting, kerana kita tidak hendak lagi kos-kos yang tinggi ini akan dialihkan atau disalurkan, akhirnya kepada rakyat dan juga pengguna secara umumnya. Baiklah Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan apa yang Puchong beritahu dan inilah yang telah berlaku IPP kita, kepada Tenaga Nasional. Dalam perjanjian awal, beberapa *concessioner* yang pertama telah membuat perjanjian yang sangat menguntungkan. Sehingga hari ini, keluar dalam muka hadapan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegur, setengah-setengah IPP yang terdahulu, untung dengan begitu besar, dan kemudiannya Tenaga pula terpaksa membayar dengan harga yang tinggi dalam jangka masa yang pendek. Sedangkan yang kemudiannya, tidak sedemikian.

Ini menunjukkan sesuatu yang tidak adil kepada pengguna dan sekarang ini, TNB pula akan mengalihkan kerugian mereka ini, meminta supaya pengguna bayar. Adakah ini satu perkara yang adil? Jadi, saya hendak tanya Puchong, apakah Puchong ingin mencadangkan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi kepada Kementerian KTAK, pendeknya, supaya *review* supaya masalah ini. Supaya semua orang ada satu sistem yang sama, dan masalah ini tidak diberikan kepada pengguna yang akan berlaku tidak lama lagi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ketereh dan saya berharaplah KTAK ini mestilah bekerja kuat lagi, termasuklah Menteri dia. Ini memang saya kata, IPP ini memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ada dua, tiga lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua, tiga ayatkah?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ayat? Bukan, dua, tiga perkara lagi... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Masa sudah cukup. Cukuplah, cukup!

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, dan saya setuju dengan Yang Berhormat Ketereh,

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya tanya sikit?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Selepas ini. Memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, penjimatan kos ataupun kita mengurangkan pembaziran ini memang satu idea yang baik sekali untuk kita mencapai apakah cita-cita kita dalam Rancangan Malaysia Yang Kesembilan ini. Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah tidak ada, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya cuma hendak sentuh tentang KPI ini tadi. Pemantauan, mungkin Yang Berhormat bersetuju tentang KPI ini, pemantauan ini. Kita ada banyak badan. Selain daripada kalau kita boleh satukan, kita adakan satu direktori kepada semua ketua-ketua jabatan, peringkat pusat dan peringkat negeri supaya mereka dapat tahu, apakah setiap pelaksanaan projek tersebut dari semasa ke semasa, mereka sudah tahu dah. Yang mana siap, apa masalahnya, akhirnya besok, apabila kita hendak *check* tentang melakukan pemeriksaan ke atas pelaksanaan projek-projek ini, kita sudah tahu dah. Tidak akan berlaku macam di Sarawak.

Saya rasa kecewa jugalah apabila Perdana Menteri sendiri menegur tentang pembinaan penjara di Sarawak. Bukan sahaja memakan masa, tetapi rugi dari segi pembinaannya, tidak mengikut *spec* dan memerlukan pula peruntukan yang besar hampir-hampir RM 50 juta lagi. Sedangkan pembinaan projek ini tidak sepatutnya dilewatkan. Ini wang rakyat. Jadi, Perdana Menteri menyatakan bahawa kalau kita bising, rakyat bising, tidak boleh menyalahkan rakyat. Jadi, mungkin kita mengadakan satu direktori supaya setiap ketua jabatan di peringkat Pusat, kementerian dan juga negeri, mengetahui apakah pelaksanaan perjalanan mengikut jadual segala projek-projek yang hendak dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Larut dan memang satu cita-cita yang kita hendak capai dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, satu isu...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sedikit penjelasan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya tidak ada masa. *Sorry, sorry.* Minta maaf.

Isu yang saya ingin bangkit di sini ialah mengenai kerjasama ataupun koordinasi antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kalau kita lihat secara *detail*, kita ada lebih kurang RM6.7 bilion iaitu satu projek pelbagai negeri adalah projek yang memberikan manfaat kepada beberapa negeri ataupun seluruh negara. Ini bermakna kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri adalah sangat penting tetapi pada masa yang sama, saya beri beberapa contoh Tuan Yang di-Pertua.

Contoh yang pertama ialah mengenai Bukit Tagar, satu projek pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor. Saya difahamkan bahawa projek ini memang tidak ada kelulusan daripada kerajaan negeri tapi oleh kerana desakan-desakan untuk pengurusan sisa pepejal di Lembah Klang (*Klang Valley*) ini, Kerajaan Pusat terpaksa membuat satu keputusan supaya ini dapat dijalankan secara tidak, kadang-kadang tidak mengikut peraturan ataupun undang-undang yang sedia ada. Walaupun sudah ada EIA *report* dan diluluskan tetapi pengusahanya tidak melakukan apa yang sepatutnya mereka lakukan dan inilah masalah yang telah berlaku di Selangor.

Adakah kerajaan negeri atau PBT ini disalahkan? Kerana ini satu koordinasi yang tidak bagus di mana rakyat ataupun pengguna air ini ada meminum minuman yang mempunyai kadar ammonia yang tinggi yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi. Satu contoh lagi mengenai *transfer station* yang dicadangkan akan dibina di satu Kampung Bohol berdekatan dengan kawasan saya. Kita bukan hendak mengatakan bahawa projek ini tidak bagus. Bagi saya yang mewakili rakyat Puchong di sini, atau penduduk Puchong, mereka kata *transfer station* ini memang bagus tetapi adakah ini satu kawasan yang sesuai untuk membina *transfer station* ini di sini?

Maka saya berharap untuk mengurangkan lagi karenah birokrasi dan seterusnya, perancangan awal mesti dilakukan. Saya ada banyak contoh lagi Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya kekurangan masa. Sebagai contohnya LCCT di Sepang, saya difahamkan bahawa kerajaan negeri ada perancangan pelan sesuatu diluluskan oleh PBT ataupun pelan bangunan ini tidak diluluskan oleh PBT di Sepang. Ini kesalahan siapa? Saya berharap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, satu perancangan yang lebih rapi, satu kerjasama dan koordinasi yang lebih rapi di antara Kerajaan Pusat dengan negeri ataupun dengan PBT ini harus dipertingkatkan.

Akhir sekali saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Pusat bahawa badan bertindak pelaksanaan ini bukan di Kerajaan Pusat sahaja. Saya suka mencadangkan bahawa di setiap negeri ataupun di setiap kementerian mesti ada satu badan bertindak pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini di peringkat kementerian ataupun di peringkat negeri. Kerana kalau tiada koordinasi di antara dua kerajaan ini memang mereka tidak dapat bekerjasama, maka banyak masalah akan timbul. Saya telah nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita mesti memaksimumkan apa-apa sumber yang kita ada supaya manfaat ataupun faedah ini dapat disalurkan kepada rakyat secara keseluruhan dan pada masa yang sama membangunkan ekonomi negara. Dengan kata-kata ini, saya menyokong Usul Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Bharu.

11.24 pagi.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan, Usul Perdana Menteri.

Dalam ucapan beliau semasa pembentangan tempoh hari, Perdana Menteri meminta negara kita menjadi sebuah negara yang memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan, dengan izin, *human capital development*. Dan saranan Perdana Menteri ialah negara kita menjadi sebuah negara yang memberi keutamaan kepada ilmu, kepada kepakaran, keterampilan dan sebagainya.

Saranan ini memang sukar untuk dilaksanakan tapi kalaulah matlamat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara setaraf dengan negara-negara maju, kita tidak ada pilihan dalam perkara ini. Jadi saya ingin mencadangkan beberapa perkara sehubungan dengan ucapan Perdana Menteri ini supaya kerajaan melaksanakan beberapa dasar. Pertama, saya ingin menyentuh soal meritokrasi. Walaupun kita dengar saranan kerajaan, dasar ini sekali-sekala tetapi saya tidak nampak dasar ini dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Meritokrasi ini penting kerana inilah ukuran sebenar kebolehan bangsa kita tetapi, ianya bukan dasar yang popular kerana semua kita tidak mahu diukur, kita tidak mahu diuji kalau kita dapat sesuatu itu tanpa diuji. Kalau kita mendapat sesuatu dengan cara mudah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*]

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Boleh saya teruskan Yang Berhormat Larut, ataupun...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya amat tertarik tentang dasar yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang bumiputera ini. Kalau kita lihat pada hari ini, kita hanya menyebut tentang 30% ekuiti penyertaan bumiputera tetapi, kalau kita lihat secara logiknya, kita tak perlu menyebut kerana bukan kita membuat tuntutan tapi sebagai asas fakta bahawa ini adalah di mana kenyataan. Sedangkan bumiputera sepatutnya lebih dari itu, mungkin 60%, 70% dan kesungguhan kita untuk membantu bumiputera mestilah dilihat dari segi pencapaian mereka supaya mereka ada hasilnya.

Bukan setakat kita menimbulkan masalah bahawa di kalangan bumiputera ini tidak berkemampuan. Saya tidak mengatakan bahawa kita menolak meritokrasi dalam sesuatu sektor ataupun bahagian yang tertentu, untuk bersaing, daya saing di kalangan bumiputera khususnya orang Melayu tetapi, dari segi ekonomi, kita mesti membantu secara lebih, bukan serius lagi untuk menjamin bahawa pencapaian kita bukan setakat 30%, bahkan kalau 70%, 80% sekali pun tidak ada siapa yang boleh mempertikaikan kerana inilah di bumi yang nyata. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Jadi kita mintalah supaya kalangan pihak yang lain, jangan mempertikaikan, bukan setakat 30%, bahkan kalau 70% sekali pun, 80% sekali pun, ini bukan menidakkan bahawa kita hendak meragut, hendak mengambil hak dan peluang orang lain tetapi, inilah nyata bahawa kalangan bumiputera ini bukan setakat 30%, bahkan lebih pada itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Yang Berhormat Larut, saya tidak ada masalah dari segi matlamat pencapaian kita 30%, 40% dan saya juga percaya tidak ramai ataupun ramai di antara kita menyokong dasar ini. Masalahnya bagaimanakah kita hendak mencapainya kerana kita telah gagal selama 19 tahun, apakah jaminan kita akan berjaya 20 tahun, 30 tahun, 50 tahun? Itulah sebabnya saya timbulkan soal meritokrasi. Satu dasar kerajaan yang kerajaan perlu berani melaksanakannya. Tidak ada bangsa dalam dunia maju tanpa usaha, tanpa kemampuan diri yang kuat, tanpa ilmu. Dan meritokrasi menjamin supaya kita menguji anak bangsa kita supaya maju dan bukan hanya mahu kerana mendapat sesuatu yang tidak...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya perlu sambung kalau tidak saya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit lagi. Saya sambung pada pandangan Yang Berhormat boleh? Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalangan orang Melayu sendiri sama ada mereka berkedudukan, berpangkat, pemimpin politik dalam syarikat-syarikat milik kerajaan, adakah Yang Berhormat ingin menekankan bahawa mereka ini mesti bersungguh-sungguh membantu kalangan bumiputera dengan peluang-peluang yang ada. Jangan mereka hanya melihat bahawa bumiputera tidak mampu, tidak ada kemahiran. Mustahil. Tidak ada manusia di muka bumi ini tidak mahu jadi pandai, bijak. Saya rasa mereka kalau diberi peluang betul-betul, kalangan bumiputera inilah, mereka boleh berjaya. Hari ini kita tengok kalangan profesional, Yang Berhormat sendiri seorang peguam, saya kagum dengan Yang Berhormat.

Di kalangan anak Melayu seorang peguam yang boleh saya katakan di Dewan ini yang telah berjaya sebagai contoh mungkin ramai lagi, jurutera, doktor tetapi pencapaian kita, kita mestilah melakukan dan berani. Kalau mereka menteri mestilah mereka berani turun ke bawah dan membantu, memberi keputusan bahawa ini boleh dilakukan bukan lagi dengan soal birokrasi remeh-temeh bahawa ini adalah untuk menjaga itu dan ini, tidak boleh lagi. Kalau itu kita benar-benar lakukan termasuk di pentadbiran awam, saya yakin dan berani mengatakan bukan hanya Rancangan Malaysia Kesembilan bahkan untuk kita menjadikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Malaysia negara maju ini akan tercapai. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Bharu?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya bersetuju dengan Larut sekali lagi kita mesti bersungguh-sungguh untuk membantu bumiputera orang Melayu tetapi kita perlulah membantu hanya mereka yang ingin dibantu. Itu maksud saya kerana kalau antara kita sendiri tidak ada saingan maka tidak akan kita berjaya, mencungkil bakat kebolehan bangsa kita. Misalnya saya hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya masih hairan mengapa misalnya kalau orang bumiputera hendak beli *shoplot*, 5% diskaun. Sebagai contoh dasar, harga ratusan ribu orang kaya yang boleh beli.

Saya faham kalau kita beri diskaun kepada bumiputera yang mempunyai, yang perlu dibantu menurut harga rumah murah RM100 ribu ke bawah tetapi dasar yang terbuka seperti itu tidak akan menguntungkan bumiputera hanya menguntungkan orang-orang tertentu. Sebegitu jugalah dengan soal-soal lain suatu masa dahulu kita pertikai soal AP, dan ini soal penting kita tanya kerajaan. Apakah kita akan membenarkan dalam masyarakat kita, orang mendapat keuntungan patut di atas angin kerana memegang sesuatu *certificate* atau AP. Kalau kita hendak berniaga kereta biarlah kita berniaga kereta, berilah pertolongan kepada mereka. Kalau kita mahu kontrak jadi kontraktor, kita beri kepada mereka tolong semua bumiputera yang betul-betul kontraktor.

Bukankah ini maruah bangsa yang kita perjuangkan. Kita mahu kontraktor Melayu benar-benar menjadi kontraktor. Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu melaksanakan dasar ekonomi baru dengan begitu kritikal, dengan berhemah, dengan berani supaya bangsa kita betul-betul bumiputera dapat bantuan yang secukupnya.

Kalau tidak kita tidak akan berjaya sekali lagi. Kita tidak boleh mencari jalan mudah, negara maju tidak menjadi maju dengan begitu sahaja pengorbanan, dan bangsa mereka jelas kita dapat kaji sejarah...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kubang Kerian bangun.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Kota Bharu. Saya juga malu Yang Berhormat Kota Bharu sebagai orang Melayu yang masih tidak mencapai ekuiti 3% sebagaimana yang diharapkan. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang modal insan dan modal insan ini berteraskan kepada ilmu dan juga pengetahuan dan Yang Berhormat juga menyebut tentang meritokrasi yang seharusnya kita mampu bersaing dengan bangsa-bangsa yang lain. Cuma satu Yang Berhormat sebelum kita lupa, satu kajian yang dibuat oleh *Toyota Foundation* tahun 1980-an, tentang tahap pembacaan rakyat Malaysia.

Kajian ini mendapati bahawa rakyat Malaysia hanya membaca satu halaman muka surat setahun, itu 80-an. Kemudian tahun 90-an, satu kajian yang dibuat oleh perpustakaan negara, dibantu oleh IPTA-IPTA dalam negara kita tahun 90-an. Kajian mendapati hanya menganjak setengah muka, satu setengah halaman setahun. Jadi adakah perkara ini tidak dipecahkan kepada orang Melayu, bumiputera yang minat membaca. Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, untuk kita bercakap tentang meritokrasi ini saya merasakan bahawa jangan kita bercakap di pihak kita sendiri. Ini hakikat yang berlaku setelah berakhirnya Rancangan Malaysia Yang Kelapan kita tidak boleh capai dengan tahap modal insan yang kita harapkan membaca satu setengah halaman buku setahun apa yang boleh kita harapkan? Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang fakta-fakta yang saya kemukakan ini.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai tahap pembacaan yang begitu membimbangkan di dalam masyarakat kita dan itulah sebabnya dalam kita membangunkan keupayaan bangsa Malaysia kita ini. Keutamaan sudah tentunya perlu diberi kepada ilmu dan ilmu ini ada kaitan sudah tentunya dengan keupayaan kita, minat kita untuk mencari dan kerajaan harus memberi penekanan kepada soal ini. Misalnya kalau kita lihat dari segi perpustakaan negara dan perpustakaan negeri, perpustakaan di sekolah-sekolah, kita melihatnya sebagai satu tempat yang tidak selalu digunakan, tidak sepenuhnya dan kelengkapannya begitu tidak mencukupi...

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong ucapan?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Bharu. Setujukah Yang Berhormat bahawa semata-mata dengan kaedah atau semata-mata dengan alat meritokrasi ini sahaja tidak membawa bangsa ke mana-mana terutama sekali bangsa Malaysia kerana dalam keadaan negara Malaysia sekarang ini banyak keburukan yang ditimbulkan oleh amalan ini kerana dengan sistem meritokrasi itu sahaja tidak memadai untuk membangunkan ekonomi, untuk membangunkan taraf pendidikan sama ada rendah atau menengah, berupaya untuk menyamaratakan pekerjaan dan jawatan serta peluang untuk mendapat pembangunan ekonomi.

Usaha daripada sektor lain perlu dibuat misalnya sektor pendidikan rendah, sektor pendidikan tinggi dan kita lihat meritokrasi sekarang ini pun banyak memberi kesan buruk.

Bilangan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi ramai yang perempuan daripada lelaki. Begitu juga dengan kakitangan di Kementerian Pendidikan, guru-guru, ramai yang perempuan daripada lelaki begitu juga dalam bidang-bidang yang lain juga menyentuh isu kaum dan saya percaya meritokrasi sahaja tidak membawa kita ke mana-mana. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Sudah tentunya kita tidak dapat memperbaiki semua keadaan semua masalah dalam negara hanya di atas satu dasar dan mungkin banyak lagi perkara lain yang perlu kita lakukan tetapi saya ingin sambung Tuan Yang di-Pertua mengenai soal ini kerana ini penting. Kita mempunyai penduduk yang ramai dan kita hanya ada peruntukan yang sedikit, kita hanya ada kontrak yang sedikit, kita hanya ada tempat persekolahan yang sedikit, kita ada tempat peluang pekerjaan yang sedikit. Siapakah di antara kita yang sepatutnya mendapat tempat-tempat ini, itu isunya supaya perkara ini tidak disalahgunakan maka satu jenis ukuran perlu dilaksanakan itu maksud saya. Ini untuk kebaikan kita semua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Pendek penjelasan, pendek. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa apabila Yang Berhormat daripada Hulu Langat pun tidak boleh menggunakan meritokrasi ini adalah satu simbol penyakit yang kita menghadapi selepas 40 tahun Rancangan Malaysia lima tahun. Bukan ini bukan Rancangan Malaysia lima tahun yang Pertama, Kesembilan dan kita patut kaji kenapa kita sudah gagal, tidak boleh melancarkan meritokrasi sepenuhnya. Selama 40 tahun, kenapa ada masalah-masalah yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Hulu Langat. Kita mahu terus *mediocrity*. Kita mahu mengagung-agungkan *mediocrity* dan adakah kita mahu lawan persaingan antara bumiputera dan bukan bumiputera apabila persaingan ialah antara Malaysia dengan dunia dan bukankah ini masalah yang pokok kenapa 40 tahun kita tidak boleh mengadakan meritokrasi yang sepenuhnya dengan keperluan mahu *mediocrity*...

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya sukar hendak menjawab ucapan yang begitu panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang pendeklah Yang Berhormat. Kata pendek, sebenarnya bukan pendek.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Akan tetapi, saya percaya meritokrasi jika dilaksanakan dengan baik dengan adil akan menguntungkan bukan sahaja bumiputera, bukan sahaja orang Melayu, tetapi seluruh rakyat Malaysia.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai soal bahasa. Saya menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua tentang perlunya kita menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan jangan kita menggunakan bahasa Inggeris sewenang-wenangnya tetapi saya minta maaf kadang-kadang saya terpaksa menggunakan bahasa Inggeris bukan apa, kerana kita mempunyai kelemahan yang berbeza, keupayaan yang berbeza dan bahasa pada saya adalah untuk menyampaikan sesuatu dengan sebaik mungkin.

Jadi dalam hal ini, saya bimbang juga mengenai tahap penggunaan bahasa Inggeris di negara kita. Kita tahu 95% daripada sumber ilmu adalah dalam bahasa Inggeris dan kalau kita bangsa Melayu mahu bangsa kita kuat, kita mesti memahami bahasa ilmu. Saya bimbang kerana walaupun kita bermegah dengan *Multimedia Super Corridor*, tetapi anak-anak sekolah kita di kampung-kampung dan di bandar-bandar tidak ada mempunyai komputer, tidak ada *internet access* dan tidak faham bahasa Inggeris untuk mendapat maksimum keuntungan daripada penggunaan komputer.

Dan ini kerajaan harus lebih serius. Kita ada dana yang besar, saya difahamkan multimedia komisen ada dana untuk membantu menyambung rumah-rumah anak-anak kita di kampung dengan *internet* tetapi saya tidak nampak perkara ini berjalan dengan baik dan jika kita tidak ada sumber ilmu ini, maka kita akan ketinggalan.

Jadi di manakah harapan Perdana Menteri yang mahukan kita *first world mind* set bangsa yang mempunyai ilmu kalau *internet access* tidak kita laksanakan dengan baik dan kepada pencinta-pencinta bahasa, yakinlah kalau kita belajar Bahasa Inggeris bukan bererti kita menghina bahasa kita. Tidak bererti kita memperlekehkan kerana bahasa ini *evolve*, berubah. Pada suatu masa dahulu orang-orang....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Kota Baharu?

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Bagi Yang Berhormat Parit dahululah, sudah dua kali.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Baharu dan Tuan Yang di-Pertua. Saya pada dasarnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Bharu bahawa penguasaan adalah lebih baik kita menguasai bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris ini diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa.

Di sini ada perbezaan Yang Berhormat, di antara kebolehan menguasai bahasa Inggeris dengan penggunaan bahasa Inggeris. Yang menjadi masalah kita sekarang ialah penggunaan bahasa Inggeris yang berleluasa yang sepatutnya di tempat-tempat ini menggunakan Bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu. Ini yang menjadi persoalan tetapi penguasaan bahasa Inggeris memang wajib kepada semua warga negara Malaysia bagi membolehkan kita mendapat ilmu daripada buku-buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris, ini yang menjadi isu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Masalahnya jika kita tidak menggunakan. Bagaimanakah kita boleh menguasai sesuatu bahasa itu? Jadi kalau kita mahu ilmu sebagai prioriti sebagai kepentingan utama, maka kita tidak seharusnya terlalu bimbang mengenai soal ini kerana seperti saya katakan dahulu, kalau kita tengok sejarah, pada suatu masa dahulu orang-orang Inggeris bimbang cemarnya bahasa Inggeris kerana banyak perkataan Latin. Pencinta bahasa Melayu sendiri pada suatu masa dahulu 500 tahun dahulu bimbang dengan banyaknya bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu.

Kita berubah, yang penting kita tidak abaikan bahasa kita, yang penting kita memberi keutamaan, kita beri penghormatan tetapi, tidak bererti kita tidak mahu menggunakan bahasa ilmu ini dan kerana komputer dan *internet* adalah bahasa Inggeris. Sebab itulah negara China negara bangsa yang begitu agung dengan bangsanya, Mandarinnya harus tunduk kepada keperluan mereka untuk belajar bahasa Inggeris. Hari ini kita terima hakikat ini dan saya harap kerajaan terus memperluaskan penggunaan bahasa Inggeris. Jangan kita malu, jangan kita segan, jangan kita waswas dengan cintanya kita kepada bahasa Melayu kerana takut orang menuduh kita mengabaikan bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat Puchong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh, sedikit? Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai bahasa ini, dan saya..., apakah pendapat Yang Berhormat sekarang ini, kita ada satu..., bahasa ini kita boleh pelajari di merata tempat dan yang paling penting ialah di peringkat sekolah dan sistem *secondary* adalah memperkenalkan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik, dua subjek.

Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat, adakah cukup kerajaan ini hanya kita memberikan ataupun menumpukan perhatian kepada pembelajaran Bahasa Inggeris dalam dua subjek ini ataupun apakah pendapat Yang Berhormat bolehkah kita memberi satu rancangan atau satu strategik yang lebih efektif lagi supaya dasar ataupun hasrat kerajaan ini untuk membangunkan negara dengan sektor-sektor yang baru, sektor-sektor yang seperti bioteknologi, ICT di mana keperluan bahasa Inggeris ini adakah sangat-sangat penting, apakah pendapat Yang Berhormat Kota Bharu?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya percaya kerajaan dengan kebijaksanaanya telah pun meneliti perkara ini dan saya percaya penggunaan bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik untuk masa ini memadai, tetapi itu tidak bererti kita harus cuai dalam usaha kita untuk mempertingkatkan penggunaan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Perdana Menteri yang mahukan *knowledge economy*, dengan izin, kita perlu persekitaran ataupun *environment* yang menjurus ke arah itu. Dua minggu dahulu saya terbaca dalam akhbar seorang Menteri Kabinet memberi amaran kepada kumpulan yang dianggapnya liberal, kumpulan yang mempunyai pemikiran yang agak liberal katanya, kita akan meneliti mereka.

Kita akan pantau mereka. Dalam dunia hari ini, kita tidak perlu takut kepada idea-idea, kita tidak perlu takut kepada pemikiran dan pendapat kerana inilah cara bangsa-bangsa yang maju, mereka lebih terbuka. Kalau kita salah, betulkan dengan fakta, gunakan pemikiran kita. Kita tidak perlu takut kepada kononnya idea-idea baru kerana sejarah manusia membuktikan bahawa hanya idea baru sahajalah yang menggerakkan kita ke arah tamadun yang besar. Ahli-ahli sains yang masyhur di dunia semuanya dianggap tidak betul, Galileo dianggap tidak siuman, ahli-ahli falsafah sastera. Jadi kita harus, kalau kita mahukan Malaysia sebagai sebuah negara maju, kita harus izinkan persekitaran kita, kebebasan yang ada sekarang, kita teruskan. Jangan kita sekat, biarlah perkara ini menjadi satu *trade mark* dengan izin, cara kita dan kita lihat hari ini Perdana Menteri kita begitu bebas membenarkan banyak hal dalam perbincangan kita di Parlimen dalam akhbar dalam wawancara televisyen dan ini harus diteruskan. Jangan ada usaha-usaha lain yang cuba menyekat itu dan ini kononnya akan menjejaskan...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan Yang Berhormat, Ketereh, boleh? Saya tertarik apabila Yang Berhormat sebut ada ada menteri cuba bercakap mengenai penyekatan kepada *liberisme* atau menyekat liberal tetapi, tidakkah kebebasan untuk menyekat itu juga satu kebebasan. Apabila kita sebut kebebasan, maknanya bebas untuk berbuat, bebas untuk menyekat kemudian kita pula bebas untuk meneruskannya. Itulah yang dimaksudkan oleh kebebasan. Saya minta penjelasan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya faham maksud Yang Berhormat Ketereh, saya bukan bercakap mengenai semantik. Kebebasan adalah kebebasan tetapi, apabila kenyataan kerajaan seolah-olah menggugat atau menakut-nakutkan mereka yang memberi pandangan yang berbeza, saya rasa ini tidak baik, itu maksud saya dan sudah tentunya kita juga...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Kota Bharu. Kebebasan, bercakap tentang kebebasan tetapi, saya rasa kebebasan juga ada tanggungjawab ada etika yang mesti dipertanggungjawabkan.

Sebagai contoh, okey, kita membanggakan tentang *intellectual discourse*, tentang dunia intelektual tetapi apakah pandangan semacam Charles Darwin yang mengatakan manusia berasal daripada beruk, adakah itu boleh kita terima? Ataupun Sigmund Freud yang mengatakan kerana sekslah manusia ini boleh berintegrasi dan berinteraksi. Jadi adakah pandangan yang tidak bertanggungjawab seperti itu perlu kita raikan dan dijadikan satu aspek etika dalam kehidupan kita? Minta penjelasan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya belum baca Charles Darwin, *theory of evolution* atau Sigmund Freud. Mungkin Yang Berhormat Kubang Kerian sudah pun meneliti tetapi maksud saya walaupun katakanlah pandangan itu karut, itu kita harus hormati dan kita harus bahaskan perkara itu mengapa ia karut dan bukan dengan cara kita menutupnya. Sepertilah juga saya menghormati hasrat PAS misalnya untuk mendapatkan *Harakah*. Saya harap kerajaan membenarkannya kerana saya hendak dengar apakah ucapan dan hujah PAS, dasar PAS yang sebenarnya. Kita tidak perlu takut kepada perkara ini walaupun kita tidak semestinya bersetuju. Jadi jangan kita cepat menyekat. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, jangan kita ada budaya membuat keputusan menyekat itu dan ini sebelum kita memahami perkara itu dan...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tumpat berminat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu yang memberikan pandangan yang begitu bernas. Yang Berhormat sebut sebelum jawapan kepada soalan-soalan sebentar tadi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri banyak memberi ruang dan menyokong kebebasan berfikir dan mengeluarkan fikiran ini dan kita juga dengar walaupun Yang Berhormat tidak sebutkan tadi bahawa bekas Perdana Menteri lagi kuat inginkan supaya ada kebebasan dan keterbukaan. Jadi kalau bekas Perdana Menteri pun hendak bebas, Perdana Menteri sekarang pun hendak bebas, takkan kita tidak boleh bebas lagi?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Itu bukan soalan sebenarnya... [Ketawa] Saya mengalu-alukan juga perkembangan itu. Ya, saya mengalu-alukan bekas Perdana Menteri mahukan lebih kebebasan, saya mengalu-alukan hasrat Perdana Menteri kita untuk menjadikan kita setimpal dengan dunia pertama dari segi pengetahuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat banyak lagi?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Akhir sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Banyak sangat celahan, jadi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, sila.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pembangunan modal insan, *human capital* yang disebut oleh Perdana Menteri, janganlah kita cuba cari formula baru. Kita ikutilah sahaja formula yang digunakan yang telah berjaya dan satu perkara yang menjadi satu pengukur kejayaan sesebuah negara ialah kebebasan yang saya sebutkan.

Saya faham kebebasan mesti ada tanggungjawab tetapi itu juga perlu kita latih. Ia tidak terjadi dengan sendirinya. Banyak perkara dalam kebebasan Barat karut tetapi ia juga mempunyai ruang untuk kita menjawab kekarutan. Itu yang perlu untuk negara. Dengan lain perkataan, *academia* kita, pensyarah kita, pelajar kita dan Ahli Parlimen kita harus mengambil budaya berani bersuara memberikan pandangan-pandangan yang mungkin tidak sama atau secocok dengan kehendak tertentu tetapi, demi kebaikan negara, inilah caranya dan saya syorkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Petra Jaya.

11.54 pagi.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat sama dalam perbahasan ini. Cuma pada saya, saya rasa tidak dapat dielakkan bahawa sesuatu rancangan kerajaan ada mengandungi retorik, harapan yang meninggi bahawa fakta dan kata-kata manis untuk menenteramkan jiwa yang rusing. Adakah Rancangan Malaysia Kesembilan ini berbeza?

Saya menegaskan bahawa jawapan kepada soalan ini adalah, ya. Dengan mengetepikan kata-kata ataupun selok-belok perancangan atau dengan izin, *beurocratic*, saya menggesa kita semua mengkaji *subtext* dan agenda yang menjadi teras kepada Rancangan Malaysia Kesembilan seperti pepatah mengatakan, "Masalahnya terdapat dalam keperincian". Tanpa ragu dan mengetepikan yang sinis, kepujian patut diberi kepada dokumen yang mempunyai agenda yang kukuh untuk perubahan. Namun rancangan ini mencabar terus kepada proses pelaksanaan secara tradisi untuk membentuk sikap baru ataupun arah pemikiran perlu ada perubahan yang besar di kalangan pihak pengurusan.

Jadi saya ingin mengajak Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian mengkaji perkataan-perkataan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan: Pertamanya, "*empowerment*", dengan izin, ataupun penghakupayaan; kedua, "sifat keusahawanan"; ketiga, "inovasi" ataupun memperkenalkan pembaharuan; keempat, "*progressive attitude and thinking*", dengan izin, ataupun sikap dan pemikiran yang berdaya maju; dan kelima, "*first class mentality*", dengan izin, ataupun minda kelas pertama.

Kalau kita lihat ini adalah kata-kata yang hebat, yang dinamik dan juga penamat kepada tabiat penggantungan, memandang rendah, mutu rendah ataupun tahap pengeluaran yang rendah dan menganggap yang baik sebagai yang terbaik. Kata-kata yang terkandung dalam rancangan ini mencabar pemahaman kuno dan perlukan cara pemikiran baru. Biar saya terangkan, dalam erti kata lain perkataan-perkataan ini semuanya memberi maksud yang sama iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan ialah mengenai mewujudkan masyarakat yang kreatif, padu, bertenaga dan keupayaan sendiri.

Antara cadangan-cadangannya ialah bukan sahaja sebuah masyarakat yang ekonominya kukuh dan berjaya tetapi aman damai. Jika itulah tujuannya, maka implikasi untuk melaksanakannya sangatlah mendalam. Sebagai contoh, ia menekankan kepada pembangunan modal insan dan tetapi sekiranya proses pembangunan dan pelaksanaan masih mengikut sikap dan kaedah yang lama, kemungkinan ianya tidak akan menjadi kenyataan adalah tinggi.

Satu kelemahan Malaysia mahu membuat perubahan ialah mereka sendiri tidak mahu berubah. Penghakupayaan bermakna memberi seseorang itu kuasa untuk membuat keputusan dan menambah nilai mereka dan ini pula bermaksud rakyat menentukan sendiri pembangunan yang dikehendaki dan pada masa yang sama budaya mengharapkan bantuan akan dihapuskan. Dalam hal ini ada beberapa isu yang harus kita teliti. Isu pertama, pembangunan modal insan. Untuk maju ke hadapan bagi membangunkan modal insan dalam keilmuan dan kemahiran seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, adalah perlu melakukan yang berikut...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang Berhormat Larut, ini baru pembukaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Boleh saya selesaikan dahulu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebelum Yang Berhormat beralih ke tajuk lain.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Saya belum beralih, baru pembukaan sahaja... *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya masuk sedikit boleh?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Okey, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Soal modal, soal subsidi kepada masyarakat Melayu ini kita sering bercakap. Saya tidak setuju kalau mengatakan bahawa masyarakat Melayu ini tidak kreatif. Saya bagi satu contoh. Di kawasan saya, ada orang Melayu boleh buat senapang walaupun melanggar dari segi undang-undang, tetapi mereka ada pengetahuan, *skill* tetapi, masalahnya bagaimana hendak membantu mereka ini? Apakah dengan adanya kemahiran yang sedikit ini, tidak ada satu bimbingan.

Masalahnya ialah, bila mereka memohon bantuan modal, begitulah syarat pinjamannya, pelbagai kesulitan yang dicetuskan. Ini boleh menyebabkan semangat mereka luntur sedangkan kita sepatutnya bagi motivasi. Itu sebagai satu contoh. Kalau kita tengok di Lumut tentang *naval base, dockyard*, di mana orang Melayu berkemampuan, ada kemahiran boleh buat kapal dan perahu, sebagai contoh. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Inilah yang saya akan rumuskan dalam perbahasan saya. Daripada pembukaan kata tadi, kalau kita lihat dalam konteks untuk kita menambah nilai pembangunan modal insan kita. Jadi inilah beberapa perkara yang harus kita kaji. Antaranya ialah kaedah latihan dan sistem penghantaran.

Maknanya kita perlukan perubahan. Kaedah latihan dan sistem penghantaran sekarang kalau kita lihat lebih bersifat daripada atas ke bawah, *top down*. Jadi, inilah kita kalau kita melihat dalam konteks penghakupayaan ataupun *empowerment*, ianya kita memberi hak kepada seseorang individu untuk menentukan mereka menambah nilai keupayaan mereka sendiri. Jadi, di sinilah kita harus melihat kembali dalam dasar kita menentukan sama ada kita benar-benar memberi penghakupayaan ataupun *empowerment* kepada sesuatu organisasi atau individu, kita kena memberikan mereka hak untuk menentukan apakah tahap pengupayaan yang mereka kehendaki. Maknanya, mereka lebih mengetahui apakah kebolehan mereka apakah kelemahan mereka, di situlah kita kena membantu.

Dalam hal ini, kerajaan hendaklah mengkaji sistem ini kita mesti mendapat maklumat daripada bawah supaya kita akan memberi kesan yang lebih baik kepada mereka...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan sedikit. Yang Berhormat ada sebut mengenai *empowerment*, keupayaan dan juga mengenai perlu sikap yang baru, *first world, first class mentality* kalau kita mahu Rancangan Malaysia Kesembilan untuk berjaya. Dan, beliau sebut mengenai beberapa perkataan-perkataan yang dia sifat sebagai hebat, dinamik, bukankah semua ini sebenarnya sudah disebut dalam Rancangan Malaysia lima tahun sebelumnya. Tengok apa yang berlaku arahan Perdana Menteri mengenai skandal penjara di Kuching, dan dia mengarahkan suatu siasatan ACA.

Sembilan tahun daripada Rancangan Malaysia Ketujuh sampai Rancangan Malaysia Kesembilan, sembilan tahun. Dan dia kata ini menunjuk bahawa, dengan izin, *all these shows that those given the task were responsible*. Mereka yang bertanggungjawab, siapa bertanggungjawab? Bukan sahaja mereka bertanggungjawab secara langsung mengenai projek tetapi juga pegawai-pegawai atasan termasuk Timbalan Menteri. Dua Timbalan Menteri dua tahun baru-baru ini adakah mereka bertanggungjawab? Adakah Menteri yang sepenuhnya pun bertanggungjawab? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjadi Menteri berapa tahun, enam tahun. Adakah dia pun bertanggungjawab? Bukan, masalah ialah kita sendiri. Kita sendiri! Adakah kita kapasiti keupayaan modal insan supaya ada prestasi, ada meritokrasi dan bukan mediokriti. Itu masalah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor. Jadi, kalau kita lihat kita sepatutnya bangga dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita sering menyatakan beliau tidak melakukan *walk the talk*. Sekarang ini kita lihat sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu komited, beliau sendiri turun untuk memastikan bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan ini, apa yang beliau perjuangkan akan terlaksana. Beliau sendiri pergi memeriksa ke bawah sana, kita patut bangga dan inilah sifat yang harus ada pada kita semua, dan kita sama-sama harus bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memastikan akan ada perubahan ini. Dan, kita sama-sama bergerak untuk memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan berjaya, maknanya kita mesti turun ke bawah memastikan apa yang kita laksanakan, dasarkan pada hari ini akan terlaksana.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, penjelasan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Bukan sahaja sekadar kita mengkritik tetapi sekarang ini kita telah saksikan sendiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila beliau...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Walk the talk*, ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: ...Menyatakan sesuatu, beliau sendiri turun ke bawah untuk memastikan kejayaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, sedikit. Saya setuju kita patut puji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *walk the talk*, dia pergi kepada *the ground* tetapi sebenarnya dalam perkara ini, inilah tanggungjawab beliau sebagai Menteri Dalam Negeri untuk tujuh tahun. Kenapa tujuh tahun dia sendiri tidak boleh memastikan suatu projek dalam kementerian beliau sendiri berjaya? Bukan kementerian yang lain beliau sendiri patut bertanggungjawab. Kita puji dia untuk *walk the talk* tetapi juga perlu menghadapi, memikul tanggungjawab beliau sendiri pun ada gagal dalam melaksanakan projek dalam kementerian beliau sendiri oleh kerana penjara di bawah tanggungjawabnya untuk tujuh tahun.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Okey, kalau kita hendak bahas tentang ini amat panjang tetapi bagi saya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Saya baru isu pertama, belum...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tanya sekali.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ingat pembangkang ini biasalah sudah dekat pilihan raya di Sarawak ini, jadi mungkinlah dia hendak cuba uji tentang pilihan raya yang akan menjelang tiba. Jadi, tidak ada isu sangat sedangkan Perdana Menteri telus dan ikhlas dia mendedahkan. Kalau dia sembunyikan sesuatu bererti itulah yang dikatakan tidak ada ketelusan. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pendedahan yang dibuat oleh Perdana Menteri sebagai satu sikap kepimpinan yang perlu dicontohi kepada semua peringkat bukan bermakna kegagalan Perdana Menteri, sebenarnya Perdana Menteri tidak gagal, yang gagal adalah pembangkang untuk mencuri peluang dalam pilihan raya di Sarawak. Apa pandangan Yang Berhormat?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Saya setuju Yang Berhormat Larut. Jadi, inilah yang saya katakan tadi....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuching bangun, Yang Berhormat, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasanlah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Masa, masa saya

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Jadi,.....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja mengenai penjara di Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching. dia tidak bagi. Sila duduk Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat...
[Ketawa]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Bandar Kuching, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Di sini terlalu panjang kalau saya hendak huraikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu mengenai penjara Kuching. Sedarkah Yang Berhormat, sedarkah Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bandar Kuching, dia tidak bagi.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Hah! Bagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia mahu bagi saya, dia mahu bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, ya sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sedarkah Yang Berhormat, penjara ini akan memakan jumlah kos pada mulanya RM132 milion, sekarang anggarannya akan ditingkatkan kepada RM160 milion tetapi kapasiti untuk banduannya adalah 2000 sahaja banduan yang akan dapat dipenjarakan dalam penjara baru ini. Kalau kita, *do a bit of mathematic calculation*, bagi seorang banduan, kerajaan akan membelanjakan RM80,000 untuk membina satu tempat untuk mereka diami. Adakah ini wajar? Tidak kira lagi itu beri dia makan, apa-apa perbelanjaan kehidupan. Hanya tempat kediaman mereka sahaja satu orang RM80,000.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Okey, saya rasa saya faham sudah soalan itu. Ini yang saya katakan tadi bila kerajaan kita mengambil begitu berat dan menyedari dan mengakui bahawa wujudnya kelemahan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, seperti mana yang dikata oleh Yang Berhormat Larut tadi, dan bila langkah-langkah untuk mengatasi, memperbaiki itu pun dipersoalkan. Jadi, inilah sepatutnya bila kita sudah mengetahui kelemahan kita patut menyokong usaha untuk memperbaiki segala kelemahan tersebut. Di sinilah saya mengajak kita semua patut menyokong dan kita sama-sama bergerak untuk memperbaiki bukan sekadar untuk *claim mileage*, dengan izin, untuk *political purposes* kita sahaja.

Saya ingin beralih berkaitan dengan dasar tadi dari atas ke bawah. Sekarang ini kita patut mendengar dari pihak bawah apa yang sebaiknya patut kita lakukan. Jadi, untuk itulah saya rasa kerajaan patut mempertimbangkan untuk menubuhkan satu institusi latihan bagi menitik beratkan kaedah latihan dan penghantaran alternatif ini supaya kita akan dapat mengkaji, satu institut ini akan dapat mengkaji tentang segala sistem latihan kita dan sistem penghantaran, di mana kelemahan supaya kita akan dapat memperbaiki segala kelemahan dan perkara ini sentiasa dibaikpulih.

Yang keduanya ialah kita harus juga mewujudkan satu sistem yang mampu untuk menilai kecekapan pengajar. Sekarang ini kita banyak memberi kursus.

Pegawai-pegawai akan menghantar pegawai bawahan mereka untuk kursus tetapi kita tidak memberi peluang kepada pegawai-pegawai bawahan ini untuk menentukan apakah kursus yang lebih sesuai untuk mereka menaikkan nilai mereka. Bukannya lagi arahan daripada atas, kamu kena pergi kursus-kursus ini tetapi, bukan sekadar itu sahaja yang lebih penting sekarang ialah kita kena ada sistem penilaian, bagaimanakah bentuk kursus dan tenaga pengajar yang baik supaya sentiasa kita dapat meningkat dan menilai tenaga pengajar-pengajar ini. Jadi, saya rasa Tabung Pembangunan Sumber Manusia dengan ini patutlah mewujudkan sistem rujukan untuk pemilihan dan pengiktirafan tenaga pengajar.

Yang ketiga, saya ingin cadangkan kalau dapat untuk kita membentuk konsep baucar ataupun untuk pasport pekerja. Dengan cara ini, kita memberi tanggungjawab untuk memajukan diri kepada pekerja-pekerja kita maknanya ia akan memilih apakah bidang kursus ataupun latihan yang ingin mereka ceburi bagi mempertingkatkan keupayaan mereka. Dan, dengan ada baucar...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: ...Bolehkah kita wujudkan satu jawatankuasa, mungkin untuk menilai sama ada kursus ini sesuai. Bukan sahaja menilai sama ada sesuai untuk pekerja tersebut tetapi yang lebih penting bahawa tempat kursus yang ingin beliau pilih ialah tempat yang terbaik untuk beliau menambah baik kebolehan pekerja itu tadi. Sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya. Saya hendak khusus kepada program meningkatkan kemahiran, meningkatkan profesionalisme seseorang pekerja. Ada cadangan tadi supaya satu institusi ditubuhkan. Bagi saya perkara ini memerlukan satu tindakan yang segera. RMK-9 telah pun dibentangkan dan dalam proses pelaksanaan.

Oleh sebab itu, saya mengambil pandangan dan ingin membuat cadangan, apakah pandangan Yang Berhormat supaya institusi-institusi latihan kemahiran yang sedia ada ini dimanfaatkan. Umpamanya, kita ada begitu banyak universiti, kita ada begitu banyak pusat latihan, kita ubah suai supaya satu bentuk kursus yang segera, yang bersesuaian dengan kawasan tertentu itu dilaksanakan supaya agenda RMK-9 ini yang hendak dilaksanakan segera ini dapat dilaksanakan dengan baik, lancar dan berkesan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Sabak Bernam kerana memberi imbuhan atau tambahan kepada apa yang saya sarankan tadi. Sebagai contoh, sebenarnya telah berlaku, misal kata, kita telah menubuhkan PIN, Pelan Integriti Nasional di mana kita ada institut integriti nasional. Dan, bagi menyokong ini saya mendapat tahu UiTM telah menubuhkan satu unit khusus untuk mengkaji ataupun mengeluarkan satu sistem untuk kita menilai setakat manakah integrasi di Malaysia ini dijalankan terhadap individu, kerajaan, badan-badan korporat dan sebagainya.

Dengan adanya sistem tersebut mereka telah membuat satu mekanisme dan kaedah bagaimana kita hendak menilai satu-satu badan itu, sama ada badan tersebut ada integriti ataupun tidak. Inilah yang patut kita lakukan dan institut-institut yang ada sekarang ini patut juga kita gabungkan kalau dapat, untuk mengkaji setakat mana kita dapat melaksanakan ke arah menambahbaikkannya terutamanya sistem latihan yang ada di negara kita.

Perkara atau isu seterusnya, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini saya rasa adalah mustahak untuk kita membentuk satu cara dan kaedah yang memantau prestasi. Pemantauan ini mestilah seragam, bersepadu dan tekal dan mengandungi komponen memajukan diri dalam sistem itu. Sistem penilaian yang diperelakkan adalah perlu untuk semua peringkat Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Kerajaan sepatutnya menimbangankan cadangan untuk mewujudkan sebuah pusat boleh memajukan teknologi pemantauan dan penilaian.

Isu ketiga, merubahkan arah pemikiran. Sekiranya rakyat Malaysia mahu mempunyai minda kelas pertama dan sifat keusahawanan kita perlu merubahkan cara pemikiran di semua peringkat. Berikutan itu, fahaman lama menjadi pegangan mestilah dipersoalkan iaitu status, etika kerja, meritokrasi, bangga diri, jaminan kerja seumur hidup dan budaya penggantungan. Lagipun tiada gunanya membuat perubahan arah pemikiran jika cara bekerja tidak diubah sama. Perubahan ini adalah sangat penting bagi kakitangan awam ataupun ahli birokrasi yang mahu orang lain semua berubah kecuali dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya ingin menyambung berkaitan dengan beberapa isu yang berkaitan dengannya. Misal kata kalau kita lihat ada beberapa perkara yang kita lihat telah diisytiharkan oleh kerajaan. Misalnya, dalam penggabungan SSM dan juga Suruhanjaya Sekuriti. Jadi, saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kerajaan, sama ada bila satu penggabungan hendak dibuat adakah kita pergi ke bawah untuk mendengar maklum balas sama ada dari NGO, badan-badan peguam dan sebagainya sebelum sesuatu pengumuman itu dibuat.

Saya rasa ini amat penting. Sebab kalau kita hendak menggabungkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan *Securities Commission* dalam konteks ini, saya ada sedikit *reservation*, dengan izin, ini disebabkan pada saya masa ini tidak ada masalah yang bangkit daripada sistem yang sedia ada. Yakni Suruhanjaya Sekuriti di bawah Kementerian Kewangan menumpukan dalam soalan pengawalseliaan berkaitan dengan *Securities Industries Act 1983*, *Securities Industries (Central Depositaries) Act 1991* dan juga *Securities Commission Act 1993*, manakala Suruhanjaya Syarikat Malaysia pula bertanggung mentadbir *Companies Act*, *Registration of Business Act*, *Trust Companies Act*, dan *Kootu Fund Prohibition Act*.

Jadi, melalui semua peruntukan undang-undang ini saya rasakan bidang kuasa dan juga skop bidang tugas mereka telah jelas di bahagikan. Jadi, setiap suruhanjaya pada saya telah menjalankan tugas yang baik. Namun kiranya kalaulah SSM ini akan diambil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, saya merasakan ini akan mengakibatkan keadaan yang tidak kondusif untuk kita menambah atau menubuhkan perdagangan dalam negeri kita.

Ini kerana saya merasakan Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan peranan yang begitu aktif. Kalau kita gabungkan maka peranan kementerian menjadi kurang efektif. Ini disebabkan kementerian bukan sahaja menjaga syarikat besar tetapi yang lebih penting ialah mereka juga menjaga penjaja-penjaja kecil yang belum biasa dengan budaya korporat dan juga *corporate governance*, dengan izin...

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Muar bangun.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Silakan Yang Berhormat Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Yang Berhormat Petra Jaya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Petra Jaya apabila membangkitkan soal penggabungan SSM dan SC ini. Ini kerana saya bersetuju di bawah SSM kita ada lebih kurang 700 ribu buah syarikat yang mempunyai hampir tiga juta lebih perniagaan yang berbeza-beza.

Dan, kita tahu kementerian yang bertanggungjawab kepada SSM ini mempunyai begitu banyak perancangan termasuk untuk meningkatkan penglibatan bumiputera ke tahap yang lebih tinggi. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kalau boleh kita tumpukan dahulu SC untuk melihat bagaimana kita boleh mempertingkatkan kemampuan keupayaan 1000 syarikat yang berada di Bursa Saham supaya setanding dengan bursa-bursa yang lebih jauh maju sebelum kita mengadakan penggabungan ini kerana ia jelas menjejaskan peluang syarikat-syarikat bumiputera yang baru hendak hidup, yang baru hendak naik ini.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Muar. Sebagaimana yang Yang Berhormat Muar katakan tadi, bila saya katakan Suruhanjaya Sekuriti ini telah memainkan peranan mereka sendiri dan mereka terlibat untuk menjaga pasaran ekuiti, modal kewangan dan sebagainya, di mana bidang kuasa mereka di bawah kementerian kewangan.

Setakat ini mereka telah memainkan peranan yang baik sehinggakan kedudukan *Securities Commission* kita telah berjaya menduduki dari tahap bawah mendaki sekarang ini ke tahap ke empat dalam *ranking* dunia, di peringkat antarabangsa. Jadi, pada masa yang sama SSM, tumpuannya berlainan sebab ia bukan sahaja menjaga syarikat terhad tetapi juga perkongsian dan perniagaan persendirian, *enterprise*, ataupun *sole proprietorship*. Yang saya khuatir sekarang ini pendekatan yang dilakukan oleh SSM ialah untuk mendidik bukan sahaja menguatkuasakan, bukan sahaja *regulatory*, dengan izin, seperti mana SC lakukan. Malah, tugas utama mereka ialah untuk mendidik peniaga-peniaga baru dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita hendak merapatkan jurang antara bumiputera dan juga bukan bumiputera. Bumiputera ini baru dalam bidang keusahawanan dan mereka perlukan didikan dalam bidang perundangan dan bidang perniagaan dan segala perundangan yang berkaitan dalam perniagaan dan usaha ini harus mereka lakukan.

Jadi, saya khuatir kalau gabungan ini dilakukan, maka kita akan menghadapi masalah dalam mendidik mereka. Sebaliknya mendidik kita akan lebih menumpukan kepada usaha untuk melaksanakan hukum undang-undang lebih kepada menghukum daripada mendidik.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Ya, Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya. Soal mendidik dalam perniagaan. Sebagai contoh sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah dalam sendirian berhad, kita diperlukan untuk menghadiri kursus dan sebagainya untuk mengetahui lebih mendalam apakah tanggungjawab-tanggungjawab kita sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah, dan setakat ini sudah dijalankan. Walau bagaimanapun, ini juga suatu perkara yang baru.

Akan tetapi saya tidak nampak bagaimana Yang Berhormat boleh kaitkan ini dalam soal bumiputera ini, bagaimana? Apakah dengan masalah nanti, apabila kita pergi ke *Securities Commission*, soal sendirian berhad ini, pendaftaran syarikat ini di bawa ke *Securities Commission*, bagaimanakah nanti soal ekuiti penyertaan bumiputera itu boleh terjejas sedangkan apa yang dibuat oleh *Securities Commission* sekarang, di antara perkara yang dikuatkuasakan ialah soal penyertaan bumiputera iaitu yang 30% itu bagaimana pula? Saya tidak berapa jelas, Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang Berhormat Tuaran, kalau kita lihat ada dua bidang kuasa iaitu *Securities Commission* adalah di bawah bidang Kementerian Kewangan manakala Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Peranan dan fungsinya berbeza, *Securities Commission* lebih bertanggungjawab kepada persoalan modal, kewangan dan sebagainya manakala Suruhanjaya Syarikat Malaysia lebih kepada *regulatory* di bawah akta-akta yang telah saya sebutkan tadi.

Pada masa yang sama, kalau kita lihat kalau budaya korporat, peringkat sendirian berhad, Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah mengadakan kursus secara mandatori untuk pengarah-pengarah syarikat tetapi, kita belum sampai ke tahap *Registrar of Business* maknanya *Registrar of Business* ataupun Pendaftar Perniagaan di mana kita akan melihat kepada perkongsian ataupun *Sole Proprietorship*.

Di sinilah kita melihat kepada penjaja-penjaja, adakah mereka sudah bersedia. Adakah rakyat kita bersedia, pengusaha kita yang penjaja-penjaja tepi jalan di sana untuk mematuhi dan mengetahui segala perundangan berkaitan dengan *Registrar of Business*, membayar ataupun *submission of return, annual return* tiap-tiap tahun. Inilah saya rasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri memainkan peranan untuk mendidik mereka.

Tahap pertama sudah buat. Persoalan saya sekarang, kalau kita menggabungkan adakah usaha ini akan berterusan dan adakah ini rakyat kita sudah bersedia. Saya mempersoalkan cuma persoalan sama ada kita sudah bersedia, rakyat kita sudah bersedia atau tidak pada masa ini.

Sebelum itu Yang Berhormat Tuaran, kalau kita lihat juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri juga mengadakan kursus-kursus untuk melatih peniaga-peniaga ini sama dalam sudut kewangan, pentadbiran keusahawanan, peniaga dan juga *marketing*. Usaha ini sedang berjalan dan saya khawatir usaha ini nanti kalau bergabung, fokus mereka lebih kepada untuk *regulatory*. Itu yang boleh menjejaskan.

Datuk Wilfred Madius bin Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, ini saya ingat ini perlu diperjelaskan sebab Yang Berhormat menceritakan tentang *Sole proprietorship*. Saya fikir *Sole Proprietorship* ini cuma menggunakan *trading license*, ini tidak tertakluk kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Yang dibuat ialah sendirian berhad sebab kita ada *annual return* dan sebagainya, yang *Sole Proprietorship* ini saya fikir tidak...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Mungkin di sini di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia juga ada yang dikatakan satu *Registrar of Companies* di mana *Companies Act* ataupun Akta Syarikat dikuatkuasakan daripada Suruhanjaya Syarikat Sendirian Berhad. Satu lagi ialah *Registrar of Business* di mana ada perundangan berkaitan dengan *Registrar of Business* yang mengawal selia perkongsian dan juga enterprise perseorangan, *sold proprietorship* itu tadi. Di sini ada juga yang kita kurang memahami ialah berkaitan dengan *Registrar of Business* ini di mana ada perundangan dan peraturan-peraturan yang perlu kita patuhi dan ikuti.

Di sinilah saya rasa usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri masih mengusahakan untuk meningkatkan *partnership* dengan *proprietorship* ini supaya mereka akan dapat naik ke tahap apa yang dikatakan orang yang memahami segala peruntukan perundangan berkaitan dengan perniagaan yang ada di Malaysia ini. Ini yang saya rasakan kita patut melihat sama ada sekarang ini kalau penggabungan ini adakah perkara-perkara ini akan terjejas, pendidikan kepada peniaga-peniaga ini...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [Bangun]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat, sila.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya. Saya tertarik juga dengan penggabungan antara SSM dengan SC ini. Kita faham bahawa mungkin salah satu faktor yang menyebabkan penggabungan ini dicadangkan ialah untuk mengawal selia. Cuma adakah SC mampu untuk mentadbir urus semua yang melibatkan seluruh pendaftaran syarikat-syarikat ataupun pendaftaran pertubuhan yang ada di seluruh negara sedangkan SC hanya mempunyai satu ibu pejabat dan tidak mempunyai *regional office* yang dikuasai oleh SSM. Adakah Yang Berhormat memikirkan bahawa ini merupakan salah satu pengambil alih kuasa supaya dijadikan suatu bentuk pengawalan selia yang lebih baik. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Kalau kita melihat sekarang bahawa SSM mereka telah ada struktur yang teratur yang meliputi seluruh kawasan di Malaysia walhal Suruhanjaya Sekuriti pula hanya berpusat di Kuala Lumpur. Yang lebih penting kita lihat sekarang ini ialah fokus mereka, bidang kuasa yang berbeza dan kita sekarang ini ada dua kementerian yang menjaga. SC akan dijaga oleh Kementerian Kewangan di mana ia melibatkan soalan ekuiti market atau modal pasaran. Sementara SSM lebih kepada *regulatory* untuk menjaga filling ataupun pemfailan semua dokumen-dokumen syarikat sama ada Soft Proprietorship Sendirian Berhad dan juga *partnership* dengan izin, tugas yang berbeza.

Sekarang ini di dunia hanya negara Australia yang menggabungkan dua peranan ini. Maknanya negara-negara lain di dunia masih belum lagi menggabungkan usaha ini sebab sejarahnya berbeza dan yang lebih sesuai saya merasakan pada masa ini, kita patut mengekalkan pengasingan kuasa ini supaya peranan yang belum tercapai itu akan dapat dilaksanakan sehinggalah rakyat kita bersedia. Maknanya semua orang sudah ada mentaliti sebagai satu mentaliti korporat yang sedar tentang peruntukan perundangan dan tahu peranan mereka apa yang harus mereka mainkan.

Sebab saya khuatir nanti disebabkan digabungkan, jadi mereka akan lebih memainkan peranan sebagai satu *regulatory*. Maknanya kalau salah kita akan dakwa. Kita akan kompaun walhal kita belum memberi kesempatan kepada rakyat kita untuk memahami segala peruntukan perundangan ini terutamanya peniaga-peniaga kecil. Itulah yang saya rasa perlu kita ada...

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Putatan, hendak beri jalan?

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Petra Jaya. Soal peniaga-peniaga kecil dan penjual-penjual di tepi jalan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat ini, saya fikirlah ini kerana kalau kita ada lagi satu undang-undang yang mewajibkan peniaga-peniaga kecil ini yang hanya memerlukan modal RM1000 atau RM2000 untuk berniaga, ini saya rasa adalah berlaku kekeliruan sedikit kerana SC akan juga terbabit dengan mengurus atau mendaftar atau mentadbir perniagaan mereka ini.

Ini saya rasa tidak berapa sesuai kerana peniaga-peniaga kecil ini hanya mendapat lesen daripada pihak-pihak PBT masing-masing yang tidak memerlukan banyak pekerja. Mungkin dia bekerja sendiri. Jadi ini tidakkah ia akan membebankan peniaga-peniaga kecil ini yang daripada golongan yang berpendapatan rendah ini. Kita harus tengok apa yang kita cadangkan kerana saya setuju kalau ada cadangan untuk menyelaras dan mengurus perniagaan-perniagaan ini mungkin di peringkat yang setaraf dengan keupayaan mereka terutama sekali mungkin dalam Kementerian Keusahawanan. Apa pandangan Ahli Yang Berhormat Petra Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Petra Jaya minta gulung.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya katakan tadi, iaitu saya rasa Syarikat Suruhanjaya Malaysia saya bersetuju untuk menggabungkan kalau keadaan masyarakat kita sudah bersedia Cuma sekarang ini Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah hampir selesai mendidik di peringkat awal sendirian berhad tetapi peringkat perkongsian dengan peringkat *sole proprietor* ini belum selesai. Sebab itu kita kena lihat balik, bagaimana kita boleh supaya selaras. Bila kita membuat dasar kita, kena mendapat *feedback* ataupun maklum balas di bawah ini. Adakah masyarakat kita bersedia, adakah rakyat kita dalam semua peringkat ini bersedia? Itu yang saya mohon kita melihat kembali untuk kita kaji perkara ini...

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah tu.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Apa pandangan Yang Berhormat tentang dakwaan yang mengatakan bahawa penggabungan ini perlu dilakukan kerana terdapat pertindihan di bawah Akta Syarikat 1965.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Bagi habiskanlah ucapan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sambung soalan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Ha! Bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sikit saja Tuan Yang di-Pertua. Menyambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Muar tadi, secara rambang kita mendapati antara sebab penggabungan ini, hasrat kerajaan menggabungkan kedua-dua Suruhanjaya ini adalah untuk membantu kelemahan di dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Jadi apakah Yang Berhormat boleh menjangkakan jika penggabungan ini berlaku ia akan menyebabkan kelemahan pula kepada Suruhanjaya Sekuriti satu hari nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadilah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Muar. Memang benar ada pertindihan. Kalau kita lihat *Companies Act* ataupun Akta Syarikat memang ada pertindihan tetapi pertindihan ini kalau kita lihat SSM memainkan peranan sebagai orang yang menerima kita kata orang yang menyimpan *registry* ataupun menyimpan segala fail-fail yang berkaitan dengan syarikat. AC pula menjaga *public listed company* yang berkaitan dengan menjaga kepentingan pelabur-pelabur dalam syarikat tersebut. Dan kalau ada percanggahan pun lebih kepada bidang penguatkuasaan. Jadi AC ada cara untuk menguatkuasakan perundangan tersebut. Begitu juga SSM berkaitan dengan kalau mereka tidak mengikuti atau mematuhi Akta Syarikat maknanya tidak memfailkan *returned* dan sebagainya maka itu bidang kuasa SSM manakala AC pula lebih kepada untuk melindungi pelabur-pelabur dalam syarikat.

Jadi ini tugas yang berbeza dalam satu undang-undang tetapi boleh dikuatkuasakan oleh dua agensi yang berbeza. Jadi ini tidak wujud sebenarnya. Akta yang ada telah nyata mengagihkan bidang tugas yang jelas dan nyata itu tadi. Sebab itu saya rasakan yang lebih penting bagaimana kita hendak menyiapkan rakyat berkaitan dengan akta-akta yang telah kita wujudkan. Peranan ini saya rasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna lebih memainkan peranan untuk mendidik masyarakat peniaga kita yang kita kecil-kecil ini. Sebab itu saya melihat dan memohon kepada kerajaan untuk melihat kembali bagaimana perkara ini harus diperhalusi sebelum kita membuat sebarang keputusan sama ada untuk menggabungkan dan yang lebih penting kita kena menyiapkan rakyat kita berkaitan dengan hal ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadilah bin Yusof [Petra Jaya]: Cukup? Sebenarnya ada satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadilah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerlun.

12.35 tgh.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan tempoh hari. Cuma orang-orang di kawasan saya bertanya lagi, RM220 bilion itu banyak mana Dato? Saya pun menjawab versi yang lama tetapi kepada orang baru. Kalau peruntukan itu ditukarkan kepada duit syiling, sekupang ataupun sepuluh sen Jerlun akan dapat bukit duit sebab di Kubang Pasu ada Bukit Wang dan kita akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak pengsanakah Yang Berhormat?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Dia tidak pengsan sebab duit banyak. Dan di Kedah ini bukan sahaja kita perkasakan kempen-kempen

ataupun gagasan-gagasan nasional malah bukan setakat Buku Hijau, Bumi Hijau, di Kedah ada Bukit Hijau, bukit pun jadi hijau.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjurus kepada pengurusan kerana pengurusanlah yang akan menjamin dan akan merealisasikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Di dalam pengurusan yang penting ialah beberapa natijah yang kita tidak dapat elakkan. Pertamanya pengurusan yang berbentuk surat-menyurat. Keduanya ialah mesyuarat. Ketiganya lawatan dan satu lagi idea baru saya dapat dengan kawan-kawan di mana kebanyakannya dipraktikkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu orang Kedah panggil 'melilau' dia berpusing sana dan berpusing sini dengan izin, *wondering around*.

Dalam pengurusan bersurat apa yang hendak saya tekankan ialah keberkesanan surat-menyurat ini di Jabatan-jabatan. Lumrahnya ada tiga kotak fail atau kotak surat-menyurat iaitu surat masuk, surat keluar dan KIV (simpan dalam perhatian). Kadang-kadang surat masuk lewat dilihat, surat keluar pun lewat dikeluarkan lalu dimasukkan ke dalam kotak simpan dalam perhatian tetapi, sekiranya ketiga-tiga ini tidak dapat ditunaikan ataupun tidak dapat dilaksanakan dia masuk dalam satu lagi kotak yang saya beri nama selalunya pegawai pun nampak terlepas dari pandangan. Ini satu faktor ataupun satu sistem kadang-kadang terlalu banyak lepas dari pandangan. Sekiranya banyak surat-menyurat yang terlepas dari pandangan ia menggagalkan. Banyak surat yang tidak dapat dijawab dan banyak juga projek-projek ataupun saranan-saranan ataupun permintaan-permintaan daripada seseorang yang tidak dapat ditunaikan.

Jadi adalah lebih baik di sini supaya Jabatan-jabatan Kerajaan lebih fokus kepada surat-menyurat. Satu permintaan saya dan rayuan supaya surat-surat daripada sesiapa sahaja terutamanya daripada kita semua dijawab dan ada salinan kepada orang tertentu supaya jawapan-jawapan ini dapat kita jadikan bukti kepada orang-orang yang kita temui bahawa inilah kemajuan, *progress*, dengan izin, yang dipohon oleh tuan-tuan dan puan-puan. Dan dengan adanya jawapan ia merupakan satu hubungan dua hala antara penjawat awam dengan Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun pemohon-pemohon berkenaan.

Kadang-kadang apabila individu-individu ini menulis surat kepada Jabatan sebulan dua bulan tiga bulan tidak dijawab lalu akan berpatah balik kepada kita. Ditanya, "Macam mana saya telah menulis surat mengenai tanah, permohonan saya untuk kediaman, permohonan saya untuk bercucuk tanam tetapi tidak dijawab". Jadi kita terpaksa pula menghubungi Jabatan berkenaan dan kadang-kadang dalam hubungan yang macam itu....

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Hendak tanya.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Jiran pun hendak tanya? Okey, ingatkan hendak sembang-sembang tepi sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih. Saya ingin merujuk kepada soal jawab surat ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Jerlun apakah teladan ini patut bermula pada Jabatan Perdana Menteri sendiri kerana ramai juga rungutan bahawa surat yang kita tulis tidak mendapat jawapan. Dan mungkin sebab itulah maka banyak juga Jabatan-jabatan lain tidak memberi jawapan. Misalnya sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, anak saya hendak kahwin, tidak pernah berlaku majlis perkahwinan dalam keluarga saya jadi saya tulis surat kalau-kalau boleh jumpa Perdana Menteri hendak jemput, maklumlah *first wedding in my family*.

Sudah dua bulan tidak ada jawapan sama ada boleh atau tidak. *So, it is courtesy.* Bukankah ini sepatutnya menjadi teladan dan supaya Jabatan lain juga berbuat demikian.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih sahabat jiran sebelah saya. Itu juga merupakan pandangan. Saya berpendapat walaupun Jabatan Perdana Menteri ke atau mana-mana Jabatan ia sama penting tambahan pulalah Jabatan berkenaan kerana ia melambangkan satu pengurusan yang lebih diperhatikan dan soal anak Yang Berhormat hendak kahwin itu tak apa jangan Yang Berhormat yang hendak kahwin. Yang itu kena pergi jumpa sendiri.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya cuma tambah sedikit sahaja. Saya bersetuju sangatlah ini, surat yang tidak dijawab ini. Apakah pendapat Yang Berhormat Jerlun ini, kita daripada Ahli-ahli Parlimen yang mewakili rakyat begitu ramai, kawasan-kawasan ini, surat tidak dijawab. Adakah ini suatu teladan yang patut?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, itu Bera itu, bukan Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia pinjam pembesar suara Bera.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, ya. Terima kasih.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Saya pun bukan dengar betul-betul, Tuan Yang di-Pertua. Arau pun dok kacau. Tolong ulang lagi sekali. Saya tengok Bera tadi.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Kita wakil Parlimen, mewakili seluruh rakyat. Surat tidak dijawab. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Surat tidak dijawab ini Yang Berhormat, macam memiming orang tidak memberi jawapanlah, kecewa. Terima kasihlah atas pandangan. Memang serius sebab surat ini merupakan satu kehendak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin, Jasin. Hendak bagi jalan Jasin?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Baru dua patah Jasin. Sila Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin kalau tidak bagi, dia perang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Jerlun. Ini berkenaan dengan surat ini, Tuan Yang di-Pertua. Semalam Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Dato Wira Muhamad Ali Rustam beritahu saya bahawa adiknya yang duduk di Singapura mengikut suaminya bekerja di Singapura. Apabila suaminya berhenti kerja di Singapura, hendak balik ke Malaysia, dia telah menguruskan untuk memohon penduduk tetap Malaysia.

Surat kelulusan itu, sudah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri bulan April 2005. Sampai hari ini surat tidak sampai, Tuan Yang di-Pertua. Ini cerita pasal surat ini. Apabila dia telefon, dia kata sudah lulus, bila lulus? Tarikh lulus dia bulan empat, 2005. Sekarang bulan empat, 2006... *[Disampuk]* Sampai sekarang surat daripada kementerian itu hendak sampai kepada pemohon itu satu tahun. Itu adik Ketua Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Alamat salah kot, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak salah, sama. Itu adik Ketua Menteri.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau adik Ahli Parlimen Jasin...

Seorang Ahli: Lagi tidak sampailah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Lagi tidak sampai. Kalau orang kampung...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang tidak sampai.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Memang tidak sampai.

Seorang Ahli: Tidak ada *kautim*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi, apa cadangan Yang Berhormat sahabat saya Jerlun ini berkenaan dengan pejabat-pejabat, kementerian-kementerian ini...

Seorang Ahli: Hentam sama dia.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Berkenaan dengan surat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan-rakan kita tadi, Ahli Parlimen hantar surat minta penjelasan hendak membantu rakyat tidak berjawab. Surat sudah lulus pun, hendak hantar kepada orang ramai pun, makan masa yang lama. Apa sudah jadi?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Jasin. Soal menjawab surat ini, ini kadang-kadang saya sudah buat sikit tinjauanlah. Tinjauannya kadang-kadangnya di mana masalah surat ini tidak dapat dihantar ataupun *finishingnya*, dengan izin. Kadang-kadang persiapan daripada awal sudah siap. Fail dibuka, kerani sudah tulis ataupun sudah ditaip dengan elok. Kadang-kadang sampai di meja ketua jabatan, terlalu sibuk. Cuma kita merayu di sini, memang kesibukan pada hari ini di jabatan, terutama ketua-ketua jabatan berganda-ganda. Kita hormat. Kita memang menghormati tetapi, kita juga meminta mereka juga menghormati kepada surat-surat ini. Bawa baliklah masa hendak main golf itu, sebelum turun ke padang sainlah.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Di rumah itu, semasa dok tengok ASTRO itu, sainlah barang sepuluh atau berapakah. Jadikan yang ini amalan masa lebih sebab kita bertanggungjawab. Kalau kita tidak buat yang macam itu, hendak tumpu empat ke lima petang, saya ingat surat ini tidak akan boleh ditandatangani.

Cuma hendak tandatangan, saya ingat, "Ehh, tengah tidur pun boleh tandatangan itu," sebab ini sudah cukup senang. Percakapan kita memanglah senang tetapi kita ketua jabatan ini pakar. Dia memang profesional. Draf pun sudah dibuat. Cuma hendak buat sedikit titisan dakwat yang terakhir.

Seorang Ahli: Waa!

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat, hendak bagi mana?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: *Tie* merah itu, Setiu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiu, ya.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Duduk dekat-dekat, sila.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya cukup tertarik dengan isu ini, cukup tertarik.

Seorang Ahli: Waa! Hebat.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ini kerana....

Seorang Ahli: Sudah banyak kali kena.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: ...Apabila saya ini dipilih untuk menjadi wakil rakyat...

Seorang Ahli: Hebatlah.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya hendak tahu perancangan-perancangan daripada jabatan kerajaan untuk tempoh lima tahun, untuk membantu jabatan kerajaan, apa yang patut kita buat. Saya tulis surat untuk panggil, jemput saya untuk kita dengar taklimat. Sampai hari ini, tidak ada. Satu jabatan saya pergi. Bila saya pergi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jabatan mana?

Seorang Ahli: Sebut.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya rasa tidak payahlah cerita.

Beberapa Ahli: *[Bising]*

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Di bawah MOA.

Seorang Ahli: Pertanian, pertanian. Pertanianlah.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Pertanian.

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Pertanian, haiwan, perikanan, semua saya hantar pasal kami ini di kawasan pertanian. Sampai hari ini pun tidak ada jawapan.

Seorang Ahli: Berapa lama?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Sudah dua tahun dah...
[Ketawa]

Seorang Ahli: Itu dia.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya pergi satu jabatan. Saya *follow* tengok apa jadi. Dia kata kita tidak buat persiapan lagi. Bila siap nanti kita jemput.

Beberapa Ahli: Ohh!

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Sampai sekarang pun tidak dijemput.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya bangkit perkara ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, sampai sekarang pun tidak ada apa-apa.

Beberapa Ahli: Oh!

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Bagaimana perasaan Yang Berhormat Jerlun bila situasi ini berlaku?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, minta sebelah boleh, sekali?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Yang Berhormat Jerlun ini dia faham perasaan kita yang dekat ini bersama.

Beberapa Ahli: Oh!

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Hanya saya hendak mencadangkan satu cara penyelesaian kalau boleh dipersetujui. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Jerlun. Apa kata kita ada satu polisi dua minggu? Maknanya, kalau surat itu dihantar dan diterima oleh jabatan itu, biasanya dia cop diterima. Dalam tempoh dua minggu, dia kena jawab soalan itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, pandangan sahabat-sahabat saya, Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Sabak Bernam tadi memang sesuatu yang cukup bernas. Dua minggu memang satu tarikh yang cukup baik dan kita rasa memang patut diadakan. Kadang-kadang hendak meletakkan satu prosedur menjadi juga sesuatu yang beban tetapi, ini bergantung kepada inisiatif ataupun tanggungjawab yang kita rasa mesralah. Mesra dengan pelanggan.

Kalau kita nampak tidak dijawab itu mengecilkan hati orang dan akan membebaskan balik, sebab banyak tidak dijawab. Kita carilah satu formula, di mana dua minggukah. Kalau sebulan pun dia boleh jawab semua sekali lebih baik. Macam Yang Berhormat Setiu kata tadi, sudah dua tahun. Saya ingat surat tadi bukan terlepas dari pandangan. Sudah terlepas dalam longkang... *[Ketawa]* Sudah tidak dijawab semasa dua tahun. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian di belakang. Dua-dua bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ledang.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tidak apa, kita bagi Kubang Kerian.

Seorang Ahli: Jadi duduk dahululah, dua-dua.

Seorang Ahli: Duduk.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Jerlun. Sebagai satu contoh tadi Yang Berhormat menyebut tentang kelewatan sains surat dan seumpamanya. DO, Pegawai Daerah Yang Berhormat, saya difahamkan purata sebulan 30 mesyuarat. Ini yang terjadi hari ini dan sudah tentu kadang-kadang menjadi penangung kepada banyak persatuan dan kadang-kadang mesyuarat diadakan pada hari-hari kerja. Jadi, berapa masa dia akan ada di pejabat?

Jadi, adakah ini perlu diubah ataupun perlu satu semakan semula, seorang Pegawai Daerah yang saya difahamkan, memang satu kajian dibuat 30 mesyuarat. Bermakna kerja 20 hari sebulan, sehari purata dua mesyuarat. Jadi, macam manakah tindakan seperti ini yang akan melambatkan lagi sistem penyampaian dalam negara kita. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, saya beri kepada Ledang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya pula berbeza. Berbeza benar dengan Ahli-ahli Yang Berhormat lain sebut sebab tidak ada surat yang saya hantar tidak berjawab. Semuanya berjawab...

Seorang Ahli: Tetapi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Malahan, saya pernah hantar surat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Saya minta supaya diadakan satu taklimat, mereka menunggu kami. Kami pula gagal datang, minta maaf. Apa pandangan Yang Berhormat Jerlun sebab sekarang ini kita ada sistem SMS, kita ada e-mel, kita ada telegram. Ada surat biasa dan sebagainya. Setiap pegawai-pegawai kerajaan ada fail meja. Apakah pandangan Yang Berhormat? Adakah ini berkaitan dengan sistem ataupun sikap sebab ada yang kata tidak ada masalah. Ada yang kata ada masalah. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit ini, Yang Berhormat Ledang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerlun, hendak bagi jalan?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Boleh, boleh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang SMS, e-mel itu macam kita bolehlah tetapi, orang kampung suratlah tetapi tidak apa ini, Tuan Yang di-Pertua, ini satu cerita lagi. Ini yang surat ini, yang kita kata tadi pegawai tidak jawab.

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang pegawai sudah jawab ini, surat dekat posmen ini selalu hilang, macam mana ini Dato?

Seorang Ahli: Ya. Jawab, hilang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini beribu surat kadang-kadang jumpa dalam sungai, jumpa dalam longkang. Ini apa pula cerita ini, tentang pos ini, Yang Berhormat Jerlun?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih rakan-rakan Yang Berhormat. Ada yang bertanya dan terus menjawab, menyenangkan kerja-kerja saya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Saya hendak beralih ke topik yang lain. Kesimpulannya di sini, soal mesyuarat banyak, memang kita nampak tugas hari ini makin membebankan. Soalnya Yang Berhormat Ledang, mungkin ketua jabatan atau jabatan berkenaan menjawab kepada Yang Berhormat, macam Yang Berhormat Jasin kata betul. Kalau orang kampung semua pergi buat surat kepada *petition writer* (penulis surat berteriak), dengan izin...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: *Petition writer*, dengan izin terjemahannya penulis surat berteriak. Dia pun tidak hendak teriak sudah. Jadi kalau macam ini tidak dapat SMS dan kesemua ini macam Yang Berhormat Jasin kata tadi saya simpulkan sebagai kes-kes yang terpinggir ataupun terpencil. Bukan kesemua. Kita menghormati tugas-tugas pegawai kerajaan cuma beberapa perkara kadang-kadang orang ini di kampung dia tidak pernah buat surat tetapi, oleh kerana tanah permohonannya sudah tujuh lapan tahun tidak dapat jawapan dia pun buat satu. Hanya dengan tanah itu dia sudah heboh satu kampung. Jabatan DO tidak jawab, pejabat tanah tidak jawab, pergi hendak jumpa tidak boleh, dia jadi orang kedah kata dia merawit. Dia merawit yang bukan-bukan. Inilah kita minta budi bicara pegawai kerajaan supaya perkara dan juga kepada soal-soal yang tertentu hendaklah menyusun tindakan-tindakan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam surat-menyurat sebagai elemen ataupun unsur yang penting dalam pentadbiran satu lagi mesyuarat. Memang mesyuarat ini banyak dan mesyuarat merupakan *catalyst*, dengan izin pemangkin kepada gerak kerja kepada satu jabatan terutamanya untuk menggerakkan dan merupakan nadi kepada penggerak Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi mesyuarat ini, diperingkat kabinet ada mesyuarat, kita tahu dan di peringkat negara ini pun ada mesyuarat dengan KSN. Di peringkat negeri ada Mesyuarat Pembangunan Negeri. Daerah ada Mesyuarat Pembangunan Daerah, JKK ada Mesyuarat JKK, UMNO pun ada Mesyuarat UMNO Bahagian, PAS saya tidak tahu ada tidak ada. Mungkin mereka tidak ada mesyuarat.

Cuma dalam fokus kita mesyuarat, kalau mesyuarat pembangunan daerah ataupun tindakan daerah ia merupakan kesinambungan kepada mesyuarat pembangunan negeri tetapi oleh kerana banyak sangat agenda yang dibentangkan dalam mesyuarat pembangunan daerah ataupun tindakan daerah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: ...Kadang-kadang kita tidak dapat menghayati sesuatu projek ataupun program yang hendak dilaksanakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Kadang-kadang..., Allah! Sila, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerlun. Saya terpanggil apabila mendengar Yang Berhormat bercerita tentang kerenah yang menjadi kemusykilan saya. Contohnya seorang pegawai itu dia menjadi pengerusi mesyuarat hampir sepuluh...

Seorang Ahli: Lebih!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Yang dia pegang. Ada 20.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: 30!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi perkara ini saya tengok terlalu mustahil untuk dia laksanakan tugas ini secara saksama bagaimana kita bayangkan seorang menjadi pengerusi 20 mesyuarat. Kerja dia mesyuarat sahaja! Orang jumpa mesyuarat, orang telefon mesyuarat! Saya tidak tahu bagaimana dia membahagikan kebolehannya dalam mempengerusikan mesyuarat.

Tidakkah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan maksimumkan, seorang pegawai dia cuma berkelayakan menjadi pengerusi satu atau dua badan untuk dia jadi pengerusi mesyuarat. Selebihnya dia *delegate* kepada orang lain, mungkin baru lebih berkesan sistem penyampaian yang kita idam-idamkan. Terima kasih.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Memang saya pun ada sedikit cadangan kepada kerajaan dan saya akan mengambil cadangan Yang Berhormat itu sebagai sebahagian daripada ucapan saya. berkenaan dengan lambakan mesyuarat memang kita terasa. Kadang-kadang tidak menyalahkan pegawai kerajaan juga sebab katalah kita ambil contoh DO. Kalau pegawai daerah sendiri tidak mempengerusikan satu mesyuarat dia rasa macam hambar. Seolah-olah macam keputusan tidak boleh dibuat sebab pegawai daerah sahajalah jawatan yang tertinggi dalam satu daerah.

Cumanya di sini macam saya katakan tadi dalam pembangunan daerah banyak sangat agenda yang kita hendak bincang dalam masa sejam dua jam. Saya ada dua Parlimen di daerah Kubang Pasu. Parlimen Kubang Pasu dan Parlimen Jerlun. Kadang-kadang bila kita tanya ternakan ikan daripada Jabatan Perikanan apa yang kita hendak buat. Dia kata sikit sangat. Yang ini kita sudah ambil tindakan. Kita sudah bagi dua sangkar atau tiga. Macam itu sahaja.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Akan tetapi keseluruhan daripada yang ini kerana jalan-jalan pun ada dalam kawasan Parlimen yang akan dikelolakan oleh pejabat daerah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera bangun Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: ...Daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sila, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak sentuh tentang tugas pegawai daerah tadi. Selain daripada mesyuarat yang banyak dan sebagainya satu lagi jawatan pegawai daerah ialah Yang Dipertua Majlis Daerah. Itu pun membebankan. Setuju tidak kalau kita buat cadangan supaya pegawai daerah tidak payahlah menjadi Yang Dipertua Majlis daerah. Yang Dipertua Majlis daerah kita beri kepada orang lain. Jadi lebih kurang bebannya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bera.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat hendak sambung sedikit.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Boleh, boleh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya setuju apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bera kerana dahulu Tuan Yang di-Pertua di Melaka ini serupa dengan keadaan itu. Dia jadi pegawai daerah, dia jadi Yang Dipertua Majlis Daerah. Akhirnya pejabat daerah pun tidak betul, majlis daerah lagilah haru. Sekarang di Melaka kita sudah ubah Tuan Yang di-Pertua. Pegawai daerah lain pegawai, Yang Dipertua Majlis Daerah lain pegawai dan alhamdulillah masalah ini tidak timbul lagi dan Melaka sekarang sudah maju sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Maju sedikit?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Maju sangat dah. Apa kata Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih rakan-rakan Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Jasin. Memang pandangan yang baik dan saya mulanya ada satu sahaja cadangan. Memang saya akan masukkan cadangan ini kepada kerajaan iaitu kita asingkan. Ini cadangan yang munasabah dan kepada jawatankuasa saya pun tidak ingat pada tahun 80 an ada satu jawatankuasa di peringkat nasional iaitu jawatankuasa...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: ...Satu *second*. Memperbesar dan memperkecilkan saiz jabatan-jabatan kerajaan. Mungkin ini boleh dikaji. Dan lagi satu cadangan ialah supaya di kawasan Parlimen ini baik kita wujudkan satu jawatankuasa khas supaya Ahli-ahli Parlimen boleh mempengerusikan mesyuarat di mana kita dapat mengelola dan mengawasi semua jabatan yang ada dalam kawasan kita. Baik jalan yang kita hendak buat, lopak berapa lubang tidak payah kita pergi melawat kita sudah nampak tetapi, kalau di peringkat daerah, katalah satu jalan itu rosak saya ketengahkan kepada DO katalah Jalan Lana Bulu, betul ini. Nama kampung Lana Bulu. Apa yang bulu tidak apalah. Kira Lana Bulu cukuplah. Dia nanti kena tanya penghulu, penghulu jalan tadi di mana? Kalau kita tidak payah. Kita sudah dapat dalam gambaran. Ya Yang Berhormat Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Yang Berhormat Puchong sila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang telah dibahaskan tadi mengenai jawatankuasa tindakan daerah. Saya telah menyertai mesyuarat ini di kawasan saya Majlis Tindakan Daerah Petaling. Daripada pengalaman saya, saya hendak tanya apakah keberkesanan daripada mesyuarat demi mesyuarat ini. Daripada pengalaman saya memang pegawai daerah itu mempunyai tanggungjawab yang berat dan susah tapi pada masa yang sama bila ada Mesyuarat Tindakan daerah kita juga menjemput *department* ataupun majlis-majlis tertentu ataupun wakil-wakil daripada jabatan-jabatan tertentu dan daripada pengalaman saya wakil-wakil ini selalunya mereka menghantar pegawai-pegawai yang kurang.

Pengalaman ataupun pegawai yang di peringkat rendah di mana mereka tidak boleh membuat keputusan. Maka dalam mesyuarat itu bila saya hendak tanya sebagai contoh di kawasan saya banyak lebuhraya kita tanya Pegawai LLM (Lembaga Lebuhraya Malaysia). Mereka kata ini tidak boleh buat keputusan. Saya akan bawa kepada mesyuarat yang lain dan bila mesyuarat yang akan datang ini jawapan yang sama.

Bukankah ini satu cara untuk kita buang masa sahaja ataupun membuang tenaga semua pihak. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa bila ada mesyuarat Tindakan Daerah, kita mesti menghantar pegawai-pegawai yang berpengalaman yang boleh membuat keputusan. Apakah jawapan daripada Yang Berhormat Jerlun ini.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, Tuan Yang di-Pertua. Cukup relevan pandangan daripada Yang Berhormat Puchong tadi kerana dalam kita bermesyuarat dan dalam kita memutuskan kalau kita beri sesuatu pandangan kepada pegawai daerah, pegawai daerah mengambil masa untuk membuat keputusan, kita Ahli-ahli Parlimen yang boleh buat keputusan dan kita boleh wujudkan satu mesyuarat Jawatankuasa Khas dalam penjelasan atau apa nama dalam kawasan kita dan kita mintalah KSN ataupun MAMPU mencari terma-terma rujukan yang khusus bagi membolehkan kita mengendalikan mesyuarat dalam kawasan kita supaya ia lebih fokus.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sambung!

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Kalau tidak kita pergi dua jam tiga jam dalam pembangunan daerah balik kita terpaksa mencari pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang tidak tahan boleh keluar dahululah Yang Berhormat. Teruskan.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Saya pun mungkin membuat cadangan ini dari segi kasarnya mungkin nampak haloba sedikit.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Akan tetapi kita ingin memberikan penambahbaikan kepada setiap....

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Maran bangun. Yang Berhormat Maran dengan Yang Berhormat bagi Langkawi.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:Kerja-kerja dan tugas yang kita hendak adakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran, Langkawi, Pasir Puteh. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Jerlun, minta izin. Maran, Maran dahulu, lama sudah.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Saya nampak Yang Berhormat Langkawi, kasihan. Sila Yang Berhormat Langkawi, sahabat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat Jerlun kalaulah seorang pegawai diletakkan di Sik ataupun di Baling ataupun Langkawi, mereka berulang alik daripada Alor Setar ke Langkawi ke Alor Setar ke Sik padahal mereka sepatutnya duduk di tempat berkenaan.

Ini berlaku sebahagian bukan semualah. Mungkin segelintir pegawai kerajaan telah bertugas di Langkawi. Mereka berulang-alik dengan bot atau feri. Tiap-tiap pagi pergi ke Langkawi petang balik ke Alor Setar...

Seorang Ahli: Berapa jauh?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Sejauh lebih kurang satu setengah jam satu jalan. Jadi tiga jam sehari. Begitulah yang melibatkan kadang-kadang itu kita rasa marah jugalah tapi hendak buat macam mana. Hendak kata pun kawan-kawan kita. Ada yang berlaku Tuan Yang di-Pertua. Macam mana pendapat Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat hendak habiskan atau hendak sambung petang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sambung! Sambung!

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Sambung.

Seorang Ahli: Ha, okey, okey!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerlun, sila sambung perbincangan.

2.33 ptg.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar mengambil tindakan dan juga tanggungjawab yang serius khusus pihak berkuasa tempatan yang merupakan kerajaan ketiga dalam negara kita. Perlu dilangsaikan hutang-hutang ataupun tunggakan-tunggakan yang menjadi aset yang penting kepada pihak berkuasa tempatan yang mana sekiranya hutang-hutang ini tidak dapat dilangsaikan dan tidak dapat dipungut dengan berjadual, segala bantuan-bantuan daripada Kerajaan Persekutuan akan membebaskan balik terutamanya mungkin akan menjejaskan peruntukan-peruntukan yang lain.

Di samping itu juga saya menyingkap sedikit peranan ataupun bidang tugas Pihak Berkuasa Tempatan yang banyak sangat mengamalkan undang-undang kecil. Dalam Pihak Berkuasa Tempatan telah ada Akta 171 tetapi undang-undang kecil yang diterima pakai kadang-kadang banyak menggagalkan *enforcement*, dengan izin, ataupun penguatkuasaan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Putatan.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat dari Jerlun. Saya ingin *gostan* sedikit, sebab dia *go* satu tadi diberi laluan dan ini soal *clock in system*. Saya ingin berkongsi pendapat, saya juga pernah menjawat sebagai pegawai kerajaan Yang Berhormat dan sistem *clock in* ini, agak tidak berapa kesan. Kadangkala kakitangan yang datang awal, hantar ana-anak mereka ke sekolah dan pada jam 10 dia keluar dan tidak ada dalam pejabat. Kadangkala *clock in*, waktu dia *clock in* dia *clock in* juga kawan-kawan yang lain dan juga pegawai-pegawai yang lain. Jadi pukul 11.30 pagidia keluar ambil budak dari Taska ataupun tadika. Selepas itu dia keluar lagi sebelum pukul 1 dan budak balik pulang ke rumah. Jadi soalan saya di sini apakah satu pendekatan bahawa ini dikurangkan di dalam sistem pengurusan pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan dan Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya akan menjurus kepada nilai-nilai murni. Sebenarnya etika dan nilai murni ini adalah satu amalan yang perlu ada. Walaupun beberapa perkara seperti *punch card* ataupun *clock in* diamalkan dan ada juga budi bicaranya di dalam perkhidmatan kerajaan ataupun jabatan-jabatan. Di samping itu juga...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih sahabat saya dari Jerlun dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pihak Pihak Berkuasa Tempatan. Saya difahamkan bahawa sistem perkhidmatan kaki tangan di Pihak Berkuasa tempatan adalah sistem tertutup di mana kakitangan selain daripada Yang diPertua Majlis itu sendiri adalah daripada kaki tangan yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan itu sendiri. Ia tidak boleh dipindah-pindahkan ke Pihak Berkuasa Tempatan lain walaupun dalam negeri yang sama.

Keadaan ini akan menjadikan bahawa pegawai itu mempunyai perkembangan dan tidak mendapat pengalaman di tempat yang lebih maju misalnya daripada kawasan luar bandar kepada kawasan bandar atau sebaliknya dan keadaan ini menjadikan kaki tangan itu terlalu *complacent*, terlalu selesa dengan keadaan sedemikian dan langsung tidak mempedulikan perkembangan masa hadapan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat berkenaan perkara ini?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat dan Tuan Yang di-Pertua. Soal kaki tangan Pihak Berkuasa Tempatan dengan perkhidmatan tertutup memang saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengkaji semula kerana banyak peluang-peluang lain yang perlu diberi pendedahan ataupun *value added*, dengan izin, atau penambahbaikan kepada pegawai-pegawai dari segi pentadbiran. Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, soal etika dan nilai-nilai murni yang saya katakan tadi...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Penjelasan sedikit.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Berlaku serentak dengan perundangan...

Tuan Yang di-Pertua: Belah sana.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bera, Bera!

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya memang tertarik apabila perbincangan berkaitan dengan PBT ini sebab tugas kuasa PBT ialah untuk menjaga kawasan setempat. Kegagalan pada PBT mencerminkan kegagalan kepada kerajaan segala menyeluruhnya. Jadi dalam sesi yang lepas saya ada bertanya kepada menteri yang terlibat adakah pihak Kementerian bersetuju untuk menubuhkan satu suruhanjaya perkhidmatan PBT. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan penubuhan ini supaya masalah-masalah yang berkaitan dengan PBT yang boleh mentempelakkan pula kerajaan pada keseluruhan ini dapat kita hindari.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat dan Tuan Yang di-Pertua, kita kemukakan kepada pihak kerajaan ataupun Kementerian kerana di perbahasan yang lepas hari ini ada setakat yang saya ingat telah diberi pengakuan oleh pihak menteri untuk dibentangkan dan kita mengemukakan cadangan perkara-perkara yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, etika dan nilai murni yang saya kata berlaku sekali dengan perundangan. Saya ingin memberi sedikit garis panduan sahaja untuk Ahli Yang Berhormat yang lain dan rakan-rakan. Terutamanya perundangan yang saya katakan memang Akta 171 sudah menyeluruh cukup kuat tetapi kiranya undang-undang kecil dipraktikkan.

Saya ambil contoh, kalau longkang kotor, pihak berkuasa tempatan saman longkang kotor tetapi ada pihak dan pada masa yang sama, ada orang tunjuk iklan pula yang tidak betul. Iklan juga menjadi gangguan kepada bahasa dan sebagainya. Saya berani katakan bahawa iklanlah yang merosakkan dan menjadikan bahasa kita bahasa pasar, "Ah Kau Ketuk Kereta", "Restoran Madinah", "Restoran Mekah", "Stor *Alhamdulillah*". Jadi kadang-kadang mengelirukan. Pihak berkuasa tempatan juga patutnya mengambil tindakan. Jadi..., dan pihak pengusaha tempatan juga sepatutnya mengambil tindakan di...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Minta penjelasan, penjelasan.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: ...Di jambatan dekat dengan stesen PWTC, diletakkan gambar memang dengan kebenaran Bandaraya, *front page*, muka depan *Utusan Malaysia*, gambar Dr. Alice Yusof yang kahwin dengan orang di Kulim, ambil surat beranak, surat kahwin di Jerlun, palsu. Gambar Pak Lah banyak, letakkan di situ. Kalau boleh kita minta pihak penguasa tempatan, pihak Bandaraya turunkan cepat-cepat iklan yang macam itu, tidak menampakkan imej dan nilai murni...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bera.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Sila Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Saya hendak ke belakang sedikit mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang kelewatan dan kegagalan projek termasuk juga yang Yang Berhormat sebut mengenai penggantungan kepada peruntukan Kementerian. Jadi, Yang Berhormat saya mendapati bahawa banyak PBT-PBT yang terlalu bergantung pada peruntukan daripada pihak Kementerian, daripada Federal daripada duit Persekutuan termasuk membina projek-projek yang kecil. Sedangkan dalam masa yang sama PBT tersebut mempunyai cukup kewangan.

Ada di kalangan PBT misalnya menyimpan *fixed deposit*, simpanan tetap sampai RM7, RM8 juta... [Disampuk] Akan tetapi apabila melibatkan projek hendak bina surau RM50 ribu, RM40 ribu mereka kata hendak tunggu peruntukan daripada Kementerian.

Jadi, menyebabkan oleh kerana lambat peruntukan dapat, duit sendiri tidak hendak guna, yang menerima kesan buruk adalah pengguna-pengguna dan pembayar cukai. Jadi, boleh atau tidak Yang Berhormat setuju kalau kita cadangkan kepada pihak kementerian supaya dihadkan, had-had tertentu kewangan yang perlu disimpan di dalam *fixed deposit* atau simpanan tetap yang selebihnya perlu dibelanjakan untuk kepentingan masyarakat membayar cukai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Bera, Tuan Yang di-Pertua di sini saya hendak simpulan. Oleh sebab perkara-perkara yang disebutkan ini memang termaktub, memang kita semua tahu cuma peranan, memang ada majlis mesyuarat, majlis penuh dan juga mesyuarat jawatankuasa yang kecil-kecil di mana peranan ahli-ahli majlis? Tolonglah bersuara, tolonglah melihat dan juga prihatin kepada program-program dan projek-projek yang semacam ini. Kadang-kadang di dalam pihak pengusaha tempatan, macam-macam ISO ada. Semua dalam fail, tetapi kadang-kadang kita tengok rokok masih jual lagi, lorong-lorong belakang tidak ada lagi lampu-lampu nanti kena rogol, kena ragut baru hendak mula buat, tong-tong sampah masih lagi tembus....

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]:
[Bangun]

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: ...Longkang masih lagi berselerak dan kalau menyimpan *fixed deposit* macam Yang Berhormat Bera cakap, kalaulah *fixed deposit* itu banyak tetapi luaran jadi miskin apa guna kita kaya, apa guna duit banyak kalau servis orientasi, orientasi perkhidmatan kepada *public*, kepada orang awam tidak dapat dicurahkan, siapa dia?... Lipis, Lipis! Silakan, Yang Berhormat Lipis.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jerlun, macam Menterilah.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat daripada Jerlun. Ini berkait dengan PBT juga. Ada PBT yang bercadang untukewartakan seluruh kawasan daerahnya sebagai kawasan PBT kecuali hutan simpan... [Disampuk] Contohnya, kalau ikut kawan saya di depan ini, Kuala Selangor katanya... [Ketawa] Jadi, semua penduduk dalam kawasan daerah itu akan menjadi kawasan PBT dan membayar cukai sedangkan perkhidmatannya saya tidak pastilah sampai. Jadi, macam mana pandangan Jerlun mengenai hal ini?

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih, Yang Berhormat Lipis. Menggazetkan ataupunewartakan seluruh daerah atau seluruh negeri sebagai kawasan perkhidmatan PBT, saya rasa memanglah baik tetapi kita cadangkan kepada kerajaan, kecuali hutan simpanan, ya, supaya warta ini betul-betul mendapat manfaat. Kita tidak mahu untuk mendapatkan bayaran per kapita di dalam sesebuah negeri berdasarkan gazet ataupun warta pihak berkuasa tempatan tetapi tidak mendapat manfaat yang banyak cuma nanti bila orang kampung ataupun luar bandar, ataupun pinggir pekan, pinggir bandar hendak tambah *porch* kereta pun kena saman, hendak buat longkang sedikit pun sudah kena saman sebab kita kata oleh sebab kawasan perkhidmatan itu digazet jadi semuanya tertakluk kepada undang-undang pihak berkuasa tempatan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [Bangun]
[Berdehem]

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tamat Yang Berhormat, masa tamat selepas ini.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Sila Jerai, berdeham kuat sangat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jerlun ini orang yang berpengalaman, biasa menjadi pegawai tadbir kerajaan dan pengalaman yang ada itulah yang beliau bercakap... [Disampuk] Tuan Yang di-Pertua, minta rakan-rakan saya berbudi-bahasa Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Setiap malam terpancar di kaca televisyen kelemahan-kelemahan pihak kerajaan tempatan mengatasi masalah-masalah banjir, sampah-samun, kekotoran, itu dan ini. Kita percaya bahawa PBT adalah kerajaan yang ketiga, Parlimen Federal, kerajaan negeri dan PBT adalah kerajaan ketiga. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan, kadang-kadang peraturan dan undang-undang itu banyak sangat telah kita luluskan. Kita hendak cadangkan supaya pihak kerajaan mempertambahkan lagi pegawai penguatkuasaan untuk menjalankan tugas-tugas mereka supaya dapat kita kuatkuasakan peraturan dan undang-undang. Di samping itu juga saya ingin mencadangkan melalui Jerlun, supaya pegawai-pegawai ini bertindak secara berhemah apabila mengambil sesuatu tindakan.

Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kesian Tuan Yang di-Pertua, penjaja-penjaja mari hendak cari makan sekupang dua, kadang-kadang pegawai penguat kuasa dia mari dia angkat tidak ada bagi belas kasihan dan sebagainya. Jadi, kita merasakan kita kerajaan, kita hendakkan rakyat yang hidup sejahtera dan ekonominya terbela sedikit sebanyak tetapi, dalam jangka masa yang sama juga kita mengambil tindakan yang begitu drastik dengan tidak memberi mereka sedikit ruang, tegur-menegur, bagi dia orang pendidikan, "Okey, Pak Long jangan berniaga dah. Minggu depan kalau mari saya kena ambil, hari ini turun balik." dan sebagainya... [Disampuk]

Jadi, adakah Yang Berhormat ingin memperjelaskan... [Disorak] Bukan soalan. Ini penjelasan supaya kerajaan PBT ini, kerajaan tempatan ini, mengemaskinikan sistem-sistem, kuasa-kuasa dan juga bertindak dengan lebih bertanggungjawab supaya jangan rakyat merintih kerana kegagalan...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih, kakanda Yang Berhormat Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tamatkan, ya? Habis masa sudah.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Insya-Allah, ekoran dan ikutan saya masukkan kesemuanya dalam ucapan saya. Itu memang wajib memperkemas, memperbaiki dan mempertingkatkan. Saya bagi satu contoh dalam satu berita, warta berita jam 1.30 pagi minggu lepas, "Sebuah kelab malam ataupun pusat hiburan yang telah beroperasi dua tahun telah diserbu oleh pihak berkuasa..." (dot, dot, dot) Apa maknanya? Dua tahun beroperasi baru diserbu, dalam masa dua tahu apa etika kerja, apa *enforcement* dia pakai tetapi, kalau ikutan daripada Yang Berhormat Jerai katakan tadi, kalaulah sesebuah rumah, mungkin rumah murah ataupun rumah sederhana tidak bayar cukai pintu dalam RM500, serbu yang bukan-bukan.

Ini kita mintalah etika kerja dan juga menggunakan - nilai-nilai murni ini bukan sahaja di depan kaunter depan cuma penglibatan mereka pun termasuk juga. Nilai-nilai murni boleh dilihat dari segi amalan kita bekerja, berdamping rapat dengan orang ramai supaya perkhidmatan yang kita namakan *public orientation* ataupun orientasi kepada awam ini kita dapat eksploitasi dengan baik supaya mereka lebih merasa bahawa sebagai pengguna di dalam sesuatu kawasan dengan secara mudah menerima dan membayar segala cukai-cukai ataupun segala tunggakan-tunggakan. Jadi, kesimpulan pada apa yang saya sentuh ini balikkah kepada satu teguran saya supaya penulis-penulis ini mengamalkan jugalah nilai-nilai murni.

"RMK-9 - Ahli Politik Perlu Faham Prosedur Kerajaan", dalam *Utusan Malaysia*, Khamis 13 April. Di sini dikatakan satu kenyataan, "Ahli politik: Dalam banyak kes, ahli *politik menjadi penghalang dan pengacau kerana tidak mahu memahami prosedur kerajaan*". Penulisnya, Hassan Talib, Kuala Lumpur. Kalau berani mai ke depan... [*Dewan riuh*]

Apa yang kita kacau? Kita menegur benda-benda yang terpinggir dan terpercil yang kita hendak menambahbaikkan kualiti dan menjurus ke arah merealisasikan Rancangan Malaysia Kelapan ataupun yang dulu-dulu. Bukan kita kacau tetapi oleh kerana kita tidak menggunakan terma-terma rujukan yang tepat. Bagilah panduan, nak mengacau apa, kalau kata kita bagi peruntukan. Ada saya dengar di antara Ahli Yang Berhormat, kita letakkan peruntukan sekian banyak, mereka ubah suai sendiri. Oh, ini tak betul! Ini kena buat macam ini. Kita tahulah kawasan kita. Kita tahu ini penggunaanya siapa. Jadi kalau macam ini, ketegangan, inilah yang dikatakan kita pengacau. Kita kerajaan, mana pengacau. Yang pengacau itu bukan kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, marilah sama-sama kita amalkan keseluruhan untuk kita memperkemaskan dan untuk menjadikan kenyataan RMK-9 yang begitu diharap-harapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mengamalkan nilai-nilai yang positif, sama ada etika kerja, nilai-nilai murni supaya kemesraan yang kita ada ini jangan kita korbankan. Kita gunakan sepenuhnya-penuhnya baik di pejabat, baik di luar pejabat, baik ahli politik supaya hubungan dua hala ini kita jadikan satu *vehicle*. Jadikan satu *force*, dengan izin, untuk kita menjayakan apa sahaja gerak kerja yang kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Pensiangan.

2.52 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya kesempatan pada petang ini. Selamat tengah hari kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan tiap Kementerian, salam hormat. Saya bersama-sama dengan ahli-ahli yang lain bersama-sama untuk membahaskan mengenai dengan RMK-9 ini. Seluruh rakyat Malaysia mendengar dan menonton dan memberi reaksi yang membanggakan dalam hati kecil. Seluruh rakyat gembira bahawasanya ini adalah satu-satu *blue print*, dengan izin, yang telah dirancang dengan cukup teliti sehinggakan sukar kita melihat ada kepincangannya. Syabas kepada mereka yang telah memberi input-input dengan izin, yang bernas dan jitu demi memantapkan lagi rancangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dan kini kita bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, barisan Kabinet, pegawai-pegawai kerajaan, kerajaan-kerajaan negeri, Ahli-ahli Parlimen dan kesemua bahtera rakyat Malaysia termasuk pembangkang dengan satu tekad ingin melihat jayanya agenda atau Misi Nasional ini.

Reaksi seluruh rakyat Malaysia tidak mengira kaum, agama mengalu-alukan dalam usaha kerajaan memperkasakan negara ini ke arah kecemerlangan, kegemilangan dan juga terbilang. Misi Nasional berpaksikan kepada lima teras menjadi fasa pertama daripada tiga perancangan lima tahun untuk memperkukuhkan kedudukan Malaysia di persada dunia dan menjadikan negara yang termaju menjelang 2020. Pembentangan bertemakan membina tamadun, menjulang martabat bangsa dalam usaha kerajaan Malaysia di bawah Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan perbelanjaan bangunan sebanyak RM220 bilion. Peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga melebihi RM30 bilion. Daripada peruntukan ini yang telah diagihkan kepada sektor-sektor yang difikirkan amat penting, umpamanya 44.9% untuk ekonomi, 37.5% untuk sosial, 10.6% keselamatan dan 6.9% untuk pentadbiran.

Dalam merencanakan Rancangan Malaysia Kesembilan, rakyat harus berfikiran terbuka, kreatif dan inovatif dan membudayakan diri positif, agresif, komited, seiring proses globalisasi. Malaysia harus bersaing di persada antarabangsa khusus eksport yang membabitkan kita, sektor pembuatan, sektor pertanian, yang membabitkan kita juga dengan sawit di mana negara harus berdepan dengan Indonesia dan Afrika. Dalam konteks ini, negara harus menumpukan terhadap e-ekonomi ataupun ekonomi berasaskan pengetahuan. Di samping kita menekankan kepada penggunaan teknologi dan inovasi dalam industri kaedah baru untuk dinamik yang mampu menyediakan perkhidmatan dan pengeluaran barangan eksport yang mempunyai kualiti yang tinggi di samping kita menokok tambah ataupun memberi nilai-nilai tambah ke arah pemasaran barangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran lima tahun akan datang amatlah getir dan mencabar proses globalisasi berlaku secara mendadak. Apatah lagi bila WTO, AFTA diiktiraf sebagai jendela pesaing negara-negara maju dan sudah tentu setiap negara bersaing hebat untuk meningkatkan pelbagai aktiviti ekonomi. Untuk perbahasan ini, saya akan menyentuh teras kedua iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Negara perlu satu transformasi yang jitu khusus dalam usaha kita membangun modal insan untuk memacu kegemilangan negara berasaskan pengetahuan dan kemahiran dalam konteks perlu kita memaksimumkan pembangunan sumber manusia, adalah penting dan kritikal.

Latihan para warganegara adalah imperatif mustahak untuk meningkatkan kualiti serta produktiviti. Warga kerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang berkualiti sudah tentu dapat memaksimumkan sumber asli negara termasuk perhutanan, petroleum dan sumber air yang kita anggap penting khusus ada hubungan kait dengan alam sekitar. Menyedia prasarana seperti rumah, kemudahan asas air, elektrik, pengangkutan, peningkatan kualiti hidup rakyat harus ditingkatkan. Peningkatan mencerminkan kualiti hidup rakyat negara ini dan ini akan menjadi teras kepada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di samping itu, meningkatkan sektor pertanian, pelancongan, perkhidmatan *of the world class standard*, dengan izin. Kerajaan amat prihatin untuk membangun kawasan luar bandar menjadikan kawasan ini dinamik dan mampu mengeluarkan hasil-hasil hiliran seperti sawit, getah dan hasil tani yang boleh menguntungkan kepada rakyat dan negara. Seperkara yang amat diperlukan agar sektor permitan ditingkatkan mengurangkan karenah birokrasi dan mempercepatkan proses kerja. Pegawai-pegawai kerajaan mesti menunjukkan mereka efisien dan mempunyai *mindset* dunia pertama dan gejala rasuah harus diperangi secara besar-besaran atau secara habis-habisan.

Saya beralih kepada soal pendidikan, ingin saya tekankan topik pendidikan yang perlu dilihat dengan serius khususnya di luar bandar. Saya rasa sudah sampai masanya kerajaan melihat mengenai dengan isu pendidikan luar bandar dan mengambil tindakan lebih serius dan positif.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Kuala Terengganu dalam ucapannya mengenai dengan sekolah berdingding empat dan dalamnya akan mengeluarkan insan-insan berpendidikan tapi malangnya sekolah-sekolah di pedalaman tidak ada dinding dan bumbung separuhnya. Macam mana kita nak keluarkan insan-insan yang berkualiti kalau kita lihat dinding-dinding pun tidak ada. Ini bermakna maksud saya yang benarnya, sekolah-sekolah di pedalaman tidak mempunyai prasarana dan *facilities* yang kita dapat banggakan. Oleh yang demikian kawasan terpencil tidak seindah sebagaimana yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu di pedalaman...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih rakan saya daripada Pensiangan. Yang saya maksudkan dinding itu adalah dari segi metaforanya, dari segi bandingannya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Bukan dinding fizikalnya tapi dinding di situ ertinya adalah dari segi jasadnya, dari segi fizikalnya, dari segi akalannya, dari segi emosinya, dari segi spiritualnya...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Jadi inilah yang dibangunkan, bila ini semua dibangunkan maka baru ada masa depannya itu. Terima kasih.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Kalau saya boleh ungkapkan, dinding-dinding ini akan mengeluarkan penuntut-penuntut ataupun murid-murid yang mempunyai emosi yang tinggi, fizikal dari segi rohani dan juga dari segi kekuatan mental mereka ini adalah di antara saya rasa dinding-dinding yang kita perlukan khususnya di pedalaman Sabah dan juga Sarawak.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, ini dapat kita melihat secara keseluruhan sebilangan besar sekolah-sekolah di pedalaman terlalu menyedihkan, terlalu malang. Macam mana kita dapat mengeluarkan murid-murid cemerlang sedangkan prasarana dan fasiliti yang disediakan tidak sampai ke tahap yang kita dapat banggakan. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pun pergi ke Sabah dan lebih kurang 413 sekolah-sekolah yang saya difahamkan akan ditutup disebabkan tidak mempunyai murid-murid. Saya rasa yang ini perlu kita lihat secara mikro supaya orang-orang yang di pedalaman ini ataupun murid-murid di pedalaman ini tidak ketinggalan. Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Putatan.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Sikit ya?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Pensiangan. Saya mendapat sms, bahawa kenyataan daripada Kementerian Pelajaran iaitu 450 sekolah di Sabah akan ditutup dan dua hari kemudian, dia menyatakan tidak jadi. Jadi, ada satu sekolah yang mempunyai satu murid sekolah sahaja. Satu sekolah yang mempunyai lima puluh murid, saya fikir sebelah Bong, kawasan Bong, *East Coast Sabah*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kinabatangan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat daripada Pensiangan, adakah terdapat sekolah-sekolah dari kawasan Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Untuk jawab soalan itu, biar Menteri yang jawablah. Ke situ, dia lebih arif, saya tidak berkuasa untuk menjawab, sama ada ini akan ditutup ataupun dibuka. Biar Menteri yang jawab nanti. Kalau saya yang jawab, saya yang jadi Menteri pula... *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan sikit. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang dahulu saya sudah katakan bahawa pelajar-pelajar luar bandar, mereka bukan hendak sekolah yang besar Tuan Yang di-Pertua. Mereka hendakkan pelajaran. Kabin-kabin kecil, kos RM30, RM25 pun cukup. Asal ada guru, asal ada yang mengajar, tetapi nampaknya konsep yang kita sarankan ini tidak dipertimbangkan oleh kementerian. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan sekali lagi bahawa di luar bandar tidak perlu ditutup, tidak perlu digabungkan sebab prasarana terlalu jauh, tetapi mencadangkan bahawa pelajar-pelajar luar bandar ini memerlukan pelajaran sahaja. Bukan perlu sekolah juta-juta macam di bandar. Minta penjelasan.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik dan kita masukkan dalam ucapan saya supaya Menteri boleh jawab nanti. Yang Berhormat, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Semua modal insan yang kita banggakan ini iaitu, saya ingat Yang Berhormat Terengganu pun memang arif dalam soal ini tetapi, modal insan yang telah dikemukakan untuk pembelajaran khususnya di luar bandar ini, saya rasa pada masa sekarang dan sehingga kini belum lagi begitu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tiga hari lalu, ada satu artikel yang dikeluarkan oleh *the New Sabah Times*. Tuan Yang di-Pertua, *New Sabah Times* ialah surat khabar di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Di kawasan Beluran, kawasan Parlimen saya Tuan Yang di-Pertua, seorang ibu yang miskin, daif, yang tidak dapat menghantar anaknya ke sekolah disebabkan kemiskinan dan secara kebetulannya tidak ada sekolah yang berhampiran dengan kampung di mana ibu tersebut boleh menghantar anaknya. Disebabkan oleh ketiadaan, ketidakmampuan, maka anak tidak dapat dihantar ke sekolah kerana tidak ada pilihan disebabkan tidak ada kemudahan sekolah yang ada di kawasan tersebut. Ini merupakan senario yang jelas di kawasan luar bandar:

- (i) infrastruktur;
- (ii) aspek guru itu sendiri.

Di kawasan saya ada masih, guru yang mengeja somebody. Mengajar English ini, guru English yang mengajar bahasa Inggeris ini, yang mengeja *somebody* itu sebagai *somebody* dan ini merupakan perkara yang berlaku dan masih berlaku. Adakah Yang Berhormat Pensiangan, ingin meng*highlight*kan perkara ini agar kementerian dapat melihat ini secara khusus, sekolah-sekolah di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Sebenarnya yang itu akan saya jawabkan nanti, bila kita sentuh mengenai kualiti guru ini.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, tetapi belum dapat perhatian sepenuhnya justeru itu saya ingin membawa ke perhatian kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran melihat isu ini dengan teliti dan ikhlas.

Pegawai Jabatan Pelajaran Sabah yang dipertanggungjawabkan harus ikhlas untuk membantu anak-anak bangsa bakal pewaris, kegemilangan negara ini. Mereka ini diibaratkan burung-burung murai berkicauan di tengah hutan belantara. Kicauan duka dan derita, menunggu makanan yang tidak tiba-tiba. Kicauan marah kerana kecewaan yang kuat tidak didengar oleh sesiapa. Sekian lama, namun murai-murai ini tidak putus asa. Mereka percaya sinaran mentari akan menyinari mereka. Tatapan sinaran bulan purnama menyinari kegelapan malam. Murai-murai terus berjuang. Esok masih ada. Murai tidak akan pupus di dunia ini. Demikian seloka dan gurindam mereka. Yang ini keluhan oleh murid-murid pedalaman dan ibu bapa yang ada di pedalaman.

Saya percaya dan penuh yakin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan garis panduan untuk kita sama-sama melihat bahawa suksesnya RMK-9 ini, adalah berpandukan kepada apa yang telah ditetapkan oleh Perdana Menteri bahawa sekiranya kita sebagai jentera pelaksana, harus telus dan jujur, mempunyai satu fikiran dan satu misi diberi penekanan. Satu fikiran dan satu misi diberi penekanan, kita tidak mahu melihat anak-anak bangsa di kawasan pedalaman ini tertinggal dan tercicir di dalam serba-serbi pembangunan pendidikan disebabkan kecuaiannya ataupun *non-commitment* di dalam menjayakan kecemerlangan pendidikan ini. Kalau tahun 2020, negara ini diinginkan mempunyai para profesional, para intelek yang berwibawa dan mempunyai *mindset of the world class trainer*, dengan izin, atau minda kelas satu.

Maka kita rakyat Malaysia yang dewasa ini harus memberi landasan yang kukuh dan teguh untuk pewaris-pewaris bangsa Malaysia. Justeru itu, kita tidak ada jalan lain tetapi merealisasikan agenda negara ini, minda kelas satu yang penting, bukan sahaja kita hendak kaya dari aspek pengetahuan, pengalaman dan kemahiran, bahkan kita mempunyai keutuhan integriti dan etika yang tinggi. Dengan itu, bangsa akan sentiasa disegani, dihormati.

Bahkan, Malaysia akan menjadi negara yang terunggul dan contoh bagi negara-negara lain sama ada sudah maju ataupun negara-negara yang ketiga. Warga kerja Kementerian Pelajaran di peringkat pusat dan jabatan pelajaran negeri, harus peka dan serius dan melihat misi nasional khusus teras kedua ini sebagai cabaran untuk memperbaiki sistem yang sedia ada. Jika sekiranya memerlukan pembaikan itu, maka perlu mesti dilaksanakan. Sebagaimana yang disegerakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin, bahawa sistem persekolahan perlu dirombak agar tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Yang penting, negara dapat mengeluarkan insan-insan bukan sahaja berpengetahuan bahkan mempunyai kemahiran untuk lebih berguna kepada masyarakat dan dunia.

Sehubungan dengan itu, kita tidak mahu hanya tumpukan kepada prasarana fizikal tetapi, Kementerian Pelajaran melihat bagaimana untuk menggemilangkan para guru atau para pendidik dan kita gembira Yang Berhormat Menteri Pelajaran sudah pun memberi jaminan bahawasanya kualiti guru tidak boleh dikompromi dan ini harus diberi penekanan agar guru-guru yang mengajar tadika, taska, di sekolah-sekolah rendah mahupun di sekolah-sekolah tinggi, harus mempunyai kelulusan yang setimpal dan berkualiti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, guru harus komited, dedikasi, telus dan ikhlas dalam membangun insan-insan yang bakal menjadi pemimpin dan rakyat yang berhemah tinggi. Kerajaan dan rakyat tidak mahu melihat para pendidik anak bangsa menjadikan profesion guru ini sebagai tempat persinggahan dan terus membuat aktiviti yang bertentangan dengan peraturan profesion perguruan.

Aktiviti curang atau melanggar peraturan ini harus dipantau dari masa ke semasa. Dikira sabit kesalahan guru-guru yang melanggar peraturan perlu diberhentikan dan terus menjadi pendidik yang saya rasa tidak berguna kepada rakyat dan bangsa. Para guru-guru yang telah mencurahkan bakti dengan penuh komitmen dan dedikasi, sekalung bunga kepada mereka.

Saya ucapkan syabas dan terus bakti yang murni disanjung tinggi untuk mendidik anak bangsa. Bagi menghargai peranan guru-guru, khususnya yang berkhidmat di pedalaman, saya cadangkan agar mereka ini mendapat elaun tambahan, kesusahan ataupun *critical allowances*, dengan izin, dan elaun-elaun tambahan bagi membolehkan mereka membantu aktiviti-aktiviti di sekolah di samping keperluan mereka sendiri. Kesusahan, peringatan, komitmen dan dedikasi perlu diberi penghormatan. Jasa dan tekad mereka bukan senang berhadapan dengan cabaran-cabaran, bila bertugas nun jauh di pedalaman. Kita simpati kepada mereka. Namun ketabahan, kecekalan, kesabaran, tinggal rumah-rumah yang daif, bekalan air yang membimbangkan, bekalan elektrik yang terhad dan macam-macam lagi cabaran yang dihadapi.

Namun, untuk kecemerlangan anak-anak bangsa, mereka sanggup berkorban mendidik dan berkorban apa sahaja. Ucapan syabas dan tahniah kepada mereka. Rakyat Sabah berbangga di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 4% RM5.2 milion, ataupun juta untuk sekolah-sekolah di luar bandar. Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan RM2.87 bilion untuk membangunkan pendidikan di negeri Sabah iaitu yang terbesar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. 711 untuk membangunkan jana elektrik, 650 untuk membangunkan bangunan-bangunan sekolah, 128 bilik-bilik darjah di pedalaman.

Demikian besar melihat kemampuan jabatan pelajaran negeri untuk membangunkan pendidikan di negeri ini khusus pengeluaran anak-anak bangsa yang cemerlang. Saya difahamkan negeri Sabah telah juga mencadangkan satu portfolio yang menekankan mengenai dengan perkembangan dan pembangunan pelajaran di negeri tersebut.

Saya menyokong penuh dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah iaitu Dato' Musa Aman mengenai dengan soal ini. Saya optimis bahawa jabatan pelajaran negeri sudah pun merancang dengan lebih rapi untuk melaksanakan aktiviti pembangunan ini dan peruntukan harus disalurkan sebahagian besar ke sekolah-sekolah luar bandar dan saya berharap Jabatan Pelajaran Negeri Sabah jangan menghampakan kawasan Pensiangan iaitu sekolah-sekolah di kawasan Sook dan kawasan Nabawan.

Saya menaruh kepercayaan bahawasanya sekolah-sekolah tidak mempunyai kelengkapan, padang sukan atau rekreasi, bilik makmal sains, IT, rumah-rumah guru, bilik-bilik darjah, bekalan air elektrik, komunikasi melalui *internet*, Bset, tandas yang bersih dan yang berkualiti, ini semua harus ditangani oleh jabatan ataupun Kementerian Pelajaran.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, penggunaan IC Teknologi, komunikasi dan informasi akan diperkembangkan, dipertingkatkan lagi. Kini murid-murid di pedalaman tidak mendapat pendidikan seimbang sebabkan tidak mempunyai prasarana seperti jalur lebar atau *broadband*, dengan izin, atau penggunaan ISDN atau penggunaan '*V set, very small aptitude terminal*', dengan izin, melalui satelit.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Yang Berhormat Pensiangan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pensiangan. Ini mengenai dengan pengurusan pendidikan. Jadi ada ura-ura untuk kita, “*revolution* kan pengurusan sekolah”, izin. Maksudnya untuk mempercepatkan proses pengurusan pembangunan sesuatu sekolah, pihak pengurusan sekolah diberi peluang untuk mengurus sendiri kewangan, kakitangan, pengambilan guru dan sebagainya di sekolah, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Memang cadangan yang baik dan kita masukkan dalam ucapan ini supaya menteri akan memberi pandangan mereka nanti. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, kita bercakap mengenai dengan jalur lebar ini dan saya bimbang dan ragu anak-anak bangsa di pedalaman akan mendapat pelajaran dan pendedahan yang tidak seimbang *the disparity becomes wider* dengan izin. Justeru itu saya sebagai wakil rakyat dan mempunyai pengalaman dalam bidang informasi *communication* dan *technology* dan pernah berkhidmat di IPDC iaitu *Inter-government Development of Communication UNESCO* Paris selama enam tahun Tuan Yang di-Pertua. Dalam kapasiti Naib Tuan Pengerusi, tanggungjawab adalah sebagai penasihat dan pakar runding kepada dunia ketiga dalam soal ICT dan dengan itu menawarkan diri untuk menjayakan program ICT luar bandar.

Projek-projek *internet* desa, *info* desa adalah aktiviti pembangunan yang perlu diperluaskan di luar bandar. Pada masa kini program minimasi lagi di peringkat awalan. *Internet* desa yang dibangunkan oleh beberapa Kementerian termasuk Kementerian Komunikasi Tenaga dan Air belum menunjukkan hasil yang memberangsangkan lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar seperti kawasan Pensiangan. Pembangunan *internet* desa harus dibuat secara bersepadu di tempat-tempat yang strategik yang boleh diguna pakai oleh setiap masyarakat. Di samping prasarana yang dibangunkan mereka perlu melantik beberapa kakitangan bagi menyelenggarakan pusat-pusat ini agar pusat ini berfungsi dengan lebih berkesan lagi.

Mari kita lihat pada masa kini, Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat. *Internet* desa *info* desa ini tidak begitu meyakinkan dan saya percaya perlu kita lihat secara mikro supaya dapat digunakan dengan lebih teliti dan lebih baik lagi, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. *Internet* desa ini saya ingat pada masa ini tidak begitu berkesan oleh kerana kakitangan yang dilantik merupakan pegawai kontrak di mana jika mereka bercuti, mereka tidak ada elaun ataupun gaji. Ia bergantung kepada masa mereka menghabiskan berkhidmat. Jadi apakah Yang Berhormat sudah tiba masanya, kalau kita benar-benar serius dalam perkara ini, kita mesti memastikan bahawa pegawai berkenaan adalah merupakan pegawai yang dilantik secara khusus, merupakan salah sebahagian daripada perkhidmatan kerajaan. Barulah menampakkan bahawa seriusnya kita dalam melebarkan kegiatan ini. Kalau mereka bercuti umpamanya sakit dan sebagainya mereka tidak ada elaun. Jadi ini apakah Yang Berhormat setuju supaya kita angkat kepada pihak SPA atau jabatan berkenaan menjadikan mereka ini sebagai pegawai tetap.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Setuju Yang Berhormat Larut. Yang inilah yang saya katakan bahawa *internet* desa atau *info* desa ini tidak berkesan dan perlu kita lihat secara lebih menyeluruh dan akhirnya dapat kita tangani masalah-masalah yang kita hadapi pada masa kini.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Kebudayaan IT bukan sekadar bererti meluaskan penggunaan komputer di kalangan orang awam yang terpilih. Membudayakan IT juga bukan semata-mata terlaksana dengan sektor-sektor awam atau pendidikan, kesihatan, perniagaan, pertanian, perindustrian dan media massa beroperasi berteraskan teknologi berkomputer. Kebudayaan IT juga seperti bahawa idea pembangunan yang kini diterima oleh masyarakat, serta objektif kesejahteraan ini, akhirnya ini akan membawa kesejahteraan rakyat, kenapa tidak teruskan sahaja.

Kebudayaan teknologi maklumat bererti komputer digunakan secara meluas dan maksimum oleh setiap peringkat masyarakat bagi tujuan insaniah. Setiap peringkat masyarakat terus maju dalam soal ini. Sektor awam menggunakan teknologi maklumat bagi tujuan meningkatkan khidmat dan kecekapan untuk rakyat yang masih lagi buta komputer yang saya rasa terbiar. Prasarana asas teknologi maklumat perlu diwujudkan di setiap pelosok ceruk kawasan. Pemikiran teknologi menyelaraskan dengan budaya fikir dan idealisme yang mengutamakan nilai-nilai insaniah yang murni. Penggunaan bererti menuju kepada pembentukan masyarakat madani secara kelompok dan pada peringkat individu melalui media massa ini.

Komputer dan teknologi maklumat sebagai satu wahana intelektual dan sosial yang mampu membawa kesejahteraan di dunia ini. Sekiranya teknologi maklumat tidak mendatangkan keuntungan maka ianya tidak dapat dipupuk dan diperkembangkan. Justeru itu pembudayaan teknologi maklumat harus diambil kira dari sudut insani. Oleh itu, pembudayaan teknologi maklumat diukur untung ruginya masyarakat yang terbanyak ini dan ini sudah pasti memberi impak yang positif kepada bangsa dan negara.

Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif sebagaimana yang diunjurkan, negara berazam untuk membasmi kemiskinan pada tahun 2015. Negara ini masih terdapat rakyat yang miskin yang tidak mempunyai pendapatan yang membolehkan hidup sejahtera. Justeru itu kerajaan harus memberi tumpuan mengimbangkan sosioekonomi khusus di luar bandar. Masyarakat miskin tidak mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan diri mereka dari belunggu atau kepompong kemiskinan ini.

Antara faktor yang tidak mempunyai punca kewangan, kampung terpencil tidak mempunyai jalan-jalan raya, tidak mempunyai bekalan elektrik, saliran dan perparitan untuk bertani, pembangunan insan tidak berkesan. Sebilangan besar warga dewasa masih buta huruf. Hutan-hutan rimba telah habis di balak memberi kesan buruk kepada ekosistem hutan dan memberi kesan buruk kepada penduduk-penduduk yang tinggal di pedalaman. Kebanyakannya mereka ini tinggal di rumah-rumah panjang yang daif dan yang sudah usang. Kesimpulannya mereka tidak mempunyai rumah yang selesa dan selamat didiami lagi.

Syarikat pembalok yang rakus dan tamak sehinggakan alam sekitar ekosistem hutan musnah akibat tidak menggunakan kaedah penghutan yang terurus atau *sustainable forest management*, dengan izin, atau pengurusan perhutanan yang berterusan...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Pensiangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam mukadimah tadi Yang Berhormat telah menyatakan bahawa sukar mencari cacat cela Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi dalam soal menangani masalah cabaran kemiskinan tadi, apakah Yang Berhormat nampak, bagaimana Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat menangani masalah tadi itu, secara spesifik, mohon penjelasan.

Tuan Bernard S. Marat [Pensiangan]: Gagalnya Rancangan Malaysia Kesembilan, ini disebabkan ketidaktelusan kita, ketidakikhlasan kita dan tidak mempunyai hala tuju yang kita melihat bahawa orang-orang miskin ini perlu kita bela dan saya rasa kita semua mempunyai tugas dan tanggungjawab yang mempunyai daya pemikiran yang waras, yang mempunyai daya pemikiran yang terbuka. Di antara kita wakil-wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin inilah di antara faktor-faktor dan sektor-sektor yang akan membantu mengeluarkan orang-orang miskin ini daripada belenggu termiskin ini. Saya percaya kita mempunyai rancangan-rancangan yang telah pun tersusun atur untuk kita menangani isu-isu seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Pensiangan dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik kepada apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan. Berkaitan dengan kerja-kerja pembalakan di kawasan pedalaman.

Kita tahu bahawa syarikat yang mengerjakan pembalakan ini mendapat keuntungan yang besar. Apakah pada pandangan Yang Berhormat, kalau disarankan kepada syarikat-syarikat pembalakan ini supaya mereka ini bertanggungjawab untuk membina rumah-rumah penduduk setempat yang mana pembinaan ini adalah keuntungan yang diperolehi daripada kawasan-kawasan balak itu kerana ini boleh membantu mereka untuk menangani masalah kemiskinan di kawasan pedalaman, terima kasih.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Ini adalah yang terideal sekali tetapi malangnya pembalakan-pembalakan dan syarikat-syarikat pembalakan di negeri kita, khususnya di Sabah tidak berfikirannya sebagaimana yang kita fikirkan. Ada satu, dua syarikat yang membuat rumah-rumah tersebut tetapi, bayangkan rumah yang dibuat oleh mereka, satu bilik sahaja. Macam mana kita yang ada keluarga ini, suami isteri hendak letak anak-anak perempuan kita? Dapur pun tidak ada, tempat hendak makan pun tidak ada, inilah yang dikata pembalakan-pembalakan ini yang rakus dan tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai pemikiran yang saya rasa berperikemanusiaan. Yang ini yang sebenarnya kita terlalu terseksa bila kita melihat anak-anak kita dan juga saudara-saudara kita di pedalaman yang tidak mempunyai rumah ataupun rumah-rumah panjang mereka ini sudah pun daif.

Kalau kita katakan, "Rumahku Syurgaku", apa maksudnya yang sebenar? Yang sebenarnya "Rumahku Syurgaku" itu ialah tempat mereka tinggal, tempat mereka beribadat, tempat mereka cari nafkah dan sebagainya tetapi, orang-orang di pedalaman tidak ada sebagaimana yang kita impikan, sebagaimana yang kita bayangkan. Dan kita hendakkan semoga Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita tidak mahu lihat lagi anak bangsa ini ataupun orang-orang di pedalaman ini terbiar begitu sahaja. Seperti saya selalu sebutkan, biarlah kita ini di pinggiran, jangan kita dipinggirkan. Sudahlah di pinggiran, kita dipinggirkan lagi. Yang ini kita tidak hendak.

Jadi kita hendakkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Pusat ini akan memberi penekanan kepada bangsa yang berada di pedalaman, khususnya di Pensiangan ini yang masih lagi miskin...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: [Bangun]

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Yang Berhormat Pensiangan, tahniah di atas semangat itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Pensiangan berkaitan dengan kemiskinan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masalah kemiskinan adalah merupakan satu masalah yang serius, khususnya di kawasan luar bandar tetapi, pada pendapat saya, masalah kemiskinan ini juga sebenarnya adalah berkait dengan peluang pekerjaan. Kalau sekiranya berlaku peluang pekerjaan ataupun tersedia peluang pekerjaan, maka sudah tentu sesiapa juga mempunyai keupayaan untuk mendapatkan pendapatan dan juga berkeupayaan untuk meningkatkan taraf hidup mereka tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Dalam konteks negara kita di Malaysia, memang tidak dapat dinafikan di luar bandar terdapat kekurangan masalah peluang pekerjaan. Kalau ada pun, misalnya dalam sektor pembalakan dan ini pun sebenarnya kebanyakannya dimonopoli oleh masyarakat-pendatang tanpa izin tetapi, kalau masyarakat boleh mencadangkan mereka ini supaya berhijrah ke kawasan-kawasan yang mempunyai peluang-peluang pekerjaan yang terbuka luas kerana hari ini di negara kita, kita mempunyai 1.8 juta pekerja asing dan kebanyakan mereka ini menikmati pendapatan lumayan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Kenapakah kita tidak membawa mereka untuk mengisi jawatan-jawatan itu. Apa pendapat Yang Berhormat Pensiangan?

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Yang Berhormat Kudat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lama lagikah?

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Ada. *Give me another five more minutes.*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, silakan.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Jadi saya hendak sentuh sedikit mengenai dengan syarikat-syarikat pembalakan. Kerajaan Negeri Sabah telah memberi satu konsesi kepada 27 syarikat. Ini memang kaya-raya orang-orang yang mempunyai syarikat kayu balak sahaja. Yang anehnya, yang terkilannya kita ini, tanah-tanah serata-rata di pedalaman ini semua dipunyai oleh syarikat-syarikat tersebut di bawah konsesi SMU. Yang ini kita tidak masuk akal. Kita minta supaya orang-orang luar bandar ini bercucuk tanam sawit, tanam getah dan sebagainya, di mana mahu tanam? Tanah pun tidak ada. Semua di bawah kelolaan SMU. Yang ini menjadi masalah bagi rakyat di negeri Sabah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Pensiangan, boleh mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pensiangan. Saya tertarik dengan apa yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan dan sebenarnya sama jiwa dengan saya kerana saya juga daripada luar bandar. Saya minta pandangan Yang Berhormat Pensiangan, kita banyak mengadakan kursus kesedaran kepada pemimpin luar bandar dan masyarakat luar bandar bagaimana mereka boleh maju, masyarakat miskin, orang-orang PPRT dan sebagainya di peringkat-peringkat sederhana tetapi, saya rasa kita kurang mengadakan kursus kesedaran supaya ada tanggungjawab sosial ini kepada orang-orang seperti ini.

Tauke-tauke balak, usahawan-usahawan besar yang mengeksploit hasil-hasil negara kita yang menjadikan mereka kaya supaya mereka ada kesedaran, tanggungjawab sosial mereka perlu ada bagi kita membangunkan negara kita. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak supaya kita cadangkan kepada kerajaan supaya mereka ini, tauke-tauke balak dan usahawan-usahawan besar yang mengeksploit hasil-hasil negara ini diberikan kesedaran sosial kepada mereka bahawa tanggungjawab mereka ada bagi membantu kita membangunkan negara. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sambung sekali, Yang Berhormat?

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Kita masukkan sekali dalam ucapan saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat Pensiangan, boleh saya tambah sedikit? Saya ingat sudah tiba masanya tentang pembalakan yang melibatkan alam sekitar ini di kawasan saya sebagai contoh, mungkin kawasan Yang Berhormat yang merosakkan sungai akibat pembalakan di tempat-tempat lain dan melibatkan rumah-rumah kita atau rumah-rumah ini di atas tanah-tanah rizab dan tanaman yang lain. Sudah tiba masanya saya merasakan kerajaan negeri mewajibkan mereka ini membayar ganti rugi berdasarkan ke atas kawasan pembalakan yang terlibat. Apakah Yang Berhormat setuju supaya kerajaan negeri meletakkan syarat supaya mereka membayar segala ganti rugi yang melibatkan tanaman, alam sekitar, kerosakan sungai dan berlaku apa juga yang melibatkan penduduk-penduduk. Saya ingat sudah tiba masanya kita syaratkan supaya mereka membayar ganti rugi ini. Bagaimana Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tamatkan.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Ya. Ini yang telah dirancang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menekankan lagi mengenai dengan *sustainable forest management* atau pengurusan perhutanan yang lebih baik dan berterusan. Saya merasa bahawa kita mengharapkan supaya syarikat-syarikat yang telah pun diberi konsesi seumpama ini akan mengikut peraturan-peraturan dan juga dasar-dasar perhutanan kita yang telah pun sedia ada...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila tamatkan, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Jangan ada yang kacau lagi ya. Saya akan teruskan, terima kasih.

Saya akan sentuh mengenai dengan televisyen. Saya ucapkan syabas tentang Menteri Penerangan biarpun baru sebagai menteri tetapi sudah lama dalam kementerian dan saya tetap bertugas di bawah Yang Berhormat sewaktu di RTM dahulu, kena pada tempatnya dengan penjenamaan nama RTM1 dan RTM2 dan pengenalan rancangan Isu Semasa Mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan amat-amat dibanggakan. RTM di persada dunia Bernama di televisyen berita, beribu pejabat mungkin di negara Arab sama seperti Al-Jazeera yang sudah pun bertapak di Malaysia. Selepas 60 tahun RTM memang kuat, kukuh dan unggul sebagaimana tema mereka sekarang ini.

Tidak ada satu stesen yang dapat menandingi keupayaan RTM yang mempunyai *arsenal*, dengan izin, kelengkapan penyiaran yang lengkap dan terkini. Jadi saya sarankan kepada RTM untuk lebih unggul lagi dalam bahasa Inggeris, dengan izin....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tamatkan.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: ...*Bring the world to RTM and RTM to the world.*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa lagi, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Menjemput dunia ke RTM dan RTM ke persada dunia. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah lebih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit sahaja saya minta penjelasan. Kalau boleh saya minta RTM1 di bawah menteri yang baru ini, syabas saya ucapkan tetapi, mengkaji balik program-program yang telah ditayangkan. Umpamanya baru-baru ini dalam sambutan Maulidur Rasul sepatutnya saya merasakan diadakan program pementasan badan budaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan iaitu *Suzana 60-an*. Sepatutnya diperbanyakkan kegiatan-kegiatan keagamaan kerana kita menyambut Maulidur Rasul setahun sekali untuk mengenangkan jasa dan pengorbanan Rasulullah SAW. Jadi mungkin kita boleh minta supaya pihak pengurusan RTM menyemak balik segala program yang mungkin tidak dijangka akan berlaku supaya dapat diperbetulkan pada masa-masa akan datang. Apa pandangan Yang Berhormat, bekas orang kuat RTM.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tamatkan, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: ...Ini ucapan yang baik juga. Saya masukkan dalam ucapan saya, biar Menteri menjawabnya nanti. Saya rasa itu yang amat baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Sebelum saya menutup dan menggulung, dengan ini saya mintalah supaya kita sama-sama dalam erti kata yang lain, *what the thing that we are scared of*, apa yang kita takut, kita takut Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidak menjadi kenyataan? Sekiranya kita semua tidak serasi, semua pemikiran kita ini harus kita *converge*, kita satukan dan bila kita *converge* pemikiran kita ini, kita *divered* untuk kita sebarkan lagi supaya Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan menjadi kenyataan dan mudah-mudahan saya pasti, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan menjadi negara contoh yang terunggul di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Bandar Kuching, ya.

3.30 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya merujuk kepada Rancangan Malaysia Kesembilan, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa soalan saya mengenai tahap pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan masih belum dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Soalan saya yang seharusnya dijawab pada 16 Mac 2006 yang berbunyi sebegini: "*Minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kejayaan pelaksanaan projek di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan nyatakan peruntukan dan kosnya untuk projek-projek tersebut.*"

Jawapan yang saya terima, jawapan belum diterima dari kementerian yang berkenaan. Kenapakah ini berlaku? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berasa terlalu malu untuk memberi jawapan untuk soalan ini kerana masih terdapat terlalu banyak projek di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang masih belum disiapkan ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri langsung tidak peduli masalah-masalah di Sarawak, sekali gus menunjukkan sesuatu mentaliti menganaktirikan Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan yang begitu jelas kelihatan.

Walaupun kebanyakan wakil-wakil rakyat Barisan Nasional dari Sarawak juga berperasaan sama dengan saya tetapi mereka tidak berani mengeluarkan perasaan mereka. Oleh itu, saya berasa terpanggil untuk membangkitkan perkara ini dengan harapan supaya mentaliti ini dapat diperbetulkan di masa depan. Adakah status penyiapan projek-projek di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelapan terlalu teruk sehingganya kerajaan tidak dapat memberi satu jawapan. Jikalau benar, apakah sebab-sebab projek yang begitu banyak di Sarawak yang masih belum disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Adakah tindakan telah diambil oleh kerajaan ke atas pihak-pihak yang menyebabkan projek-projek itu tidak disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

Apakah gunanya untuk memberi peruntukan melalui perangkaan yang indah rupanya tetapi ianya langsung tidak dapat menemui sasaran-sasaran yang ditetapkan semasa hendak dilaksanakan. Maka, saya berasa amat curiga bahawa apa yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk Sarawak dapat mencapai matlamatnya. Adakah pula langkah-langkah yang Kerajaan Pusat bercadang untuk ambil supaya perkara yang sebegini tidak berulang lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dan, merujuk kepada Rancangan Malaysia Kesembilan, Jadual 18(1) dalam buku ini iaitu Jadual Indeks Pembangunan Jalan menunjukkan bahawa Sarawak berada di kedudukan terbelakang sedangkan negeri-negeri lain maju, indeks pembangunan jalan untuk Sarawak mundur daripada 0.39 dalam tahun 2000 ke 0.38 pada tahun 2005. Negeri yang kedua paling teruk ialah Kelantan yang mencatatkan indeks 0.6 iaitu lebih kurang 50% lebih baik daripada Sarawak. Malahan Sabah juga mencatatkan indeks tiga kali ganda lebih baik daripada Sarawak dengan indeks pembangunan jalan raya IDI sebanyak 1.1.

Jikalau kita lihat dari segi kepadatan jalan agaknya lebih teruk lagi. Indeks kepadatan jalan Sarawak ialah 0.05 pada tahun 2005. Manakala yang kedua paling teruk ialah Sabah dengan indeks 0.15, tiga kali ganda lebih baik daripada Sarawak. Indeks kepadatan jalan untuk Wilayah Persekutuan pada tahun 2005 ialah 3.67 iaitu 70 kali ganda lebih padat daripada Sarawak, malahan negeri Kelantan yang diperintah oleh PAS juga mencatatkan indeks 0.19 empat kali lebih baik daripada Sarawak. Daripada tahun 2000 hingga 2005, jumlah kepanjangan jalan raya di Sabah bertambah sebanyak 15.6

kilometer, manakala Sarawak hanya bertambah sebanyak 243 kilometer sahaja.

Mengapa perbezaannya adalah begitu besar? Mengapakah Sarawak selalu di diskriminasikan sebegini? Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pula berapa banyakkah wang ringgit yang diperuntukkan untuk membina jalan raya di Sarawak. Daripada apa yang dapat saya perhatikan dalam buku laporan ini ianya tidak memberi banyak maklumat kepada persoalan saya.

Jika saya melihat Jadual A III, dari segi peratusan jumlah belanjawan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Sarawak mendapat peratusan yang kurang daripada peratusan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan jumlah belanjawannya ialah RM170 bilion yang mana Sarawak diperuntukkan RM12.817 bilion iaitu 7.539% daripada jumlah belanjawan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan jumlah belanjawan ialah RM200 bilion. Sarawak hanya mendapat RM13.437 bilion iaitu hanya 6.718 daripada jumlah belanjawan. Lebih-lebih lagi buku laporan ini langsung tidak menyentuh tentang bagaimana untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Sarawak. Muka surat 39, yang menyentuh tentang sistem pengangkutan, langsung tidak sentuh tentang pengangkutan awam di Sarawak. Dengan kenaikan harga petrol, diesel dan LPG sebanyak tiga puluh sen kerajaan menyatakan bahawa wang yang diijamatkan itu akan digunakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam.

Saya telah menyatakan bahawa alasan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam hanya merupakan satu *after thought*. Jadual A II, dalam buku ini ialah bukti bahawa kerajaan Barisan Nasional bercakap bohong. Jikalau kita merujuk kepada Kementerian Pengangkutan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM9.664 bilion iaitu 5.7% daripada jumlah belanjawan telah diperuntukkan kepada Kementerian Pengangkutan tetapi, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan hanya RM9.532 bilion akan diperuntukkan kepada Kementerian Pengangkutan iaitu 4.3% sahaja daripada jumlah belanjawan. Jikalau kerajaan betul-betul ikhlas kepada apa yang dijanjikan pada bulan lepas iaitu akan memperbaiki sistem pengangkutan awam, mengapa jumlah peruntukkan kepada Kementerian Pengangkutan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kurang daripada jumlah peruntukkannya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Untuk Sarawak pula, walaupun Sarawak menyumbangkan satu pertiga daripada pengeluaran minyak di negara ini apa yang kita terima kurang daripada apa yang kita sepatutnya dapat.

Pihak berkenaan masih tidak berhasrat untuk memajukan sistem pengangkutan awam di Sarawak, dan kita tidak diberi peruntukkan Tabung Pembangunan Infrastruktur yang adil dan saksama. Sebagai sebuah negeri yang kaya dengan minyak apabila harga minyak antarabangsa meningkat kami telah pun memberi sumbangan yang lebih kepada Tabung Kerajaan Persekutuan. Dengan itu, kami juga sepatutnya mendapat tabung yang lebih banyak untuk pembangunan tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya di mana Tabung Pembangunan yang kami terima pula semakin berkurangan.

Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak serius untuk merancang pembangunan infrastruktur di Sarawak, saya menyeru bahawa royalti yang dikutip oleh kerajaan Sarawak atas keluaran minyak di Sarawak yang pada masa ini hanya 5% dinaikkan kepada 15% supaya kerajaan negeri sendiri boleh merancang pembangunan infrastruktur di Sarawak. Sabah juga mahu?...
[*Bertanya kepada Ahli Yang Berhormat Batu Sapi*]

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: [*Mengangguk*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, Sabah jugalah...
[*Ketawa*] Nanti dia akan berucaplah.

Perkara ketiga ialah mengenai jawatan-jawatan imigresen yang telah saya sebutkan pada bulan lepas. Pada bulan yang lepas saya telah membangkitkan isu bahawa daripada seramai 200 orang yang diambil untuk mengisi jawatan-jawatan pejabat di Imigresen Sarawak hanya 18 orang sahaja yang datang dari Sarawak. Jawapan yang diberi oleh menteri pada masa itu ialah bahawa jabatannya hanya mengambil pegawai-pegawai yang berkelayakan. Apabila saya bertanya beliau, apakah syarat-syarat yang diperlukan, pada masa itu beliau tidak dapat memberi satu jawapan kepada saya. Biarlah saya beritahu kepada Dewan yang mulia sekarang mengenai syarat-syarat itu:

- (i) mestilah seorang warganegara Malaysia;
- (ii) berumur 18 tahun ke atas. Itu adalah untuk Penolong Penguasa Imigresen;
- (iii) mempunyai SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (iv) kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf.

Itu adalah kelayakan-kelayakan yang diletakkan di dalam iklan semasa kerajaan mencari orang untuk mengisi jawatan-jawatan ini. Di sini terdapat tiga pemohon:

- (i) seorang gadis Melayu - Zarina binti Kaida. Dia mempunyai kelulusan SPM Bahasa Melayu - 5, dan Bahasa Inggeris - 7;
- (ii) seorang berbangsa Sikh - Manjit Singh Samra. Kelulusan SPM Bahasa Melayu - 3B, dan Bahasa Inggeris - 2A; dan STPM juga mendapat pangkat 'B', 'C', 'D';
- (iii) seorang gadis Orang Asli - Ros anak Tayong. Kelulusan SPM Bahasa Melayu - 2, Bahasa Inggeris - 8. STPM mendapat pangkat 'C', 'D', 'E', 'R'. dan juga *Bachelor in Communication* daripada Universiti Putra Malaysia.

Ketiga-tiga pemohon tersebut berkelayakan untuk mengisi jawatan Penolong Penguat kuasa Imigresen tetapi, mereka bukan sahaja tidak diambil untuk jawatan itu, malah tidak seorang pun daripada mereka itu dipanggil untuk temu duga. Adakah ini satu langkah untuk menganaktirikan orang Sarawak, memprejudis orang Sarawak? Kenapa ketiga-tiga mereka tidak dipanggil untuk temuduga, sedangkan mereka memenuhi kelayakan bagi jawatan itu?

Saya harap menteri dapat memberi satu penerangan yang boleh diterima. Janganlah jawab di Dewan yang mulia ini dengan sia-sia sahaja. Kata ada kelayakan minimum untuk jawatan itu tetapi bila ditanya tunggu sekejap. Bila ditanya dia pun tidak tahu apakah kelayakan yang diperlukan. Sekarang saya ada buktinya...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Puchong bangun.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Selepas saya habiskan ayat ini. Sekarang saya ada bukti bahawa ketiga-tiga pemohon ini, semuanya mempunyai kelayakan yang diperlukan tetapi tidak seorang pun dipanggil untuk temu duga, apa sebabnya? Silakan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya kagumlah dengan semangat kenegerian Sarawak ini tetapi, sedarkah Yang Berhormat untuk menyelesaikan sesuatu masalah, kemelut atau kerja, kelayakan itu penting. Bagi saya pengalaman dan pendedahan bagi seseorang pegawai itu juga penting dan bagi saya Jabatan Imigresen Malaysia ini bukan hanya melihat bahawa kita mesti memberikan peluang kepada orang Sarawak sahaja untuk bekerja di Sarawak, tetapi yang paling penting sekali ialah kita mesti memberi peluang yang cukup kepada Jabatan Imigresen untuk menyelesaikan masalah, misalnya kekurangan kakitangan yang berpengalaman. Apakah pendapat Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Jikalau hendakkan orang yang berpengalaman, sekurang-kurangnya panggil mereka untuk temu duga. Dalam iklan untuk mencari orang bagi mengisi jawatan itu ada empat syarat yang saya bacakan tadi, ketiga-tiga mereka sudah memenuhi kesemua syarat-syarat itu tetapi mengapa mereka tidak dipanggil untuk temu duga? Sekurang-kurangnya beri satu peluang untuk mereka membuktikan mereka berkelayakan, dapat memenuhi syarat-syarat lain yang diperlukan. Itu adalah syarat-syarat yang disenaraikan dalam iklan, dalam surat khabar.

Tajuk yang seterusnya adalah mengenai mempromosikan tadbiran baik korporat (*good corporate governance*)...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak payahlah. Ini tajuk yang lain. Tajuk lain. Salah satu sasaran ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bagi Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Pelan Integriti Nasional adalah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 36(4). Tadi Yang Berhormat ada sebut menggunakan bahasa biadab bahawa...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa biadab?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Bahawa Barisan Nasional pembohong di Sarawak. Inilah sikap...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua minta dia duduk. Dia itu kaki kacau saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti bukan kacau. Dengar dulu. Tadi sebut, semua dengar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kaki kacau saja. Salah satu sasaran Pelan Integriti Nasional adalah untuk memperkuat etika...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengar dulu. Dengar dulu. Dengar! Ini Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sebut tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu salah guna Peraturan Mesyuarat. Salah guna.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak, tidak bukan salah guna.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu memang bohong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah. Saya belum habis cakap. Bila saya cakap...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak payahlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Baca dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut, cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Cukuplah, cukuplah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak Tuan Yang di-Pertua, dia sebut bohong tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Cukuplah. Awak bukan seorang Pengerusi. Salah satu sasaran Pelan Integriti Nasional adalah untuk memperkuatkan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tengok, dia sebut "awak". Cakap "awak", tengok! Tuan Yang di-Pertua, tengok, bahasa "awak", tengok! Macam mana...?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sebut parti, Yang Berhormat, bukan individu. Dia sebut parti.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sebut parti, bukan sebut Yang Berhormatlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: 36(4)...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Adalah untuk memperkuatkan etika perniagaan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi saya ulas ini dulu. Dia kena dengar saya hendak cakap ini. Dia sebut sini, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Awak bukan seorang Pengerusi, awak duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, tengok! "Awak" lagi. "Awak" lagi. Bagi saya ulas, 36(4), Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh guna bahasa biadab.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Mana biadab!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apakah "bohong" itu bukan bahasa biadab?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Seorang bohong, memang seorang pembohong!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia dengar dulu. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Cukuplah, Larut.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inikah sikap Yang Berhormat Kuching hendak menghadapi pilihan raya di Sarawak? Barisan Nasional temberang, tidak bolehlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Sasaran Pelan Integriti Nasional adalah untuk memperkuatkan etika perniagaan dan tadbiran korporat dan kerajaan meletakkan harapan yang tinggi terhadap GLC untuk membantu mencapai sasarannya. Saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini terhadap satu kes di antara unit telefon bimbit Telekom Malaysia iaitu Celcom dan satu *subsidiary touch Telecom, DT Asia Holdings*. Pada September 2005, Celcom diarah oleh *International Court of Arbitration in Switzerland* untuk membayar *DT Asia Holdings* sebanyak USD177.2 juta dalam *principal* ditambah dengan USD16.2 juta dalam bentuk faedah terhadap satu perselisihan penjualan saham. Walaupun menerima *award* daripada *International Court of Arbitration*, Telekom Malaysia enggan untuk membayar pampasan itu.

Pada bulan November 2005, *Celcom* memohon kepada Mahkamah Tinggi di Malaysia, negara kita untuk cuba menghentikan penguatkuasaan *award* oleh *DT Asia Holdings* dengan alasan bahawa ia bercanggahan dengan Dasar Awam Malaysia, *against Public Policy*. Pada Januari 2006, selepas *DT Asia Holdings* mengambil satu perintah larangan, *prohibitory order* untuk menghalang *Celcom* daripada mengalihkan sebarang asetnya di UK, barulah *Celcom* membayar sejumlah USD232 juta kepada Mahkamah British di bawah protes.

Saya kemudiannya dimaklumkan bahawa sebelum perselisihan ini diabitrasikan, Telekom boleh menyelesaikan perselisihan ini iaitu *amicable settlement* dengan separuh daripada jumlah yang dibayar sekarang. Penasihat undang-undang menasihatkan supaya perselisihan itu dibuat *amicable settlement* tetapi, walaupun begitu nasihat Penasihat Undang-undang tidak diterima oleh pengurusan tertinggi Telekom menyebabkan tambahan pembayaran USD100 juta.

Dalam seluruh episod ini, Telekom Malaysia telah melanggar etika perniagaan dan pentadbiran baik korporat dan sebagai sebuah GLC, Telekom mesti beramanah kepada rakyat dengan memberitahu masyarakat awam mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) apakah asas untuk Celcom untuk memasuki perjanjian jualan saham dengan DeTeAsia Holdings yang mendedahkan Celcom kepada liability yang besar sebanyak USD200 juta lebih kurang RM800 juta. Adakah ini satu lagi saga Proton-MV Agusta;
- (ii) selepas melalui seluruh proses arbitrase di Mahkamah Antarabangsa yang mana keputusannya tidak memihak kepada Celcom. Celcom perlu pula meminta mahkamah kita untuk mengumumkan bahawa *award* itu tidak dapat dikuatkuasakan atas alasan bahawa ia bercanggah dengan dasar awam.

- Apakah pendirian yang akan diambil oleh Celcom jikalau keputusan Mahkamah Antarabangsa adalah memihak kepadanya. Tindakan sebegini sememangnya bukan satu tindakan yang dapat menjunjung nama baik Malaysia tetapi ia memalukan kita;
- (iii) adakah memalukan bahawa walaupun Celcom menerima satu award Mahkamah untuk membayar pampasan, Celcom masih enggan untuk menjelaskan sehinggakan hartanya di United Kingdom dibekukan. Sebuah syarikat yang mempunyai etika perniagaan yang baik akan membayar *chargement debt* tanpa memerlukan *creditors* nya untuk mengadakan *execution proceeding*. Hanyalah sebuah syarikat yang tidak beretika atau yang digelak 'kaki buruk' perlu diadakan *execution proceeding* sebelum dia membayar judgement *debt* nya;
 - (iv) pihak pengurusan atasan syarikat Telekom mesti memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada terdapat satu nasihat secara bertulis oleh Penasihat Undang-undang Telekom untuk menyelesaikan perkara ini yang mana ia akan dapat menjimatkan Telekom sebanyak lebih kurang RM400 juga. Jikalau ia sedemikian kenapa pihak pengurusan tertinggi Telekom enggan mengikut pendapat Penasihat Undang-undangnya. Adakah ia disebabkan oleh keegoan pihak pengurusan tertinggi;
 - (v) saya juga tertarik untuk bertanya mengapa seorang adik kepada seorang Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dilantik sebagai seorang Pengarah Telekom. Perkara ini bukan sahaja suatu persoalan mengenai pentadbiran korporat yang baik atau buruk kepada Telekom tetapi ia mengenai kebajikan orang ramai. Ia sudah menjadi amalan kerajaan untuk membenarkan GLC meningkatkan caj-caj bayaran mereka terhadap rakyat sementara GLC-GLC ini tidak mendapat keuntungan yang mencukupi.

Perjanjian jualan saham ini telah menyebabkan kerugian sebanyak RM800 juta kepada Telekom Malaysia tetapi nampaknya tiada sesiapa pun yang perlu bertanggungjawab terhadap kerugian ini. Jikalau ini diteruskan, Telekom Malaysia akan pada suatu hari nanti mengalami defisit dan akan mula meningkatkan caj telefon. Rakyat jelata akan menjadi mangsa untuk menanggung kerugian yang berpunca daripada kesilapan pengurusan telekom.

Seperti apa yang berlaku kepada MAS yang mengenakan pelbagai bentuk caj bayaran walau pun di atas nama yang berlainan seperti bayaran pendaftaran, bayaran bahan api, bayaran lapangan terbang, bayaran lewat dan sebagainya. MAS berada dalam keadaannya sekarang dan kerana tiada siapa pun yang dipertanggungjawabkan terhadap semua keputusan-keputusan perniagaannya yang teruk. Telekom dengan ini akan lama-kelamaan akan menjadi satu lagi MAS sekiranya pentadbiran korporat sebegini diteruskan.

Terdapat satu lagi kejadian di mana Telekom melalui subsidiari kepunyaan sepenuhnya Mobikom tidak bertindak bersesuaian dan tanpa etika-etika perniagaan yang baik. Saya merujuk kepada suatu laporan surat khabar *the STAR* pada 9 April 2006. *The High Court has issue an order baring Telekom Malaysia Berhad and it subsidiary Mobikom Sendirian Berhad for entering into any agreement relating to their asset especially the eight megahertz of a spectrum license issue to Mobikom exclusively by the Malaysian Commission for multimedia communication*, dengan izin.

Mobikom Sendirian Berhad ialah pemegang lesen *8 megahertz frequency wave band* iaitu satu jalur gelombang yang sangat berkuasa yang juga dikenali sebagai *fixed wireless wave band*. Sekiranya ia dibangunkan secara penuh, kita tidak lagi memerlukan talian telefon dan lebih banyak kawasan di negara ini akan dapat mengakseskan perkhidmatan telefon dan *internet* tanpa *wire*.

Pembangunan industri ICT di negara ini bergantung kepada setakat mana *8 megahertz wave band* ini digunakan. Bagaimana pun apabila Mobikom Sendirian Berhad yang sekarang dilarang oleh mahkamah daripada mencapai apa-apa persetujuan berkenaan dengan *8 megahertz*, ianya sekarang tidak dapat membenarkan net work facilities dan *service provider* yang lain untuk menggunakan *8 megahertz*.

Ini merupakan satu setback yang besar terdapat pembangunan ICT kita. Saya telah menjalankan beberapa penyelidikan terhadap perkara ini untuk mengetahui mengapa mahkamah membuat tindakan sedemikian. Berikut merupakan apa yang saya dapati:

Mobikom telah melanggar satu perjanjian dengan sebuah syarikat yang bernama Inmiss Communication Sdn. Bhd. tiga tahun selepas *arbitration*. *Arbitrator* nya seorang bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Yang Arif Dato' Haji Abu Mansor bin Ali telah mengarahkan supaya Mobikom membayar sejumlah RM27 juta kepada INMISS Communication Sendirian Berhad. Sekali lagi selepas perkara ini telah *diarbitration* atau diarbitrasikan, selama tiga tahun di hadapan seorang *arbitrator* yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Mobikom telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk *to set aside arbitration award* kerana keputusannya tidak memihak kepada Mobikom.

Pada masa yang sama INMISS membuat *petition* kepada Mahkamah Tinggi untuk memohon menggulung Mobikom. Mobikom telah melawan *petition* ini dan pada masa yang sama cuba mengkontrakkan haknya terhadap *eight megahertz* jalur gelombang ini kepada Telekom, *holding* kompeninya tanpa sebarang keuntungan. Ini merupakan suatu percubaan untuk mengalihkan aset-aset syarikat untuk menjadikan *arbitration award* yang diperolehi oleh INMISS menjadi suatu *paper judgment only, siphoning the company's asset*.

Semasa Mobikom cuba untuk mengalihkan hartanya yang paling berharga yakni hak kepada *eight megahertz wave band* itu, INMISS tiada jalan lain selain memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan *injunction* menghalang Mobikom daripada berbuat demikian dan dalam permohonanannya Mobikom memfailkan satu *affidavit* di mahkamah menyatakan bahawa ia berhutang RM1 bilion kepada Telekom tetapi akaunnya ditunjukkan oleh INMISS ia menunjukkan bahawa hutang ini telah di *return down less then RM2 million*. Akhirnya mahkamah membenarkan permohonan ini. Apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah:

- (a) ini merupakan suatu etika perniagaan yang teruk untuk enggan membayar *arbitration award*. Biasanya arbitrator adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam kedua-dua kes di atas yang melibatkan

subsidiari-subsidiari Telekom Malaysia sebuah syarikat GLC.

Dan apabila *arbitration award* tidak memihak kepadanya, ia mencabar kesahihan *award* nya. Tindakan ini akan mencemari nama baik Malaysia dalam alam perniagaan dan pelabur-pelabur asing yang jujur dan pelabur-pelabur asing yang jujur tidak akan datang ke Malaysia kerana tiada sesiapa pun yang ingin berniaga di bawah suatu persekitaran sebegini;

- (b) as "*INMISS*" ini merupakan suatu contoh, '*the big bully the small*'. *INMISS* ialah sebuah syarikat kontraktor kecil yang menjadi pemiutang RM27 juta selama lapan tahun. Proses *mitigation* yang lama telah menghauskan sumber-sumber *INMISS* dan malah selepas *arbitration subsidiary* Telekom ini masih enggan untuk bayar dengan cuba mewujudkan lebih banyak *litigation* untuk melengah-lengahkan pembayaran;
- (c) pengalihan aset-aset syarikat untuk mengalahkan sesuatu keputusan atau sesuatu *arbitration award* merupakan tindakan yang paling terkutuk di dalam dunia perniagaan. Jika subsidiari GLC berbuat demikian, bagaimana kita dapat memperkasakan etika perniagaan yang baik di Malaysia; dan
- (d) percubaan untuk melegakan pembayaran hutang melalui kesusahan *litigation*; bukan sahaja tidak ada kepada *creditor* tetapi ia juga menggagalkan keberkesanan sistem kehakiman untuk pemulihan hutang.

Sebenarnya terdapat kecenderungan di Malaysia sekarang untuk melibatkan agen-agen pemungut hutang atau samseng untuk mengutip hutang dan bukannya melalui proses perundangan. Ini adalah disebabkan oleh proses Mahkamah telah dilihat sebagai tidak efektif malahan syarikat-syarikat kewangan GLC seperti Telekom juga berkecenderungan menggunakan agen-agen pemungut hutang. Ini dalam jangka masa yang panjang akan menimbulkan masalah-masalah sosial yang lain kerana agen-agen pemungut hutang ini mungkin akan mengambil undang-undang di tangan mereka sendiri.

Walaupun *Multimedia Super Coridor* ditubuhkan pada tahun 1996 iaitu lebih daripada sepuluh tahun yang lalu tetapi teknologi ICT tidak begitu berkembang di Malaysia. Berbanding dengan Korea Selatan yang telah memulakan penumpuannya terhadap ICT pada masa yang hampir sama dengan Malaysia. Kami pula jauh ketinggalan di belakang.

Pada tahun 2004, *Internet Broadband Penetration Rate* negara kita hanyalah 1.9% sahaja dengan penglibatan Mobikom di dalam pembicaraan tersebut. Ini akan membantutkan langkah-langkah kerajaan untuk memesatkan penebusan *broadband* di negara kita. Rancangan Malaysia Kesembilan merupakan satu lanjutan, malahan *amplification* daripada Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Beberapa ayat lagi. Ia terlalu ditumpukan kepada pembangunan kebajikan bumiputera dengan mengorbankan kebajikan bukan bumiputera.

Selepas 20 tahun Dasar Ekonomi Baru ia telah berakhir dengan membesarkan jurang perbezaan di antara kaya dan miskin. Kerajaan seharusnya mengakui bahawa Dasar Ekonomi Baru akan terus membesarkan jurang perbezaan di antara kaya dan miskin malahan di kalangan bumiputera. Kerajaan juga harus mengakui bahawa pemberian hak-hak istimewa kepada bumiputera secara berterusan tidak akan mempertingkatkan daya saingan mereka sebaliknya ia akan melemahkan daya saingan bumiputera dan sekiranya di pasaran antarabangsa di mana tidak wujudnya hak istimewa ini mereka tidak dapat bersaing dengan orang lain. Dalam era globalisasi ini, sesebuah negara itu bukan tidak boleh menjadi sebuah pulau - *a country is not an island*.

Kerajaan boleh meneruskan memberi hak-hak istimewa kepada bumiputera di dalam Malaysia tetapi sekiranya di pasaran global setiap insan akan bersaing atas platform yang sama. Jikalau bumiputera tidak dapat membiasakan diri dengan persaingan pada asas yang sama rata, maka mereka akan ketinggalan di kalangan antarabangsa. Oleh kerana bumiputera merupakan majoriti populasi di Malaysia ini juga akan mengurangkan daya saing Malaysia secara menyeluruh. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan harus membuka kepada orang bukan bumiputera sedikit demi sedikit di mana setakat ini hak eksklusif telah diberi kepada bumiputera sahaja. Ini akan memberi persaingan yang tertentu kepada bumiputera yang akan benar-benar membantu pembangunan golongan *entrepreneur* bumiputera. Salah satu bidang yang saya cadangkan ialah permit kontrak kelas 'F'. Setakat ini hanya golongan bumiputera yang diberi permit kontrak kelas 'F'. Kerajaan harus membenarkan sesetengah bukan bumiputera untuk memegang permit kontrak kelas 'F' supaya ini dapat memberi persaingan dalam bidang ini. Kekurangan persaingan...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, habiskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dua ayat sahaja. Kekurangan persaingan akan menjadikan seseorang itu malas dan *complacent*. Hanya melalui persaingan sahaja dapatlah seseorang ini memajukan diri sendiri. Sudah sampai masanya kerajaan memandang serius mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sama ada ia sebenarnya memberi manfaat kepada rakyat jelata atau pun ia hanya memberi manfaat yang besar kepada segelintir orang yang mempunyai *political connection* sedangkan kebajikan rakyat jelata dikorbankan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Segambut.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera. Saya ingin turut serta membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi atas pembentangan tersebut dan terus merancang ekonomi negara ke arah lebih cemerlang dan gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, keusahawanan koperasi. Saya ingin menyentuh mengenai dengan izin, *third engine of growth* iaitu sektor koperasi. Kerajaan telah memberi pengiktirafan kepada sektor koperasi sebagai sektor ketiga dalam membangunkan ekonomi negara melalui Dasar Koperasi Negara.

Dengan pengiktirafan ini ia telah meletakkan sektor koperasi seiring dan sejajar dengan sektor awam dan juga sektor swasta untuk turut serta membangunkan negara dan tidak semata-mata-mata sebagai sektor jimat cermat dan juga pinjam meminjam sahaja.

Sektor ini perlu memainkan peranan yang lebih aktif dan agresif dalam penggembleran tenaga dan juga dana mereka dalam pembangunan ekonomi negara. Wajarliah apa yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan Dasar Koperasi Negara pada tahun 2004 menyarankan koperasi melaburkan dana mereka dalam bentuk yang lebih menguntungkan dan melabur dengan betul bersama sektor swasta bagi tujuan pembangunan. Konsep keusahawanan koperasi perlu dititikberatkan oleh *co-operators* yang lebih kurang lima juta ahli di negara kita. Ini bukan jumlah yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil contoh Koperasi Pekan Rabu Berhad di Alor Setar, Kedah. Kalau kita ke bandar Alor Setar kita lazimnya akan singgah di bangunan yang terletak di tengah bandar Alor Setar iaitu yang dikenali ramai sebagai Pekan Rabu. Bangunan ini kepunyaan Koperasi Pekan Rabu yang mana Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang dari pengasasnya. Mereka yang berniaga dalam Pekan Rabu ini merupakan ahli-ahli Koperasi Pekan Rabu. Kata pepatah Inggeris, *'killing two birds with one stone'* maka kita lihat bahawa konsep ini telah mewujudkan keusahawanan koperasi di samping melihat kebajikan ahli turut serta diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil contoh keusahawanan koperasi ini melalui Koperasi Permodalan FELDA atau nama pendek KPF. KPF memiliki 51% ekuiti dalam FELDA Holdings sementara FELDA memegang ekuiti 49%. FELDA Holdings merupakan badan yang menguruskan pelaburan bagi pihak KPF. Dengan kedudukan FELDA Holdings yang begitu kukuh dan keuntungan besar setiap tahun, maka ahli-ahli KPF menikmati dividen yang terjamin setiap tahun. Urusan perniagaan koperasi diuruskan oleh mereka yang pakar dalam bidangnya. Sementara urusan perkoperasian diserahkan kepada ahli lembaga pengarah koperasi sebagaimana dikehendaki oleh akta koperasi dan peraturan koperasi.

Mengasingkan kedua-duanya dapat menentukan kejayaan. Inilah yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam saranannya semasa melancarkan Dasar Koperasi Negara iaitu gerakan koperasi perlu ada keseimbangan antara keperluan menjanakan perniagaan dengan keperluan menjaga kebajikan ahli mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira dengan dua contoh di atas, akan dapat membuka minda 'koperator-koperator' bahawa keusahawanan koperasi dapat diwujudkan untuk membantu memperkukuhkan ekonomi negara di samping menjaga kebajikan ahli-ahli koperasi. Usaha sama antara pihak swasta dengan koperasi dalam mewujudkan syarikat *joint venture* perlu diperbanyakkan. Koperasi melabur dalam syarikat, dalam kuantum ekuiti tertentu sebagaimana KPF atau lebih kecil lagi. Umpamanya, tidak melebihi 30% atau beberapa koperasi melabur dalam syarikat yang berdaya maju seperti perhotelan, pengeluaran produk, pemasaran produk seperti *supermarket*, bidang-bidang yang diyakini tidak akan merugikan.

Di samping itu, mereka perlulah melihat pengurusan syarikat itu dijalankan oleh mereka yang pakar dan lebih-lebih lagi amanah dan mempunyai integriti tinggi sebagaimana dikehendaki oleh Institut Integriti Negara. Dengan adanya usaha sama antara dua sektor ini iaitu sektor koperasi dan juga sektor swasta, sudahlah tentu pembangunan ekonomi negara yang diharapkan melalui RMK-9 ini akan lebih cepat tercapai. Sektor awam perlulah memantau dan juga memudah cara konsep ini untuk mendapat

sambutan dan juga mempercepatkan segala urusan berkaitan dengan perniagaan dan juga pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam meletakkan koperasi di bawah satu bumbung dengan pembangunan usahawan adalah tepat pada masanya. Kedua-dua sektor perlu bekerjasama untuk mencapai kejayaan yang lebih besar. Pembangunan negara mestilah diletakkan di bahu sektor swasta dan sektor koperasi. Sementara sektor awam mesti mempunyai tanggapan dan juga *attitude* membantu menyelaras dan memudahkan. Ini selaras dengan kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat pentadbiran awam, yang beberapa rakan Ahli Yang Berhormat sudah sentuh banyak kali mempunyai integriti tinggi dan sistem penyampaian. Minta izin, *delivery system* yang cekap, bersih dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang merunsingkan saya ialah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan, penjelasan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat ada sebut mengenai *delivery system* yang cekap, yang beramanah. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita mahu satu *delivery system* yang cekap, yang beramanah sangat penting bahawa ada iklim di mana ada kebebasan maklumat dan masalah ini kita boleh lihat apa yang di dalam surat khabar... [Menunjukkan keratan akhbar yang dimaksudkan] Tadi, Yang Berhormat pun ada sebut mengenai bekas Perdana Menteri. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir yang berkata, mana ada *press freedom*. Mana ada *press freedom* sehingga beliau, semua yang dia kata, tidak boleh dapat ruang dalam surat khabar.

He asks not..., dengan izin, asked the media not to suppress his comments and said, he would continue to air his views. He claimed that some newspapers had received phone calls, asking them, him not to print this and that. Where is the press freedom? I know the reporters are also unhappy because what they report is not published. Broadcast what I have to say...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *What I say is not even accurately published in the press.* Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlu *press freedom* yang sebenarnya, bahawa kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlulah keluar satu arahan. *Let there be press freedom.* Lebih bebas daripada pentadbiran bekas Perdana Menteri pun, bahawa masa sudah sampai, ada *press freedom*. Hari-hari kita baca bahawa bekas Perdana Menteri tanya, Perdana Menteri sekarang mana itu *press freedom*?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor. Kita dari Barisan Nasional, *Backbenchers Club* setuju sepenuhnya tentang *press freedom* ini, tetapi *press freedom* ini bukan seratus peratus. Ahli Yang Berhormat pun sedar kita....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang mahu *lecture* Tun Mahathir *about press freedom*.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Itu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu *lecture* Tun Mahathir kah?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Saya sendiri....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Press freedom*, tidak ada *average press freedom*. *Press freedom* lebih luas daripada sekarang... [Dewan riuh]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ahli Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Segambut tunjuk sama dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang jangan...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Kita hormati...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu *lecture* Tun Mahathir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa ini.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Sila hormati peraturan Dewan.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ahli Yang Berhormat lebih senior daripada saya...

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Akan tetapi bodoh.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Bila *you* minta saya komen, saya bagi komen dan sebenarnya Ahli Yang Berhormat, bukan saya buat itu *phone calls*, kalau ada *phone calls* lah. *So...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya lebih senior tetapi jangan kata, bapa Yang Berhormat pun rasa kesal. Itu pun tidak baik. Dr. Tan Chee Koon pun akan cakap yang serupa. Jangan cakap bapa Yang Berhormat pun tidak boleh terimalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita *according to conscious*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa ini.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Itu lain perkaralah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, lain perkara...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ya, terima kasih atas komen...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...Dan kita sokong sepenuh-sepenuhnya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, baik.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...Tentang integriti dan *press freedom*. Tuan Yang di-Pertua, apa yang merunsingkan saya ialah dalam RMK-9...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ya, sila Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Saya tidak fahamlah Ketua Pembangkang ini yang mempersoalkan *freedom of the press* walaupun kita tahu memang ada. Macam DAP juga, mana ada *freedom*. Mana ada?... [*Tepuk*] Jemput orang lain datang berdebat Perdana, hantar anak dia, seolah-olah tidak ada orang lain yang boleh berdebat. Sebagai contoh, daripada *father* dengan izin, daripada bapa kepada anaklah, macam tidak ada orang lain. Jadi jangan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa akan jadi Ketua Menteri di Sarawak akan datang..., bukan Hadenan Syed Sathem?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Haa, tengok, tengok. Saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menteri yang sudah hantar balik ke Sarawak, mana boleh jadi Ketua Menteri Sarawak sekarang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tengok .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Betul. Saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia tidak akan jadi Ketua Menteri Sarawak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya baru bercakap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Anak Ketua Menteri, Taib Mahmud Sulaiman, bukan?... [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Betul, betul... [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, itulah dia. Itulah dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah ini benar?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak ada orang lain yang berkebolehan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah ia..., mana, mana ada harapankah Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Larut ada cakap bohong. Larut, jangan cakap bohong. Saya cakap nanti, siapa bersalah?... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu tidak benar!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Harapan sudah habis.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu tidak benar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada pengganti dengan beliau. Ada yang sokong beliau?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa yang saya kata ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau cakap bohong...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Adakah sokong? Dalam DAP sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Ini...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dalam DAP sendiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia mahu, dia mahu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta penjelasan. Tengok, saya bercakap baik-baik, tengok... [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia yang tidak betul. Dia kata tidak benar. Apa yang dia kata tidak benar. Dia bohong di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, sila duduk, sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sendiri melihat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang dia cakap tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan saya pernah pergi... [*Dewan riuh*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa fasal ini, ini apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia minta penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta penjelasan kepada... [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi apa yang dikatakan itu, oleh Larut adalah berniat jahat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, sila duduk.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: DAP, minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Sangat jahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bohong sahaja. Itu orang bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bohong dan tidak benar. Ternyata sangat jahat... [*Dewan riuh*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan saya, Yang Berhormat bolehlah?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ya. Sila, sila Larut. Sila, sebab banyak kacau, saya pun tidak boleh dengarlah suara anda.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ulang balik. Saya ulang balik, biarlah mereka hendak cakap apa, bahasa kasar terpulang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu ulang balikkah ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Mana ada dalam DAP, demokrasi tidak ada. Hanya pandai mengata pada orang lain.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Larut bukan dalam DAPlah. Jadi jangan buat apa-apa komenlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tengok, tengok. Tidak ikut peraturan, tengok.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan hendak kacau rumah tangga orang lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itulah dia, itulah dia. Saya minta penjelasan... [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak payah, tidak payah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha, tidak payah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Siapa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi seorang sahaja bercakap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta penjelasan daripada sana.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia yang cakap tidak benar. Tuan Yang di-Pertua kalau dia cakap benar tidak apa.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Okay, saya baca jawapan. Terima kasih Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tadi mana ada. Duduklah, apa ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia cakap tidak benar! Yang bohong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang berniat jahat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa ini? Siapa yang berniat jahat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kaki pembohong!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat Larut! Apa Yang Berhormat cakap...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Yang Berhormat Larut.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Adalah tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta penjelasan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Okay. Saya bagi penjelasan sekarang. Nama pendek DAP ialah *Democratic Action Party* tetapi saya dengar komen-komen banyak di dalam DAP langsung tidak ada demokrasi. Terima kasih... [Dewan riuh] Tuan Yang di-Pertua, apa yang merunsingkan saya...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ada demokrasi dalam Gerakan sekarang mana?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...lalah dalam RMK-9 ini tidak menyentuh...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya mahu Timbalan Menteri dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...Mengenai peranan dan harapan kepada sektor koperasi seolah-olah mereka yang merancang RMK-9 ini masih ditakuk lama dan pengiktirafan pasif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tidak sedar akan perubahan yang mengehendaki koperasi memainkan peranan lebih agresif dalam pembangunan negara. *Change of attitude*, dengan izin, perlu ada di kalangan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Jabatan Pembangunan Koperasi dan juga...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...Nanti saya habiskan dahulu. Maktab Kerjasama dan juga Angkasa. Dengan itu sahaja koperasi-koperasi akan turut berubah. Kalau peringkat pembuat dasar tidak ada perubahan tentu sekali sektor ini akan terus lembap. Sila Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat setuju dengan apa Yang Berhormat Segambut, orang yang berpengalaman dalam koperasi bekas Timbalan Menteri tetapi ternyata bahawa dalam koperasi itu memang ada demokrasi yang tidak ada dalam DAP sahaja. Itu Yang Berhormat setuju ya? Terima kasih... [Dewan riuh]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Saya sambung...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tidak bagi, tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, tidak bagi? Mana demokrasi! Kata demokrasi!... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tentang kesihatan....

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Dia takut pada UMNO!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Takut pada UMNO!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Macam dalam zoo kamu semua! Boneka!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...Statistik penyakit gaya hidup, *lifestyle diseases* yang telah dilaporkan pada 7 April 2006 di dalam akhbar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]:*New Straits Times* adalah seperti berikut..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat, janganlah ganggu orang tengah berucap. DAP tidak ada demokrasi tidak ada demokrasi sudahlah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Kesihatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Teruskan, teruskan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Kematian berkaitan strok...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Jaga sedikit nanti dapat strok ya... *[Dewan riuh] [Ketawa]* Kematian berkaitan strok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa cakap Yang Berhormat?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...Sebagai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...Doktor perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Saya bagi nasihat percuma.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Segambut kata atas peribadi sebagai seorang doktor.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ya, doktor perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Betul-betul. *Graduate* dari Universiti Malaya bukan dari Chow Kit.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Bintang bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Teruskan, teruskan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Kematian berkaitan strok serangan sakit jantung dan kegagalan buah pinggang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Bintang.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Nanti, nanti. Saya dapat ganggu banyaklah. Masa terhad. ...Adalah 10,000 setahun. Tiga juta penduduk hidup dengan kadar kolesterol yang tinggi dan juga 6,000 kematian setiap tahun berkaitan dengan penyakit jantung, dan juga 40,000 kes baru kanser setiap tahun. Ini statistik dari NST laporan 7 April 2006. Statistik ini bukan sahaja tinggi tetapi berkait langsung dengan kos perubatan yang tinggi. Adakah pelan kesihatan negara dapat menampung kos perubatan untuk penyakit-penyakit seperti di atas termasuk penyakit-penyakit kronik.

Tuan Yang di-Pertua, apakah negara kita dapat belajar daripada pelaksanaan skim pembiayaan penjagaan kesihatan di negara lain. Antara isu atau kriteria yang perlu kita beri perhatian teliti adalah pertama kesedaran harga atau nilai perkhidmatan. Adakah seseorang individu dapat menilai sendiri nilai perkhidmatan yang diterima berbanding dengan orang lain berdasarkan pakej perubatan yang tersenarai. Kedua, adalah kepuasan hati pengguna dan ketiga mutu perkhidmatan. Akhir sekali juga pembiayaan fizikal.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Adakah skim ini membebaskan dana negara yang sedia ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gombak.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Sila Yang Berhormat Gombak. Doktor perubatan juga. Sila.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [*Pembesar suara tidak berfungsi*]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Guna 'speaker' lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Speaker ada di sini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Bukan, bukan 'Dato' Speaker', mikrofon lain. Minta maaf!

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Segambut, saya mohon penjelasan. Kalau kita lihat skim insurans kesihatan kebangsaan ini sudah mula diperbincangkan oleh kementerian sejak tahun 1985 dan kini sudah 21 tahun dan kita tahu sudah begitu ramai konsultan atau pakar perunding dilantik. Sehingga kini pun masih dilantik pakar-pakar perunding atau konsultan ini.

So, pada pandangan Yang Berhormat mengapakah sehingga kini tidak ada sebarang keputusan dibuat tentang SIKK iaitu Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan. Pada pandangan Yang Berhormat, di manakah letaknya masalahnya sehingga kini SIKK ini tidak dijalankan lagi di negara ini.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih atas komen Ahli Yang Berhormat Gombak. Nanti saya sambung ucapan saya dan mungkin bagi satu cadangan baru.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan negara menggunakan pembiayaan yang pelbagai untuk menjadikan skim pembiayaan kesihatan berjaya. Antaranya ialah percukaian, insurans atau kedua-duanya. Sebagai contoh, adalah dilaporkan bahawa di *United Kingdom* bergantung kepada percukaian manakala negara Jerman menggunakan pelan insurans kesihatan yang dibayar oleh pengupah dengan izin, *employer* dan pekerja, dengan izin *employee*. Di *United States* dan juga Australia wujud skim insurans dengan subsidi percukaian dibayar oleh pengupah dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting adalah skim ini disokong oleh pihak kesihatan swasta dan sektor insurans untuk meringankan beban dana kerajaan. Dalam fasa perancangan kedua-dua keperluan semasa dan akan datang perlu diambil kira. Sememangnya kita telah tahu bahawa kenaikan drastik perbelanjaan kesihatan perkapita telah membebankan skim pembiayaan penjagaan kesihatan di negara lain sebagai contoh Taiwan dan juga Korea Selatan. Sememangnya kita amat memerlukan skim pembiayaan kesihatan di negara kita kerana nisbah warga emas dalam masyarakat semakin meningkat dan juga penyakit kronik yang berkaitan dengan penyakit jantung semakin meningkat kalau berbanding dengan penyakit berjangkit atau *communicable diseases*.

Selain daripada itu, keperluan kesihatan yang bersaranan *preventive* semakin diminta berbanding dengan keperluan kesihatan yang merawat. Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mencari mutu perkhidmatan yang baik dengan kos yang berpatutan. Itulah masalah. Perkhidmatan yang baik dengan kos yang berpatutan. Selaras dengan ini, kerajaan juga perlu memberi insentif kepada pihak insurans supaya mereka dapat menawarkan pakej insurans yang menarik di samping skim pembiayaan kesihatan nasional.

Oleh itu, saya menyarankan agar satu badan yang bebas - untuk jawapan Ahli Yang Berhormat Gombak, saya menyarankan agar satu badan yang bebas ditubuhkan dalam menyediakan polisi kesihatan nasional. Ini amat perlu kerana kepentingan dan kepakaran yang pelbagai amat diperlukan dan ini merangkumi pihak swasta, agensi kerajaan dan juga badan-badan NGO. Kerajaan perlu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: ...Menubuhkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ya... [*Menoleh ke belakang*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Speaker yang cakap...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ya, *sorry*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya terpaksa meminta Yang Berhormat berhenti sementara kerana ada usul.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ucapan Yang Berhormat boleh sambung semula setelah usul daripada Yang Berhormat Seputeh diselesaikan nanti.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Isu pencemaran Air Busuk Ammonia di Sungai Semenyih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu seperti yang telah pun diputuskan tadi pihak pencadang akan diberi masa 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat kawasan Seputeh, sila kemukakan.

4.34 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terlebih dahulu saya ingin berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kerana memberi kebenaran bagi usul tergepar. Berkenaan dengan pencemaran air busuk, ammonia, di Sungai Semenyih yang telah menyebabkan loji rawatan air di Semenyih terpaksa ditutup lebih daripada 12 jam pada 15 April sehingga lebih kurang 2 juta penduduk di 239 kawasan ini diluluskan. Sebenarnya dua juta penduduk di 239 kawasan yang menghadapi masalah pemotongan air ini termasuk penduduk di Semenyih, Putrajaya, Cyberjaya, Bangi, Salak Tinggi, Tampoi, USJ, Pulau Meranti, Seri Kembangan, Petaling, Sepang dan KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan akhbar, kandungan ammonia di Sungai Semenyih di waktu itu telah mencapai tahap berbahaya iaitu 4.8 miligram seliter berbanding dengan 1.5 miligram seliter pada tahap normal. Pencemaran Sungai Semenyih adalah berpunca daripada air kotor (*leachate*) daripada pusat pelupusan sampah Sungai Kembong kepunyaan Majlis Perbandaran Kajang. Sisa sampah yang mengandungi ammonia di pusat pelupusan sampah terbabit melimpah memasuki sungai akibat benteng tanah yang menghalang sampah memasuki sungai runtuh ketika waktu hujan lebat.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali pertama di mana loji rawatan air di kawasan Lembah Klang terpaksa di tutup kerana pencemaran air sungai di Selangor dan ini juga bukan kali pertama kita baca laporan di mana air kotor (*leachate*) dari tapak pelupusan sampah melimpah masuk ke sungai kita.

Pada 25 Februari tahun ini iaitu dua bulan yang lepas kita baca perkara yang sama telah pun berlaku di Sungai Selangor apabila kandungan ammonia yang tinggi iaitu 9.2 miligram seliter terdapat di sungai tersebut menjadikan air dibekalkan kepada penduduk Lembah Klang berbau busuk selama tiga minggu tetapi malangnya perkara yang sama berulang sekali lagi dalam kes Sungai Semenyih kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita baca laporan akhbar yang disiarkan dalam New Straits Times pada 16 April tahun ini, Pengarah Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd., Tan Sri Rozali Ismail berkata, bahawa masalah pelimpahan masuk air kotor telah pun berlaku di Sungai Semenyih pada dua tahun yang lepas dari tapak pelupusan sampah yang sama. Beliau berkata, syarikatnya menghantar satu laporan setiap dua bulan kepada Majlis Perbandaran Kajang. Beliau telah pun memberitahu kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan masalah ini tetapi nampaknya tiada apa-apa tindakan diambil oleh Majlis Perbandaran Kajang mengenai masalah ini sehingga pelimpahan air kotor dari tapak pelupusan sampah ke sungai berlaku sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga terbaca bahawa tapak pelupusan sampah di Sungai Selangor dan Sungai Semenyih sebenarnya tidak mempunyai loji rawatan air kotor atau *leachate treatment plan*. Soalan yang saya ingin tanya ialah kenapakah ini boleh berlaku? Dalam kes pencemaran di Sungai Semenyih, sekiranya SYABAS telah pun memberitahu pihak kerajaan tempatan tentang masalah pelimpahan air kotor ke dalam sungai, kenapakah Majlis Perbandaran Kajang tidak mengambil tindakan untuk menangani masalah ini untuk mengelakkan pencemaran air sungai berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu tentang pencemaran air sungai melibatkan beberapa pihak dan beberapa kementerian dan kita telah menyaksikan percanggahan di antara agensi-agensi kerajaan dalam perkara ini. Dalam kes pencemaran air Sungai Selangor yang membekalkan air kepada 60 peratus penduduk oleh tapak pelupusan sampah Bukit Tagar yang berlaku pada bulan Februari tahun ini, kita terbaca bahawa kerajaan negeri Selangor dan badan bukan kerajaan membantah tapak pelupusan sampah tersebut daripada ditubuhkan tetapi Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan mengehendaki tapak pelupusan sampah itu diadakan demi menampung sampah sarap di Lembah Klang. Jabatan Alam Sekitar meluluskan EIA tapak pelupusan sampah di Bukit Tagar tanpa menghiraukan bantahan dan amaran daripada pelbagai pihak dan juga daripada pakar alam sekitar.

Jadi pada September 2004, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata bahawa air kotor dari tapak pelupusan sampah Bukit Tagar akan dirawat dan ia tidak akan mencemarkan air sungai di Sungai Selangor tetapi beberapa bulan kemudian iaitu Februari tahun ini, air kotor dari tapak pelupusan sampah Bukit Tagar mengalir keluar daripada paip air rumah-rumah di Lembah Klang. Selepas itu Jabatan Alam Sekitar pula memberitahu kita bahawa kita bahawa tapak pelupusan sampah itu tiada perlengkapan rawatan air kotor dan ia merupakan pencabulan terhadap EIA yang diluluskan.

Soalan saya ialah macam mana kerajaan boleh membenarkan tapak pelupusan sampah yang dikendalikan oleh syarikat KUB-BERJAYA Enviro ini beroperasi tanpa memenuhi syarat EIA. Sekali lagi kita mendapati bahawa kerajaan tempatan tidak menjalankan tanggungjawabnya untuk memantau projek tapak pelupusan sampah tersebut supaya operator projek tersebut mengikut kehendak EIA. Kesannya dalam kes ini tidak ada sesiapa dari agensi kerajaan memikul tanggungjawab dan penduduk di kawasan Lembah Klang dan juga Selangor terpaksa sengsara kerana air yang dikeluarkan daripada air paip kita itu busuk dan kotor.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang disiarkan dalam *New Straits Times* pada 20 Mac tahun ini, ia melaporkan bahawa mengikut satu kajian yang dijalankan oleh tiga syarikat konsesi iaitu Alam Flora, *Northern Waste Industries* dan *Southern Waste Management*, kebanyakan daripada 144 tapak pelupusan sampah di negara kita diletakkan dalam kawasan yang sensitif dari segi alam sekitar iaitu kebanyakan mereka berdekatan dengan sungai ataupun di kawasan simpanan air. Selain itu 87 daripada tapak pelupusan sampah ini beroperasi tanpa kelengkapan pengendalian sampah yang wajar. Walaupun kita telah membaca bahawa Kabinet telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang di pengerusi oleh Timbalan Perdana Menteri untuk meninjau Masalah ini tetapi ini tidak melegakan hati orang ramai di Lembah Klang kerana hujan lebat yang turun tiap-tiap hari ini besar kemungkinan akan mencetuskan pelimpahan masuk air kotor dari tapak pelupusan sampah ke dalam sungai dan mencemarkan air sungai kita ini berlaku sekali lagi.

Memandangkan perkara ini berlaku di Sungai Semenyih - ini membangkitkan satu kerisauan dan kebimbangan khususnya kepada penduduk di kawasan Semenyih bahawa cadangan projek *incinerator* tersebut yang akan didirikan di Semenyih itu sama ada kalau terdapat apa-apa yang berlaku dalam projek ini pada masa yang akan datang selepas ia dibina dan elemen dioksin yang dikeluarkan daripada *incinerator* ini besar kemungkinan akan dialih masuk ke dalam Sungai Semenyih dan penduduk di Lembah Klang ini terpaksa minum air yang mengandungi elemen dioksin yang akan mendatangkan kanser.

Jadi saya juga ingin minta pihak kerajaan meninjau perkara ini dan juga mengkaji semula tentang cadangan projek *incinerator* yang akan dibina di Semenyih ini sama ada *incinerator* ini boleh dipindah ke tempat lain dan bukannya di Semenyih memandangkan kawasan Semenyih ini adalah tapak simpanan air yang begitu penting bagi penduduk di Selangor dan juga Lembah Klang. Saya berharap dewan yang mulia ini akan membuat keputusan dalam isu ini. Sekian, terima kasih.

4.40 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul di bawah perkara 18(1), Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh dan saya menyokong usul tersebut sebagai perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Sepanjang tahun 2006 ini, penduduk-penduduk Lembah Klang telah digemparkan dengan dua kejadian pencemaran bekalan air. Yang pertama pada 26 hari bulan Februari lalu apabila tiga loji lawatan air di Sungai Selangor di cemari ammonia membabitkan fasa 1, 2 dan 3, menyebabkan penduduk-penduduk Lembah Klang kelam-kabut dan panik kerana terpaksa menggunakan bekalan air yang kotor untuk keperluan harian mereka.

Ia berpunca dari pencemaran ammonia di Kampung Gatom dan Bukit Tagar yang tidak dipantau dengan kerap oleh JAS dan pihak majlis perbandaran kawasan tersebut. Yang kedua ialah pada 15 hari bulan bila hampir dua juta penduduk Lembah Klang terputus bekalan air kerana ditutup akibat pencemaran ammonia kawasan tadahan berdekatan anak-anak sungai di loji rawatan air Sungai Semenyih. Ia berpunca dari air kotor iaitu air sampah-sarap di pusat pelupusan sampah Majlis Perbandaran Kajang melimpah ke dalam Sungai Lempang dan mengalir ke Sungai Semenyih. Apakah kedua kejadian ini tidak boleh berulang lagi, jawapannya ialah ia boleh berlaku lagi.

Saya ingin memetik kata-kata Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar hari ini dalam akhbar *The Star* bahawa bank tanah yang dibina untuk mengepungpusat pelupusan sampah Sungai Kembong mungkin pecah semula jika hujan lebat turun kerana bank tersebut tidak kukuh untuk menahan sampah-sarap yang ditimbus. Inilah yang berlaku pada hari Sabtu lalu apabila sebahagian bank runtuh dan air larut resap mengalir ke dalam sungai yang menyebabkan pencemaran kecuali menurut beliau struktur konkrit dibina segera untuk menghalang air kotor memasuki sungai.

Perkara yang sama pun berlaku juga di Sungai Selangor. Menurut Jurutera Majlis Perbandaran Selayang dalam akhbar *Malay Mail* hari ini yang bertanggungjawab ke atas Pusat Pelupusan Sampah Kundang dekat Rawang yang berdekatan Sungai Air Hitam, anak Sungai Selangor didapati telah tercemar oleh cecair hitam pekat yang datang dari tempat pelupusan sampah. Bila hujan turun paras air larut resap meningkat dan mengeluarkan bau busuk. Selagi hujan turun dan mengalirkan ke sungai selagi masalah air larut resap tidak diuruskan dengan penyenggaraan berkesan dan cekap.

Masalah bekalan air tercemar dengan kandungan ammonia yang tinggi ia tidak dapat dielakkan. Tuan Yang di-Pertua, dua kejadian ini mengajar kita supaya jangan lagi bertolak ansur dengan apa jua perusahaan yang boleh mendekati bahaya alam sekitar yang terletak di dalam dan didekatkan anak-anak sungai yang mengalirkan ke dalam kawasan tadahan. Saya bersetuju dengan teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengenakan hukuman lebih keras ke atas pihak yang menyebabkan pencemaran sumber bekalan air. Saya ingin membangkitkan di sini bahawa bukan dua kejadian itu sahaja menyebabkan air berbau busuk dan mengandungi kadar ammonia yang tinggi, boleh menyebabkan bahaya dan kesihatan.

Malah setiap hari sekarang orang ramai dan para pengguna bekalan air yang sekarang diserahkan kepada SYABAS untuk menguruskan berkaitan bahagian masalah. Antaranya ialah yang pertama, kandungan klorin air berlaku kerana berbau busuk, mengandungi keladak rumpai halus yang menyebabkan para pengguna terpaksa membeli dan memasang penapis air yang menelan kos yang tinggi di kepala paip di rumah mereka. Kita boleh melihat keladak hitam, coklat dalam balang penapis yang dipasangkan di rumah yang perlu sentiasa diganti baru. Ini menunjukkan air yang dirawat dan dibekalkan oleh SYABAS tidak bersih, tidak jernih macam air mineral yang banyak dijual.

Contoh paling mudah kita pergi mana-mana mesin air yang dijualkan sebotol seliter pada harga 20 sen. Air yang ditapis dan dituras itu bersih boleh diminum tetapi alat penapis yang dipasang belakang mesin itu menunjukkan keladak coklat hitam. SYABAS meletakkan punca pada batang paip yang sudah lama, berkarat dan pecah dan kebocoran dalam tanah. Para pengguna terpaksa bukan sahaja membayar caj bil yang tinggi pada setiap bulan tetapi juga terpaksa memasang kos tambahan seperti memasang alat penapis air di rumah bagi mendapatkan air bersih.

Yang kedua, gangguan bekalan air di sesuatu kawasan tanpa notis awal yang jika ada notis pun dia tidak di *accessibility* kepada pengguna terutama di Kuala Lumpur dan Lembah Klang yang menyebabkan pengguna tidak dapat menyimpan bekalan lebih awal. Yang ketiga, kekurangan kakitangan baik pihak SYABAS yang menyebabkan aduan-aduan lewat diselesaikan dan begitu juga Jabatan Alam Sekitar yang menyebabkan langkah menguat kuasa tidak kuat dan berkesan.

Yang keempat, sementara kita menunggu projek menyalur air mendak dari Pahang ke Selangor dan Kuala Lumpur sebagai bekalan tambahan air sedia ada dari Sungai Langat, Semenyih dan Sungai Selangor, kawasan tadahan air yang ada perlu dipelihara dan dijaga dari pencemaran.

Ini termasuk kekerapan pemantauan darat, sungai dan udara perlu dijalankan dan bertindak segera untuk menghalang dari dicemari. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa kerajaan supaya jangan mengenakan caj bil air yang tinggi kepada penduduk-penduduk Lembah Klang jika boleh mengurangkan kerana mereka terpaksa merawat sendiri air mentah yang disampai ke rumah dengan mengeluarkan belanja memasang alat penapis air bagi mendapatkan air bersih, permintaan ini munasabah supaya para pengguna tidak dibebani dengan kos bekalan air yang tinggi. Di samping itu, konsep melupuskan sampah di pusat pembuangan sampah terbuka tidak lagi sesuai dilaksanakan dalam kawasan berdekatan anak-anak sungai.

Bukan itu sahaja, kerajaan hendaklah memperhebatkan gerakan memelihara hutan kawasan tadahan hujan yang menjadi sumber bekalan air dari menimbang balik secara halal atau haram, mengambil langkah memindahkan kilang-kilang dari beroperasi berdekatan sungai di kawasan lain. Tuan Yang di-Pertua akhirnya yang terpaksa dilakukan ialah langkah mendidik semua pihak akan kepentingan kebersihan alam sekitar dan bahaya alam sekitar hendaklah dipertingkatkan. Langkah pendidikan alam sekitar sekarang tidak cukup berkesan untuk menyedar dan menggerakkan mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam. Air busuk itu sampai ke Bukit Mertajam juga?

4.59 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Di seluruh negaralah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang. Insiden pencemaran ammonia di Sungai Semenyih menarik perhatian kerana dia mengakibatkan kesan yang teruk kepada masyarakat kerana ia mencemarkan air minuman kita tetapi di seluruh negara terdapat banyak sungai yang telah mencapai pencemaran yang tahap kelima iaitu telah sangat dicemarkan.

Dan ia menjadi semakin teruk, semakin banyak sungai dicemarkan. Mengikut angka yang diberi oleh Kementerian yang bahawa pada tahun 1990, kita ada sungai yang bersih 48 batang, ia turun ke 42 pada tahun 1996 dan ia turun lagi pada 24 saja pada tahun 1997. Jadi sekarang sudah 2006, saya sangat berminat untuk tahu ada berapa sungai yang bersih lagi. Sungai yang sangat tercemar ialah telah meningkat pada tujuh batang sungai pada tahun 1990, 13 batang pada tahun 1996 dan lagi meningkat ke 25 batang sungai pada tahun 1997. Jadi saya pun ingin hendak tahu pada tahun 2006, berapakah yang telah di *classified* kan sebagai sangat cemar? Dan *slightly polluted*, sungai yang *slightly polluted* telah meningkat dari 35 batang pada tahun 1990 ke 68 batang pada tahun 1997.

Jadi saya rasa di mana-mana pun kita dapatlah sungai di mana airnya sangat busuk walaupun kita tidak minum air daripada itu. Dan baru-baru ini dikatakan oleh WHO bahawa Sungai Juru telah menjadi paling cemar di *South East Asia*. Jadi saya rasa ini adalah satu Malaysia boleh yang kurang baik. Kita kalau boleh menjadikan sungai yang, semua sungai yang bersih, itu adalah satu pencapaian yang baik tetapi kalau kita mencapai bahawa ada sungai yang tercemar, saya rasa ini Kementerian mesti bekerja lebih keras lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Sungai Juru ini memberikan satu contoh di mana pembangunan yang menguntungkan seperti pemaju, seperti pengilang tetapi telah mendatangkan akibat yang buruk kepada orang biasa. Dan juga nelayan-nelayan yang kecil kerana dulu Kuala Juru ini merupakan satu kampung nelayan di mana hasil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu dari kawasan mana?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kawasan dekat saya, dulu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dari mana kawasan dekat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Batu Kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir ini perkara yang tertentu dan kita benarkan bahas. Jadi tidak adil kepada Menteri kerana diluluskan kerana perkara tertentu. Jadi tertentu apa yang dikatakan oleh Seputeh. Saya tidak benarlah untuk kita membangkitkan perkara yang jauh daripada isu inilah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap boleh benarkan dua minit lagi kerana ini ada untuk menarik perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan kerana masa, bukan kerana masa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana isu, ini sebab perkara yang tertentu. Jadi yang tertentu Speaker membenarkan Usul ini dibahaskan kerana perkara yang tertentu sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Seputeh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi saya fikir kalau saya membenarkannya, tidak semesti Yang Berhormat Menteri dapat memberikan jawapan kerana perkara ini perkara yang tertentu juga. Cukuplah, cukup, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini adalah pencemaran, dan pencemarannya boleh dilakukan kerana ammonia dan juga dari pencemaran yang lain. Yang saya katakan ialah kesan kepada orang ramai. Yang saya harap ialah menarik perhatian Menteri supaya dia akan memberi perhatian macam mana dia akan menyelesaikan masalah pencemaran juga di Sungai Juru. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak ada jawapan pada hari ini, saya pun boleh terima jawapan bertulis nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini telah jadi satu soalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Walau bagaimanapun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya kena ikut peraturan Mesyuarat membenarkan perkara ini dibahaskan kerana perkara ini tertentu. Dan sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Seputeh yang kita membenarkan perbahasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya akan hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi tumpuan juga kepada masalah di Sungai Juru. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Keponglah sebab dekat Kuala Hulu Langat.

4.55 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya gembiralah dengan Yang Berhormat Menteri sendiri yang hadir untuk menjawab semua; kerana masalah ammonia ini bermula dua, tiga tahun. Pada tahun 2004 sampai 2005, ada 15 kes ammonia yang mencemarkan air minum. Dalam bulan ini dua kali sudah, Bukit Tagal dan sini di Semenyih. Saya mencadangkan supaya kerana kita tahulah apa masalahnya, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengadakan kajian ke seluruh bukan sahaja di Semenyih, malahan juga di Selangor dan di Wilayah Persekutuan mengkaji kerana kita ada lebih 160 tapak pelupusan sampah rasmi yang longgokan sampah tu tak tahulah bilangannya.

Dan saya berharap Kementerian dapat mengkaji ke seluruh negara terutamanya tapak pelupusan yang terdekat dengan sungai ataupun tadahan air dan kita mesti buat. Yang kedua, pihak Kementerian mestilah mengkaji rang undang-undang yang ada sekarang sama ada mempunyai gigi ataupun tidak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor, saya ingat hendak minta penjelasan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Menurut pengalaman saya, saya buat aduan sebelum Yang Berhormat menjadi Menteri, tidak pasti berapa kali mengenai hal ini kerana *leakage* daripada tapak pelupusan di Jinjang, ini satu misalan kerana ini ada berkaitan. Pihak Kementerian memberi amaran dan nasihat kepada kerajaan tempatan. Sebanyak tujuh, lapan kali tetapi pihak kerajaan tempatan tidak mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah *leakage* yang mengalir ke hulu sungai, mencemarkan Sungai Klang. Di sini bermakna undang-undang yang ada sekarang tidak cukup, tidak mempunyai kesan ataupun mempunyai gigi untuk mendatangkan hasil yang baik. Gigi palsu pun tidak payahlah, kita hendak gigi yang tulen. Yang Berhormat Menteri pun tahulah yang palsu itu tidak begitu kuat, kurang kuat.

Sebab itulah saya berharap yang pertama itu tadi kajian ke seluruh negara termasuk di kawasan Semenyih dan juga yang kedua meminda Akta-akta yang ada sekarang kerana Akta Kualiti itu 70-an, Kualiti Alam Sekitar 1974 kalau tidak silap saya. Ini tidak cocok dengan zaman sekarang.

Dan yang ketiganya, mungkin Kementerian adakan satu jabatan khas menyelaras dengan pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi supaya kita khasnya untuk memantau keadaan kawasan tadahan air, sungai dan sebagainya supaya rakyat Malaysia dapat minum air yang benar-benar tidak mengandungi ammonia ataupun benda-benda tercemar yang lain. Adakah saya ada dua minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah. Yang Berhormat, saya hendak bagi lebih pun tidak boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Gombak, Gombaklah boleh mengemukakan cadangan yang baik juga. Hulu Langat tidak payahlah, saya dengar Sungai Hulu Langat tercemar sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, duduklah Yang Berhormat. Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang dan ruang untuk, Kepong diamlah Kepong... *[Ketawa]*

Untuk menyatakan pandangan saya berkenaan dengan usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Seputeh yang menyentuh isu tapak pelupusan Sungai Kembong, yang terletak dalam kawasan Parlimen Hulu Langat. Untuk pengetahuan Kepong, kawasan Parlimen Hulu Langat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk kawasan siapa?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Kawasan sayalah...
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat lebih fahamlah.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Tidak. Ini Bukit Tagar, itu Kepong punya kerja... [Ketawa] Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang telah mengambil langkah serta tindakan serta-merta bagi menyelesaikan isu ini. Yang Berhormat Menteri bukan sahaja hadir di Dewan pada hari ini untuk menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Seputeh, malah mengambil tindakan segera, proaktif, serta-merta malah kelihatan di kaca TV malam tadi, begitu garang, begitu agresif memberi komen serta pandangan beliau kepada konsultan yang mengendalikan tapak pelupusan sampah ini. Ini adalah satu tindakan yang baik bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Masalah ada, tapi perlu diselesaikan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 17 kali, betul juga.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Nantilah dulu, sabarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, bolehkah jangan kacau, tutup *mic*?... [Menyampuk].

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, tapak pelupusan Sungai Kembong yang telah beroperasi begitu lama yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Kajang, telah dicadangkan untuk ditutup hujung tahun ini dan Majlis Perbandaran Kajang telah pun mempunyai sistem atau cara alternatif bagi melupuskan sampah di kawasan Majlis Perbandaran Kajang. Satu-satunya sistem yang akan diamalkan oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan di seluruh negara, iaitu sistem RDF.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebelum ini difahamkan bahawa *incinerator* yang bernilai RM1.2 bilion akan dibina juga di dalam kawasan Parlimen Hulu Langat untuk menyelesaikan masalah pelupusan sampah tetapi sampah ini, bukan sampah Selangor. Ini sampah Kuala Lumpur termasuk sampah Puchong yang banyak buang sampah. Eh, Puchong pula, Kepong!...
[Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh juga. Adakah termasuk Seputeh?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ya, Seputeh pun termasuk. Suka buang sampah, suka mengganggu alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, sistem RDF ini akan dapat menyelesaikan masalah pelupusan sampah dalam kawasan Majlis Perbandaran Kajang. Dalam isu *incinerator* ini, DAP dan konco-konconya masih sahaja membuat demonstrasi tiap-tiap hujung minggu bagi menentang pembinaan *incinerator* ini. Hulu Langat sudah sanggup menerima *incinerator* dibina di kawasan itu. Bila bina *incinerator*, DAP juga bising.

Bila *leachate* juga keluar, masuk dalam sungai, DAP juga bising. Apa yang mereka mahu? Adakah Kepong setuju, bahawa *incinerator* itu dibina di Kepong pula, atau di kawasan Seputeh? Mereka juga tidak inginkan perkara sedemikian. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Puan Teresa Kok Sh Sim [Seputeh]: [*Berjalan masuk ke dalam Dewan*]

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Wah, Seputeh pun masukkah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Akan tetapi Yang Berhormat, walaupun Hulu Langat ada itu cadangan juga, tapi malangnya dia tidak tahu, di Kepong itu tapak pelupusan lebih tua, 30 tahun dan sekarang ada stesen pemindahan pula di Kepong. Tidak, stesen pemindahan masih ada.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Kepong punya itu dah lama, sudah *out-dated* dan tidak boleh pakai lagi. Samalah dengan Yang Berhormatnya sekali... [*Ketawa*] Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kos untuk mengendalikan sesuatu kawasan pelupusan kawasan sampah adalah tinggi dan saya ingin mencadangkan pihak kementerian untuk mendapatkan peruntukan yang lebih besar. Bukan sahaja untuk mengendalikan tapak pelupusan sampah yang masih beroperasi, malah tapak-tapak pelupusan sampah yang sudah ditutup atau bakal ditutup kerana jika tapak-tapak ini tidak dikendalikan dengan baik, ia bukan sahaja akan melepaskan larutan larut resap ke dalam sungai yang mengakibatkan penutupan muka sauk dan bekalan air tetapi juga ianya akan menyebabkan perkara-perkara yang lain seperti berlakunya pembiakan binatang-binatang liar terutamanya anjing dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa persoalan yang seharusnya dijawab oleh pihak kerajaan, bagi menentukan perkara ini tidak berulang lagi. Sekarang ini, amalan yang dilakukan oleh penduduk-penduduk di sepanjang lembangan sungai, terutama sekali Sungai Langat dan Sungai Semenyih. Kebanyakan penduduk menganggap bahawa sungai adalah *backyard*, belakang rumah.

Boleh atau tidak, kita mengamalkan atau mengubah persepsi ini supaya penduduk-penduduk menganggap bahawa sungai adalah *water front* kepadanya, iaitu mengasihi sungai dan mencintai sungai dan menganggap sungai adalah satu pemandangan yang indah untuk dinikmati di hadapan rumah, bukan di belakang rumah. Bukan menjadi satu tempat pembuangan sampah atau pelupusan benda-benda yang kita tidak ingini.

Adakah kita boleh mengadakan satu peraturan misalnya satu kaedah, supaya kawasan 200 meter atau 100 meter daripada tebing sungai di mana sungai itu menjadi bekalan kepada air minuman dikosongkan. Tidak ada kediaman, tidak ada penempatan, tidak ada pembangunan industri dan sebagainya. Bolehkah kita melaksanakan tindakan ini secara bersepadu. Mulakan daripada sekarang supaya ianya tidak akan berulang lagi satu masa akan datang. Kalau kita tidak mengambil tindakan ini sekarang, suatu hari nanti, kita tidak mempunyai bekalan air...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Sikit lagi. Dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya teringatkan, Menteri juga perlu sedikit masa untuk jawab.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Dua minit, Tuan Yang di-Pertua. Dekat mana saya tadi? Soalan berikutnya, adakah satu koordinasi dilakukan di antara kerajaan negeri, kerajaan negeri yang menguasai serta menguruskan sungai dengan koordinasi kerajaan tempatan yang melupuskan sampah, dan koordinasi daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Koordinasi ini sangat penting...

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Boleh, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulang kepada Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Bagi 1 minit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit, banyak.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi cadangan kepada Yang Berhormat Hulu Langat supaya tindakan merancang sungai ini pun dimasukkan ke dalam pelan struktur pihak-pihak berkuasa tempatan yang selalu dibuat ataupun dilakukan di pihak-pihak kerajaan tempatan. Kerana kadang-kadang, dalam pelan struktur ini, sungai ditinggalkan seolah-olah macam tidak penting, terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Jerlun. Selalunya Tuan Yang di-Pertua, perkara yang melibatkan sumber asli, punca air dan sebagainya, tidak diambil kira ketika kita merancang, terutama sekali dalam hal-hal pembangunan. Saya ingin mengajak pihak kementerian, pihak kerajaan, lupakanlah pembangunan-pembangunan yang terlalu mega, sehingga kita melupakan, sehingga kita melupakan dari mana sumber air yang kita minum? Satu hari nanti, kita akan kehabisan sumber.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan yang berlaku di tebing-tebing sungai. Banyak industri haram. Industri-industri yang tidak mendapat kebenaran membina perusahaan mereka di tebing-tebing sungai. Menyalurkan air buangan ke dalam sungai dan akibatnya menyebabkan kotoran sungai. Industri-industri ini juga menjadi punca kepada keseluruhan kotoran yang berlaku dalam sungai. Banyak tindakan oleh kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah ini.

Sekali lagi halangan ini datang daripada rakan kita DAP terutama sekali di Kepong, di kawasan-kawasan perindustrian yang tidak mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyarankan supaya satu tindakan tegas mesti diambil kepada mana-mana pihak yang didapati bersalah, didapati bertanggungjawab, mencemarkan sungai...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sedikit sebelum habis? Terima kasih Yang Berhormat. Saya hairan bagaimana mereka yang tidak ada kebenaran secara haram boleh mendirikan kilang-kilang industri yang tidak mendapat izin. Apakah kemungkinan ada orang dalam yang membuat kelulusan ini ada kepentingan mereka sendiri dan ini perlu diambil tindakan dengan segera, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Sebenarnya mereka tidak dapat kebenaran. Ini perusahaan yang dilakukan di belakang atau *backyard* industri yang kita panggil dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pengalaman saya sendiri, saya sedang melihat dengan mata kepala saya sendiri, keadaan air di muka-muka sauk sepanjang Sungai Langat, sepanjang Sungai Semenyih dan kalau kita melihat dengan mata kepala kita sendiri, saya sendiri tidak mampu, tidak sanggup untuk minum air yang ditapis daripada pusat...

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Kalau kita lihat bahawa saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Kalau kita melihat ammonia ini satu perkara yang begitu asas. Kalau berlaku kontaminasi ammonia, bermakna pada saya ada kontaminasi *biological* yang lain. Yang mana tidak dilakukan pemeriksaan. Jadi kalau sudah berlaku kontaminasi ammonia, tentu perkara-perkara lain juga terdapat kontaminasi tetapi yang kita mahukan ialah perkara ini ialah perkara yang berulang, iaitu perkara baru berlaku bulan Februari berlaku lagi bulan Mac. Jadi kita dapati ada ketirisan di dalam sistem penyampaian. Jadi selain daripada koordinasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, apakah perkara-perkara lain yang harus dilakukan supaya ketirisan ini tidak terus berlaku. Sekarang kita diambang Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Ketirisan ini akibatnya daripada pelaksanaan semata-mata, penguatkuasaan dan kita lalai, kita leka tentang kesan dan akibat daripada kelalaian kita sendiri. Kita tidak upaya untuk memastikan bahawa kawasan yang sepatutnya kita jaga dengan baik, kita biarkan begitu sahaja. Apabila timbul masalah baru masing-masing menuding jari menyalahkan di antara satu sama lain dan ini bukanlah satu perkara yang sepatutnya timbul dalam keadaan sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sekali bahawa perlunya ada peruntukan jumlah yang besar, yang memadai, bagi terus mengurus serta menyelenggara pusat-pusat pelupusan sampah. Bukan sahaja ketika dia beroperasi, tetapi ketika dia sudah ditutup dan kos ini sangat besar dan saya percaya kementerian mempunyai keupayaan untuk memohon peruntukan yang besar ini.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan keadaan muka sauk yang terlalu kotor dan *filthy* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan tidak menggambarkan bahawa itu adalah tempat pengambilan air untuk tujuan minuman. Dia lebih merupakan seolah-olah muka tali air untuk tujuan pengairan sawah padi daripada tujuan pengambilan untuk minuman dan saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini, kalaulah Yang Berhormat Kepong dan rakan-rakan yang lain daripada Seputeh misalnya untuk datang dan melihat sendiri keadaan muka sauk.

Saya juga menjemput Yang Berhormat Menteri untuk juga hadir ke tempat muka sauk di mana air itu diambil untuk tujuan penapisan. Kalau kita tengok daripada muka air itu sendiri dengan bangkai, dengan katil buruk dengan tilam buruk dengan kelambu buruk, dan apa segala yang buruk ada dalam muka sauk itu, dan itukah air yang akan kita minum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

5.14 ptg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membincangkan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Seputeh mengenai kejadian pencemaran ammonia di Sungai Semenyih.

Sebagai latar belakang ingin saya maklumkan bahawa tapak pelupusan sampah sungai Sungai Kembong terletak di kawasan Mukim Beranang dan luasnya lebih kurang 40 ekar. Tapak ini digunakan sebagai tapak pelupusan sisa pepejal yang dijana dari kawasan Majlis Perbandaran Kajang bagi melupus kira-kira 500 tan sampah pada setiap hari. Pada 14 April 2006, jam lebih kurang 3 petang, berlaku hujan lebat yang telah meruntuhkan ban yang dibina untuk menahan air resapan atau *leachate* dari tapak pelupusan sampah terbuka Sungai Kembong mengakibatkan air pelepasan *leachate* mengalir keluar lalu memasuki sungai Beranang dan seterusnya ke Sungai Semenyih. Air resapan ini menyebabkan kandungan ammonia dalam air sungai meningkat kepada paras 4.8 miligram persatu liter dicatat pada 8 pagi, 15 April 2006 di muka sauk, loji rawatan air Abbas yang terletak 15 kilometer di hilir tapak pelupusan sampah terbuka Sungai Kembong.

Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar telah bekerjasama rapat dengan Majlis Perbandaran Kajang serta syarikat konsesi Air Abbas bertindak cepat turun padang untuk mengambil tindakan segera bagi menangani kejadian tersebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta sedikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, syabas kerana turun padang, semalam kita dapat lihat dalam yang disiarkan oleh semua TV. Cuma saya hendak tanya sampaikan Yang Berhormat macam hilang sabar. Apakah Yang Berhormat sudah memberi amaran keras kepada pegawai-pegawai yang terlibat atau siapakah Yang Berhormat menuding jari semalam. Seolah-olah Yang Berhormat memberi satu amaran kepada pegawai-pegawai yang tidak menjalankan tugas. Boleh sedikit dapat penjelasan Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat pergi ke lebih jauh lagi. Sebab saya tengok Yang Berhormat begitu hebat semalam, seolah-olah tidak ada kompromi dalam soal ini. Apakah satu amaran keras telah diberikan kepada pegawai-pegawai Yang Berhormat sendiri.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Gambaran yang saya pun tidak sempat lihat di kaca TV semalam. Saya dapat cerita bahawa saya seolah-olah memarahi pegawai tetapi sebenarnya semua pegawai bekerjasama dalam perkara ini, semua jabatan bekerjasama. Cuma yang saya memarahi ialah kepada pihak *consultant* dan kontraktor yang telah mengatakan mereka telah membuat sesuatu, tetapi apabila saya turun ke bawah saya tidak nampak benda-benda itu ada dan wujud. Maka saya mengatakan kamu perlu cerita yang sebenar bukan cerita beda yang tidak ada. Maka saya naik bengang jugalah. Jadi, oleh kerana itu, saya menyarankan semua pihak.

Oleh kerana tempat-tempat yang busuk tidak banyak orang yang suka pergi, maka saya menyarankan kepada semua pihak termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan sentiasa turun ke bawah untuk melihat dengan kaca mata sendiri apakah sebenarnya dibuat di kawasan tempatan. Terima kasih Yang Berhormat.

Jabatan Alam Sekitar Selangor telah pada hari yang sama juga dapat mengenal pasti semua tempat air resapan mengalir keluar dari tapak pelupusan sampah terbuka tersebut dan mengarahkan pihak kontraktor Majlis Perbandaran Kajang menutup tempat-tempat berkenaan sehingga tiada lagi aliran keluar air resapan di Sungai Beranang. Pada jam lebih kurang 1 tengah hari, hari yang sama, semua aliran keluar resapan dapat dikawal sepenuhnya. Pada jam 4 petang hari yang sama, paras ammonia dalam sungai telah menurun pada 1.4 miligram satu liter.

Syarikat ABBAS telah mula mengambil aliran semula dari Sungai Semenyih pada 4.30 petang untuk diproses. Maka tindakan telah diambil telah cepat boleh dikesan pada 8 pagi, pukul 4.30 petang semuanya boleh jalan balik semula. Ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa tapak pelupusan sampah ini tidak mempunyai sistem rawatan air resapan atau apa-apa bentuk sistem kawalan pencemaran air kerana ianya dibuat dalam sistem buangan sampah terbuka yang dalam negara pada hari ini jumlah yang sama, jumlah tapak pelupusan sampah yang jenis yang sama lebih kurang 155 tapak. Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, kalau tapak pelupusan sampah ini tidak mempunyai sistem perawatannya sendiri, bagaimanakah tapak pelupusan sampah ini dibenarkan oleh pihak-pihak yang memantau walhal tambahan pula tapak pelupusan sampah ini begitu hampir dengan sungai. Mohon penjelasan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, kerajaan memang sedar perkara ini berlaku bukan sahaja hari ini bahkan cara majlis-majlis bandaran kita membuang sampah ialah cara yang lama. Sebenarnya caranya cara yang amat lapuk, cara yang sebagaimana saya katakan cara yang digunakan di *Third World*. Sambil kita mengatakan kita menuju ke arah *First World* tetapi cara kita membuang sampah adalah cara *Third World*, menggunakan tapak-tapak yang kosong.

Kalau dahulunya di tebing-tebing sungai, kalau dahulunya tidak ada orang, hari ini sudah ada banyak orang di kelilingnya, kalau dahulunya di tepi-tepi hutan, hari ini sudah bukan lagi hutan. Maka cara ini adalah cara dahulu dan tidak ada cara pada masa itu, tidak ada sistem yang dibuat untuk merawat *leachate*. Maka hari ini kita kenal pasti daripada 246 tapak seperti ini telah kita tutup sebanyak 83 tapak dan hari ini tinggal 163 yang mana daripada 163 itu, lapan telah ditukar kepada sistem *sanitary landfill* yang diguna dan dibuat secara yang teratur dan lebih saintifik caranya...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Dan yang bakinya 155 di seluruh negara.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bera dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ingin bertanya, selain daripada pihak Yang Berhormat akan mewartakan penguatkuasaan dibuat, akta ada, undang-undang ada tetapi masih berlaku lagi. Mereka sebenarnya tidak takut dengan undang-undang yang ada sehinggakan pelupusan sampah ini diambil tidak kisah sehingga menimbulkan masalah penyakit, mendatangkan mudarat kepada penduduk dan sebagainya.

Apakah sudah tiba masanya kalau pendekatan pendidikan tidak boleh kita terima, apakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu akta? Sudah tiba masanya mungkin mandatori hukum gantung atau disebabkan rotan kerana ini bukan perkara main-main. Ini boleh mencemarkan dan boleh mendatangkan mudarat kepada masyarakat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa pandangan Yang Berhormat dalam masalah ini?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh?... Sama, sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah Yang Berhormat Menteri?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Mengenai perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkanlah kalau boleh selesaikan jawapan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada satu soalan tadi, biar saya jawab dahulu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Lebih kurang sama, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau lebih kurang sama, tidak payah tanya lagilah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Akan tetapi ada implikasi daripada undang-undang.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tidak apa, itu pun disebut dari segi ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, okey.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya pun ada di sini buku undang-undangnya iaitu *Environmental Quality Act 1974*. Kita dapati memang ada kelemahan dalam undang-undang kita dan pihak kementerian sedang menyusun dan bekerjasama dengan pihak Peguam Negara untuk menambah dan memperkuatkan undang-undang ini oleh kerana ada perkara-perkara yang sewajarnya dimasukkan tetapi oleh kerana tidak ada, maka wujud kelemahan-kelemahan.

Yang keduanya ialah *structural problem*, oleh kerana pertindihan kuasa antara Pusat, negeri dan majlis-majlis tempatan hinggalah menyusahkan tindakan-tindakan yang diambil tetapi Yang Berhormat, ini semua adalah masalah-masalah yang dapat kita atasi tetapi memerlukan masa. Okey, Yang Berhormat...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya sedikit.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Undang-undang tadi kan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bukan. Saya...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Bagi *chance* dia tanya sekejap.

Last dua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kembali kepada pusat pelupusan yang mempunyai sistem pengawalan *leachate* ini iaitu Bukit Tagar ini. Saya difahamkan bahawa *detail Environment Impact Assessment* ini atau EIA telah dikemukakan oleh Bukit Tagar pada 22 Jun 2004 dan ia telah diluluskan pada 13 September 2004 dengan syarat yang ketat. Satu daripada syarat yang ketat ialah tidak dibenarkan *leachate* mendak atau *leachate* yang telah dirawat dilepaskan ke mana-mana alur sungai termasuk Sungai Tinggi, pelabuhan-pelabuhan dan seterusnya.

Tetapi selepas dua tahun lebih sistem rawatan *leachate* ini masih tidak ada di Bukit Tagar yang telah menyebabkan di mana lebih daripada 3 juta penduduk di sekitar Lembah Klang telah meminum minuman yang berammonia tinggi. *Alright*, ini isu yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Ini saya kena kawal masa.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak. Ini penting ini. Satu isu yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang ini penting ini, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bila cukup masa saya akan berhentikan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Dia kata hendak keluar sedikit...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Di mana penguatkuasaan daripada Jabatan Alam Sekitar ini. Dan yang teruk sekali kalau kena ini, PBT yang kena ataupun negeri yang kena. Saya hendak tahu macam mana kita... Saya tahu menteri baru menjadi Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, saya hendak tahu dengan benda yang baru, dengan ekspektasi yang baru, saya harap menteri boleh memperkuatkan lagi unit penguatkuasaan di Jabatan Alam Sekitar. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab juga mengenai Bukit Tagar tetapi memakan masa. Kalau Tuan Yang di-Pertua izin, saya akan jawab, tetapi biar saya habiskan ini dahulu kerana Bukit Tagar adalah satu topik yang berbeza.

Jadi berhubung dengan tindakan memberhentikan pengambilan air dari Muka Sauk, saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini Loji Rawatan Air Minum ABBAS, Syarikat ABBAS tidak mempunyai kemudahan untuk merawat ammonia dalam air mentah. Oleh itu apabila kandungan ammonia dalam kandungan air sungai meningkat melebihi 1.5 miligram satu liter, Syarikat ABBAS terpaksa memberhentikan pengambilan air. Ini kerana paras ammonia yang selamat dalam air minuman adalah tidak melebihi 1.5 miligram satu liter seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya sedikit sahajalah, sedikit sahaja hendak tanya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Biar saya habiskan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memandang masalah pencemaran oleh tapak-tapak pelupusan sampah ini sebagai satu perkara yang amat serius. Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mencadangkan dan telah pun mencadangkan kepada Jawatankuasa Kabinet yang mengendalikan dan bertanggungjawab mengenai masalah sisa-sisa pepejal yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang akan bersidang pada 28 April 2006.

Cadangan ialah supaya semua tapak pelupusan sampah terbuka di seluruh negara ditutup dan dibersihkan. Mengikut perkiraan angka kos tiap satu hektar untuk menutup dan tutupan ini tidak boleh dibuat hari ini dan esok siap malah selepas ditutup ianya perlu dirawat dalam tempoh rawatan antara 10 hingga 15 tahun dan jangkaan perkiraan kos ialah RM50 ribu satu hektar satu tahun. Jikalau tapak itu kecil dalam 15 hektar, satu tahun memerlukan lebih kurang RM600 ribu. Ini kiraan yang telah dibuat berdasarkan kepada apa yang dibuat oleh JAICA bersama syarikat tempatan di Butterworth sebagai projek perintis. Ini termasuklah tapak pelupusan Sungai Kembong.

Kemudahan-kemudahan pelupusan sampah yang lebih mesra alam akan dicadangkan untuk mengganti semua tapak pelupusan sampah terbuka sama ada menggunakan sistem yang baru dikenali di Malaysia yang sedang dibuat, *confectioning*, dan siap pada bulan Jun tahun ini iaitu sistem *Refuse Drought Fuel* yang sedang bermula di Semenyih sekarang. Sama ada digunakan itu ataupun digunakan sistem *landfill* secara *sanitary*.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi perkara lain termasuk perundangan dan sebagainya, saya rasa saya akan memberi jawapan bertulis kerana tempoh masa yang tidak cukup...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Mengenai Bukit Tagar, Bukit Tagar sebenarnya kalau ditengok atau dilihat sistem yang ada adalah sistem yang terancang sebagai sebuah *landfill system* yang terancang dalam negara. Cuma semasa mereka diizinkan menerima sampah, sebenarnya keadaan dalam Lembah Klang begitu kritikal, tidak ada tempat yang sesuai. Kalau hendak dibuang di Kundang, hendak dibuang di Sungai Kembong, terlalu padat. Maka diizinkan Bukit Tagar mengambil sampah sementara mereka membina apa yang dikatakan loji *leachate*.

Sementara mereka menunggu loji *leachate* itu sedang dikomisenkan, berlaku hujan lebat dan kebocoran satu paip – saya sendiri melihatnya. Paip itu telah bocor dan melalui parit dan ke sungai. Sebenarnya *leachate* yang keluar ke Sungai Selangor bukan sahaja datang dari Bukit Tagar bahkan banyak lagi tempat termasuk di Kundang yang saya juga melihat, bukan sahaja turun ke bawah bahkan daripada kapal terbang melihat tempat-tempat lain. Jadi banyak menganggap hanya Bukit Tagar yang mengeluarkan *leachate* tetapi tempat lain juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Jadi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat semua, sistem yang ada di Bukit Tagar sebagai sistem *landfill* adalah yang terbaik dalam negara pada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Peraturan Mesyuarat 18(1), terpaksa saya berhentikan kepada mesyuarat. Saya harap Yang Berhormat fahamlah. Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan yang demikian saya tutup perbahasan ini.

Yang Berhormat Segambut, saya berikan masa 5 minit untuk selesaikan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu saya menyarankan agar satu badan yang bebas ditubuhkan dalam menyediakan polisi kesihatan nasional. Ini amat perlu kerana kepentingan dan kepakaran yang pelbagai amat diperlukan dan ini merangkumi pihak swasta, agensi kerajaan dan juga badan-badan NGO.

Kerajaan perlu menubuhkan badan ini dan ahli-ahlinya dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman serta bidang kuasa yang relevan. Badan ini perlu diketuai oleh seorang yang dipercayai dan mempunyai kredibiliti yang tinggi. Berdasarkan isu-isu kompleks yang telah saya utarakan di atas, saya menyarankan agar badan ini ditubuhkan di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Bangsa Malaysia dan ekonomi. Malaysia adalah sebuah negara yang telah dirahmati oleh Tuhan dan pelbagai kaum tinggal dalam keadaan yang aman dan juga harmoni. Inilah kekuatan kita sebenarnya. Jika kita mengkaji sejarah negara kita, Malaysia telah melalui pelbagai episod yang mencabar. Kami telah melalui setiap episod yang muncul lebih kuat dan matang dan kini telah menjadi sebuah negara yang moden dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa insiden-insiden sebagai hantar mesej yang salah kepada pelabur-pelabur luar negeri iaitu keterlaluan agama. Apa yang lebih membimbangkan adalah kehilangan kepercayaan oleh pelabur-pelabur Singapura dan peniaga tempatan terhadap Malaysia dan mereka mungkin akan melabur wang mereka di luar negeri. Jika ini berlaku, apa akan terjadi kepada masa depan lebih kurang 420 ribu pelajar yang telah menduduki peperiksaan SPM tiap-tiap tahun.

Kerajaan harus memandang serius terhadap isu-isu ini dan mengambil tindakan-tindakan yang sepatutnya tetapi ini memerlukan kehendak politik yang amat kuat. Tindakan-tindakan yang sepatutnya harus diambil untuk mengatasi trend ini. Kita tidak ada pilihan lain.

Dengan komen-komen itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap semua warganegara bekerja keras dan ada peranan menubuhkan satu negara yang lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat boleh berucap pada hari esok... [Ketawa]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10, pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.